



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARATKETIGA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 15)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

(Halaman 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.A.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO

2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA

4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC

5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN

6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO

8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO

11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) - MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

18. Yang Berhormat Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

56. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO

-
94. Yang Berhormat Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 6 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah ada usaha di pihak kementerian untuk memberi peluang dan menggalakkan usahawan bumiputera menceburi bidang perniagaan farmasi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sememangnya memberi peluang dan menggalakkan siswazah-siswazah bumiputera dalam negara kita untuk berniaga dan menjadi usahawan dan ini termasuklah menceburi bidang perniagaan farmasi. Dalam usaha untuk menjayakan hasrat kepada sesiapa yang berminat menjadi usahawan, sokongan dan bantuan yang disediakan oleh kementerian, khususnya meliputi soal-soal pembiayaan, latihan, bimbingan, khidmat nasihat dan premis juga diberi kepada mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan farmasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, seramai 91 usahawan bumiputera telah memohon dan diberikan pembiayaan oleh kementerian ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 75 usahawan telah menerima pembiayaan daripada MARA yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.33 juta. Manakala, 16 usahawan lagi menerima pembiayaan dari Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.98 juta. Di samping itu, setakat ini terdapat sebanyak 33 premis MARA sedang disewa oleh pekedai farmasi yang aktif di seluruh negara.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Jawapannya jelas dan terima kasih di atas bantuan-bantuan yang memang telah disediakan, sudah dipakai pun serta sudah diuruskan. Cuma, saya hendak tanya satu. Bidang ini, kelulusan ini akhirnya tertakluk kepada Kementerian Kesihatan, perniagaan ini, adakah tidak hubungan baiklah, memang ada hubungan baik kerana satu Kabinet.

Macam mana kerjasama antara kementerian Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan ini dengan Kementerian Kesihatan dalam hendak meramaikan orang Melayu, bumiputera dalam bidang inilah, kerana bidang ini masih terlalu kecil kalau dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain, sedangkan yang menggunakan ubat, yang sakit dan sebagainya, lebih ramai orang Melayulah. apa maksud saya Tuan Yang di-Pertua? Maknanya, hubungan baiklah Tuan Yang di-Pertua antara dua kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang ada hubungan yang baik antara kementerian ini dan juga dengan Kementerian Kesihatan. Dalam konteks untuk melahirkan usahawan bumiputera yang

terlibat dalam bidang farmasi ini, satu perkara yang sewajarnya kita patut tahu ialah untuk membuka perniagaan ataupun kedai farmasi, ianya memerlukan mereka yang mempunyai kelulusan farmasi. Itu syarat yang pertama. Yang keduanya, sama ada kita berjaya untuk melahirkan usahawan bumiputera yang ramai ataupun tidak, bergantung kepada bekalan.

Maknanya, jumlah pelajar bumiputera itu sendiri yang mengambil bidang ini di universiti-universiti tempatan ataupun di luar negara. Satu lagi perkara yang sewajarnya kita patut tahu ialah mulai tahun lepas, pihak Kementerian Kesihatan telah menetapkan iaitu siswazah yang keluar dalam bidang ini diwajibkan untuk bekerja, berkhidmat selama tiga tahun dengan kerajaan kerana pada ketika ini memang ada kekurangan farmasi, jawatan-jawatan untuk farmasi dalam kerajaan sebanyak lebih kurang 45%. Itu antara perkara yang mungkin akan mempengaruhi usaha kita untuk melahirkan pekedai-pekedai farmasi bumiputera dalam negara kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bidang farmasi ini saya ingat adalah bidang yang baru diceburi oleh anak-anak bumiputera kita. Dahulu, ramai yang terlibat dalam bidang peruncitan, yang bermaknanya mereka menceburkan diri dalam bidang *retailing*. Adakah Yang Berhormat ingin membangunkan mereka ini daripada menjadi *retailer* ataupun peruncitan dalam bidang perubatan, supaya mereka juga kerana dengan kebolehan mereka ini menjadi pengeluar ubat dan juga pembekal ubat-ubatan kepada pihak kerajaan kita kerana kalau kita mengikut peruntukan di dalam Belanjawan 2006, begitu banyak peruntukan diberi untuk hospital.

Hari ini kita dapat lihat banyak hospital-hospital yang wujud di dalam negara kita ini, hospital swasta dan mungkin dengan kita membangun mereka dari segi membuat ubat, macam *Panadol* dan sebagainya dan ubat-ubatan lain yang sekarang ini banyak kita import, mungkin ini akan dapat mempertingkatkan lagi daripada peruncitan farmasi kepada pengeluar. Mungkin pihak MARA ataupun pihak kementerian Yang Berhormat Dato' boleh membantu mereka untuk menuju ke arah yang sedemikian rupa. Ini akan juga menolong kerana kadang-kadang, saya dapati sukar bagi mereka untuk dapat bekalan dengan harga yang berpatutan. Ini menyebabkan persaingan begitu sengit di dalam pasaran. Sudah tentulah manusia dia akan cari yang murah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pihak kementerian sememangnya sedar bahawa sektor ini merupakan satu sektor yang mempunyai potensi yang besar. Kita telah pun membuat kajian dan melihat rantai nilai ataupun *value chain* dalam bidang ini yang mana ianya bukan sahaja meliputi peluang untuk menjadi pekedai tetapi dalam bidang farmasi ini, seperti kata Yang Berhormat, juga perlu dilihat supaya bumiputera terlibat dalam pengeluaran dan juga pemborongan produk-produk farmasi.

Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kementerian telah pun merangka strategi-strategi dalam usaha kita untuk menepati seperti Yang Berhormat nyatakan itu supaya kita dapat lahirkan usahawan-usahawan bumiputera dalam sektor farmasi ini yang terlibat, bukan sahaja dalam pengeluaran tetapi juga dalam sektor pemasaran produk-produk itu.

Dari segi aspek pengeluaran, kita akan bekerjasama dengan pelbagai agensi yang membuat R&D seperti FRIM, MARDI, SIRIM, Institut Bioteknologi Melaka dan sebagainya di mana kita akan mewujudkan inkubator-inkubator dan kita akan menggalakkan usahawan bumiputera untuk mengeluarkan produk. Selain daripada mengeluarkan produk, kita akan memberi penekanan kepada aspek pemasaran produk-produk tersebut.

Walaupun mungkin ada syarat kerajaan untuk setiap siswazah farmasi itu mesti berkhidmat dengan kerajaan untuk tiga tahun tetapi ini tidak terpakai jika kita menggalakkan usahawan bumiputera untuk terlibat dalam aspek pengeluaran dan juga pemborongan ataupun pemasaran. Jadi yang ini memang menjadi hasrat kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

2. Tuan Jawah Anak Gerang [Lubuk Antu] minta Perdana Menteri menyatakan keuntungan yang diperolehi oleh Petronas akibat daripada kenaikan harga minyak UD60 setong dan kesan-kesan kenaikan ini ke atas ekonomi negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, harga minyak telah meningkat dengan mendadak di pasaran dunia, harga WTI atau pun *West Texas Intermediate*, salah satu *benchmark* yang digunakan umpamanya meningkat daripada purata USD41.60 Amerika tahun 2004 kepada USD56.46 Amerika pada tahun ini iaitu Januari hingga Oktober, sehingga hari ini. Peningkatannya kira-kira 36% tahun ini berbanding tahun lepas. Semalam, umpamanya harga telah meningkat kepada USD62.79 Amerika satu tong. Harga yang tinggi ini adalah kerana masalah taufan di Amerika Syarikat, *Katrina* dan *Rita* dan juga permintaan yang tinggi daripada China dan beberapa negara lain.

Kenaikan harga minyak ini memberi kesan positif kepada Petronas. Keuntungan Petronas telah meningkat dari RM15.1 bilion tahun 2003 kepada RM23.7 bilion tahun 2004 dan tahun kewangan 2005 meningkat kepada RM35.6 bilion. Untuk tahun kewangan ini, 2005-2006, keuntungan Petronas mungkin bertambah sekiranya harga yang tinggi ini berkekalan.

Sumbangan Petronas kepada kerajaan pula telah meningkat kira-kira 50%. Tahun kewangan 2005 berbanding 2004, 2004 RM21.3 bilion, 2005 RM31.2 bilion, peningkatan kira-kira 50% sumbangan Petronas kepada kerajaan. Antara lainnya melalui cukai pendapat, umpamanya cukai pendapatan petroleum yang dibayar oleh Petronas ialah 3.8% kadarnya, untuk syarikat biasa 2.8%, cukai pendapatan petroleum ialah 3.8%. Ini membolehkan kerajaan mengutip hasil yang banyak daripada Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga mempunyai kesan negatif kepada ekonomi dunia. Mengikut INF, ramalan ekonomi dunia telah diturunkan sebanyak 0.1% dan bagi ekonomi Amerika Syarikat pula sebanyak 0.3%, menjadikannya 3.3% tahun 2006. Ini ada kaitan dengan taufan baru-baru ini. Untuk ekonomi Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kesan kenaikan harga minyak ini bercampur-campur. Eksport petroleum telah meningkat sebanyak 29.5% tahun ini. Kutipan cukai juga telah meningkat.

Dalam masa yang sama, subsidi kerajaan telah meningkat dari RM12 bilion tahun lalu kepada RM16 bilion tahun ini. Kenaikan subsidi ini adalah kerana harga di pasaran antara bangsa naik kira-kira 3.6% tetapi harga minyak petroleum cuma kerajaan naikan sekarang ini RM1.62 sen satu liter, dinaikkan cuma 14.1%. Jadi, perbezaan ini kerajaan bayar subsidi. 36% peningkatan harga di pasaran antarabangsa, yang dinaikkan petroleum cuma 14.1%, ini bermakna kerajaan terpaksa membayar subsidi yang lebih tinggi.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, inflasi meningkat kepada 2.8% dari Januari hingga Ogos tahun ini. Kadar pertumbuhan kita terjejas sedikit kerana Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka. Peningkatan hasil Petronas, Tuan Yang di-Pertua, digunakan sebahagiannya untuk membayar subsidi dan sebahagian lagi untuk pembangunan.

Pada tahun 2005, perbelanjaan pembangunan ialah RM30.5 bilion. Tahun ini seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM33.5 bilion, peningkatan sebanyak 9.8%, perbelanjaan pembangunan bertambah. Pertambahan ini adalah kerana hasil kita meningkat, dijangka meningkat RM11.56 bilion tahun depan dan sebahagian besar peningkatan hasil tahun depan adalah kerana jangkaan hasil yang kita kutip daripada Petronas yang akan meningkat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi memang membayangkan keadaan dunia dan bolehkah pihak kerajaan selain daripada kutipan cukai yang banyak, mengaturkan rancangan untuk menggunakan keuntungan yang banyak ini memberi kepada rakyat. Rakyat kebanyakannya berpendapat bahawa Petronas untung banyak tetapi tidak sebanyaknya dipulangkan kepada rakyat. Itulah tanggapannya. Bagi menghakis tanggapan itu, bolehkah kita buat rancangan seperti mana yang pernah dibuat dengan getah, minyak kelapa sawit dahulu apabila meningkatnya harga, kita ada berbagai rancangan untuk menolong rakyat. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, semua keuntungan Petronas dipulangkan kepada rakyat, tidak ada satu sen pun yang digunakan untuk tujuan lain, rakyat besar ada, rakyat kecil ada. Subsidi, umpamanya RM16 bilion tahun ini, Yang

Berhormat bagi Kepong pun mendapat faedah daripada subsidi. Jadi, keuntungan Petronas ataupun sumbangan Petronas kepada kerajaan tahun ini RM31 bilion. Ini tahun kewangan Petronas.

Sebahagiannya digunakan untuk subsidi, RM16 bilion untuk subsidi dan sebahagian wang ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan, *consolidation fund*, digunakan untuk membayar gaji kakitangan kerajaan, untuk pembangunan. Seperti yang saya disebutkan tadi, kerajaan dapat meningkatkan perbelanjaan pembangunan tahun depan 9.8%, RM3.5 bilion ringgit tahun depan belanjawan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini semua untuk rakyat, tidak ada satu sen pun tidak digunakan untuk rakyat. Jadi memang kerajaan ada perancangan untuk membantu rakyat. Ini adalah seperti yang sedia maklum, hasil Petronas ini kira-kira 25% daripada hasil negara. Satu angka yang amat besar dan semuanya ini digunakan untuk membantu rakyat. Segala apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam belanjawan untuk membangunkan luar bandar, umpamanya dan program-program lain infrastruktur, semuanya adalah daripada hasil kerajaan dan 25% daripada hasil kerajaan adalah daripada Petronas. Terima kasih.

3. Tuan Ahmad Shabery bin Cheek [Kemaman] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap cadangan mereformasikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan apakah Malaysia akan memberi sokongan kepada mana-mana negara baru yang berhasrat menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan badan itu.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kemaman mengenai soalan terhadap penyusunan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Isu penyusunan semula PBB adalah satu tajuk yang telah lama dibincangkan di PBB kerana PBB sebagai sebuah organisasi dianggap tidak sejajar lagi dengan perkembangan dunia pada masa kini. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, badan tersebut adalah hasil tuntutan masyarakat antarabangsa selepas berhadapan dengan Perang Dunia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan mengenai isu ini menjadi lebih tertumpu pada sesi ke 59 dan 60 Persidangan Agung PBB, apabila Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengeluarkan satu laporan bertajuk dengan izin, "*In Larger Freedom Towards Development, Security and Human Rights For All*" pada Mac 2005 dengan harapan ianya akan dapat menjana perbincangan yang akan menjuruskan kepada persetujuan ketua-ketua negara ataupun kerajaan di Mesyuarat Khas Pleno ataupun Sidang Kemuncak Sedunia pada 14 hingga 16 September lalu.

Penyusunan semula ini memerlukan dua pendekatan yang utama iaitu seharusnya lebih terbuka dan demokratik dan Perhimpunan Agung PBB mestilah mempunyai kuasa yang lebih luas lagi. Selain dari itu, agensi-agensi di bawahnya haruslah dikemaskinikan termasuklah pengurusan Sekretariat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Adalah juga disyorkan supaya keahlian Majlis Keselamatan ditambah untuk ahli tetap dan bukan tetap. Walau bagaimanapun, kerana tidak ada kesepakatan pendapat, ianya masih lagi tergantung.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang mengalu-alukan dan menyokong penstrukturan semula badan dunia tersebut agar ianya akan sentiasa *relevant* dan mencerminkan kehendak semasa masyarakat antarabangsa. Dari segi sokongan kita kepada negara-negara lain yang ingin menjadi Ahli Tetap Majlis Keselamatan ianya adalah seperti yang kita telah jelaskan, kita memberi sokongan kepada dua negara iaitu Jepun dan Jerman. Dan selain daripada itu negara-negara lain, ia akan bergantung kepada suasana dan keadaan semasa. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shahbery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri yang datang untuk menjawab soalan ini, adalah satu kebanggaan kita seorang Menteri Luar Negeri [*Tepuk*] yang sepatutnya sibuk di luar sanggup datang dan bersama dengan kita.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Tuan Ahmad Shahbery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita tahu bahawa dalam sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, keanggotaannya ramai, mereka ada perhimpunan agungnya di mana setiap negara boleh menyampaikan pandangan ataupun pendapat masing-masing tentang isu-isu mengenai hubungan antarabangsa. Tetapi malangnya kerana ada sistem yang melibatkan majlis keselamatan pertubuhan tersebut di mana majlis keselamatan inilah yang dianggap sebagai kumpulan yang paling berkuasa dalam menentu arah tuju atau menentukan soal-soal yang paling sensitif dan yang paling penting dalam menyelesaikan soal-soal keamanan dunia ini.

Saya menghargai pandangan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan setakat ini kita telah memberikan pendirian kita mengenai kedudukan Jepun dan Jerman. Jepun dan Jerman dalam sejarahnya ialah antara negara yang dikaitkan dalam mencetuskan Perang Dunia Kedua dan inilah asal usulnya kenapa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu diwujudkan. Saya kira ada beberapa pandangan lain yang mengatakan pendirian Malaysia sebagai pemimpin OIC iaitu Pertubuhan Negara-negara Islam dan juga NAM, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, sudah tentulah orang mengharapkan Malaysia mempunyai pendirian dalam mendesak ataupun memastikan bahawa kepentingan negara Islam itu dapat dimasukkan di dalam penstrukturan semula majlis keselamatan badan tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ahmad Shahbery Cheek: Apakah pendirian Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan dan juga kata-kata baik terhadap Kementerian Luar Negeri. Saya ingin menjawab soalan persoalan Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat mengetahui salah satu pendirian Malaysia kita mahu melihat supaya Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu ini akan menjadi lebih demokratik, supaya ia dapat menguasai kedudukan dan sistem pentadbiran di dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan masyarakat antarabangsa di mana kuasa pemutus mestinyalah dengan perhimpunan agung.

Tetapi, oleh kerana Piagam Bangsa-bangsa Bersatu ditulis sedemikian rupa, apa-apa pindaan yang hendak dilakukan ke atas Piagam Bangsa-bangsa Bersatu memerlukan kelulusan ahli-ahli tetap, maka tidak mungkin kita hendak melakukan sesuatu tanpa kelulusan daripada ahli-ahli tetap dan ahli-ahli tetap yang ada sekarang tidak akan bersetuju apa-apa yang mungkin menjejaskan kepentingan ataupun kedudukan mereka di dalam menguasai badan dunia tersebut.

Berkenaan apa Yang Berhormat kata mengenai dengan kedudukan Majlis Keselamatan misalnya, sama ada ahli tetap ataupun tidak tetap, pendirian kita ialah supaya ia lebih mewakili negara membangun dan negara-negara selatan-selatan bukan sahaja negara-negara besar dan negara-negara berkuasa. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak melihat Bangsa-bangsa Bersatu *more representative of the international community*, tetapi buat masa ini oleh kerana tidak ada kesepakatan, perkara itu masih lagi tergantung.

Berkenaan OIC, masalah kita di peringkat ini ialah kerana OIC, struktur Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengambil kira peranan badan-badan rantau atau badan-badan yang berasaskan agama ataupun kesukuan. Oleh sebab itu maka kita terpaksa untuk mendapat perwakilan negara OIC, kita mesti mencari perwakilannya di kalangan benua-benua yang terdiri daripada umat Islam. Jadi, saya berharap di dalam proses kita membincangkan perkara ini ianya dapat diperbincangkan secara berpanjangan lagi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lalu, sekali lagi seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri kita lihat kegagalan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu disusun semula dan menjadi lebih demokratik. Selain dari itu persidangan ini tidak membuat sebarang resolusi menghalang perkembangan senjata yang berbahaya. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah OIC, ASEAN dan NAM yang mana kita menjadi pengerusi kepada ketiga-tiga pertubuhan yang besar ini akan terus

berjuang, memperjuangkan isu-isu ini dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah prospek penstrukturan semula PBB ini akan berlaku, bila agaknya ini akan berlaku dan bila agaknya PBB akan bersetuju menghalang perkembangan senjata-senjata yang berbahaya ini?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Berkenaan penyahsenjataan dan ketidakcambahan ataupun *disarmament* dan *non proliferation* senjata-senjata pemusnah, kita telah membuat kenyataan kita dengan jelas semasa mengambil bahagian di dalam perbahasan umum di Bangsa-bangsa Bersatu bahawa kita berasa kesal dan kecewa kerana peruntukan ini tidak dimuatkan di dalam dokumen hasil ataupun *the outcome document* yang dipersetujui oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Jadi, begitu juga bila saya bertemu dengan Setiausaha Negara Amerika dan juga Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, kita menyuarakan pendapat yang sama, tapi kita tahu dari segi praktisnya, susah untuk mendapat persetujuan selagi negara-negara yang mempunyai kekuatan senjata nuklear tidak mahu mengambil langkah utama. Tetapi, itu dia punya praktikalnya. Di peringkat NAM dan OIC serta ASEAN, tidak ada kesepakatan dari segi *disarmament* dan *non proliferation*, Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai pegangan yang kukuh terhadap isu ini dan kita akan terus perjuangkannya.

4. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meminimumkan perbuatan menaikkan harga barangan sesuka hati tanpa mengikut undang-undang berikutan oleh kenaikan harga minyak dan gas yang berturutan baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat dari Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] pada 11.10.2005, Yang Berhormat Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] pada 12.10.2005, Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] pada 18.10.2005, Yang Berhormat Datuk Haji Astaman bin Haji Abdul Aziz [Titiwangsa] pada 20.10.2005, Yang Berhormat Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit] pada 25.10.2005 dan Yang Berhormat Chong Hon Min [Sandakan], Yang Berhormat Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] pada 27.10.2005, Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit] pada 23hb., Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] pada 24hb., Yang Berhormat Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] pada 8hb., Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng [Bagan] pada 1.12.2005, Yang Berhormat Dato' Goh Siow Huat [Rasah] pada 7.12.2005, kerana ianya menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan harga runcit bahan petroleum ini di negara ini berikutan kenaikan secara berterusan harga minyak mentah di pasaran dunia. Kini harga bahan tersebut berada di paras mencecah USD62 setong.

Keputusan menaikkan harga bahan petroleum di pasaran tempatan adalah bertujuan untuk mengelakkan perbelanjaan besar ke atas subsidi yang tanggung oleh kerajaan daripada meningkat ke paras yang lebih serius. Walaupun perbelanjaan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia telah membebankan, telah mengakibatkan peningkatan tanggungan yang dirasakan oleh warga Malaysia, kerajaan mengambil langkah positif bagi memastikan harga barangan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya oleh pihak pengeluar produk dan juga peniaga tempatan, dan melalui usaha penguatkuasaan.

Langkah-langkah yang diambil adalah juga bertujuan menangani isu kenaikan harga barangan untuk jangka pendek dan jangka panjang. Di antara langkah-langkah yang utama, yang diambil oleh kerajaan melalui agensi-agensi yang lain adalah seperti berikut:

Yang pertama, mengadakan majlis perundingan dan perbincangan dengan pihak industri terdiri daripada pengeluar dan pengimport, pengusaha-pengusaha *supermarket* dan

hypermarket serta kumpulan yang terlibat dalam penawaran dan pemasaran barangan kepada pengguna negara ini. Melalui pertemuan yang diadakan, kementerian telah menasihatkan industri yang terlibat supaya tidak mengenakan harga yang tinggi ataupun menaikkan harga produk pengeluarannya. Hasil yang positif telah diperolehi, di mana pihak-pihak terlibat telah memberi komitmen mereka bahawa sebarang langkah kenaikan harga barangan terutama barang-barang kawalan dan keperluan hendaklah dirunding dahulu dan mengambil kira kedudukan serta kebajikan golongan pengguna.

Yang kedua, mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, NGO dan termasuk persatuan atau badan peniaga supaya meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai fenomena kenaikan harga bahan petroleum yang disebabkan keadaan harga bahan minyak di arena antarabangsa. Persetujuan juga telah diperolehi dengan pihak yang terlibat untuk berganding tenaga supaya kepentingan pengguna diberi keutamaan agar golongan ini tidak menanggung beban yang berat. Badan seperti FOMCA, Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi dan persatuan-persatuan mengadakan kursus, forum dan majlis penerangan secara kerap.

Yang ketiga, melancarkan Kempen Pengguna Bijak dan *Smart Consumer* pada bulan Julai lalu dengan tujuan memperkasakan golongan pengguna agar lebih berpengetahuan tentang hak dan perlindungan mereka, di samping menghasilkan pengguna yang bijak membuat keputusan dalam membeli barangan keperluan mereka di pasaran. Beberapa kempen telah dirancang dan dilancarkan sejak bulan Mei 2005 dan Kempen Membeli Barang Harga Rendah telah dilaksanakan di 13 *hypermarket* tempatan dan asing yang melibatkan 267 *outlet*. Kempen ini juga diadakan di lain-lain premis perniagaan seperti pasar raya, restoran dan pasar-pasar basah di mana pengguna mempunyai pilihan mendapat barangan pada harga rendah. Di antara pengusaha asing yang terlibat ialah Giant, Tesco, Carrefour dan Jaya Jusco, sementara pengusaha tempatan ialah Macro, The Store dan Fajar. Sejumlah kira-kira 2,000 restoran di bawah Persatuan Restoran Indian Muslim juga turut serta. Beberapa kempen lagi yang bertujuan untuk menerapkan sikap perbelanjaan secara berhemah dan mengelakkan peningkatan kadar inflasi akan dilancarkan dalam masa yang terdekat.

Yang keempat, memperhebatkan langkah-langkah penguatkuasaan di premis-premis perniagaan terutama yang menjual barangan keperluan premis. Pemeriksaan rapi dibuat terhadap 255 jenis barangan keperluan harian pada setiap minggu dan melibatkan sejumlah 63 buah pusat kutipan harga. Misalnya dalam tempoh 1 Januari 2005 hingga 15 September 2005 sejumlah 711,912 premis perniagaan telah diperiksa melibatkan sejumlah 2,545 kes diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan 374 kes di bawah Akta Bekalan 1961. Dalam tempoh yang dinyatakan nilai barangan sejumlah RM2.53 juta telah dirampas dan nilai kompaun sejumlah RM595,550 telah dikenakan.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kesejahteraan rakyat terutamanya golongan pengguna. Selain dari langkah-langkah yang dinyatakan tersebut, kerajaan juga baru-baru ini membuat beberapa keputusan semata-mata untuk meringankan bebanan yang dipikul oleh pengguna berikutan peningkatan harga minyak, dan kesannya ke atas barangan. Keputusan-keputusan penting ialah seperti berikut:

- untuk tidak menaikkan harga runcit bahan petroleum di pasaran sehingga penghujung tahun 2005 dan mengekalkan harga tol lebuh raya bagi tahun 2005 dan 2006 dikekalkan.
- menurunkan kadar cukai jalan bagi kenderaan komersial sebanyak 25% dan persendirian di bawah 1600 c.c. serta motosikal di bawah 151 c.c hingga 250 c.c. sebanyak 50%, dan baru-baru ini di belanjawan 40% diturunkan kadar cukai jalan ke atas kenderaan berdiesel dikurangkan.

Usaha untuk memperkuat lagi tenaga penguat kuasa telah pun dibuat setelah kerajaan bersetuju untuk menyegerakan pengambilan lebih 745 orang anggota penguat kuasa sebelum akhir tahun ini seperti yang diumumkan dalam belanjawan baru-baru ini.

Kerajaan berharap semua pihak sama ada pengeluar, para peniaga, badan bukan kerajaan dan pengguna menyertai dan memberi komitmen kepada usaha untuk menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan dengan penuh terperinci dan memang kita mengakui banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan kementerian ke arah memastikan bahawa pengguna dilindungi dari mana-mana pihak.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya ingin tahu, apakah kementerian ingin masukkan semua bahan yang ada dalam negara ini sebagai barang-barang terkawal, sebab ketika ini apabila harga minyak naik teh tarik naik 20 sen, ais lemon tea naik 30 sen dan roti canai naik 30 sen. Saya tengok tidak ada *relevancy* kenaikan harga minyak dengan barang-barang ini. Jadi pengusaha kita ibaratkan bukan sahaja "Menanggung di air keruh" bahkan "memasang perangkap" di tengah-tengah jalan untuk menjerat orang ramai. Ini akan mengakibatkan keadaan negara kita mungkin menghadapi situasi yang tidak baik kalau tidak dikawal. Adakah kementerian sekali lagi ingin melihat perkara ini secara positif kerana ini akan membinasakan ekonomi negara kita kalau dibiarkan?. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kinabatangan mempersoalkan, adakah kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menambah barangan kawalan di dalam senarai yang sedia ada. Sebenarnya kerajaan tidak berniat untuk menambah bilangan barangan kawalan yang sedia ada, cuma langkah yang akan diambil oleh kerajaan ialah seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam belanjawan baru-baru ini, di mana jangka masa pengawalan barangan yang kebiasaan kita lakukan. Contohnya dalam musim perayaan Hari Raya, musim perayaan Tahun Baru Cina dan Deepavali akan dilakukan pada musim-musim tertentu.

Pada kali ini kita akan panjangkan waktu pengawalan barangan ini dalam jangka masa 5 hingga 6 bulan termasuk barangan-barangan ayam, tomato dan berbagai-bagai yang kita akan letakkan sebagai barangan yang akan dikawal sepanjang beberapa bulan yang terdekat dan insya-Allah, saya akan umumkan pada 12hb Oktober minggu hadapan selepas mesyuarat Kabinet, setelah ia diperakukan bahawa senarai barangan dan harga yang akan ditetapkan.

Kita juga perlu buat *adjustment* kerana ada kenaikan minyak yang kita tidak boleh berlandaskan harga pada tahun yang sudah-sudah, kerana harga minyak pada hari pada tahap yang sudah berubah. Jadi maknanya kita harus landaskan di paras harga yang realistik, tetapi yang kita kesal dan akui dengan Yang Berhormat daripada Kinabatangan bahawa ada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, di mana teh tarik tidak ada langsung kaitan dengan kenaikan dan kita buat penelitian.

Kita pun telah melantik *Rating Agency Malaysia* untuk membuat kajian, walhal maklumat yang kita terima dari kajian itu tidak sampai pun 10% daripada harga kenaikan minyak terhadap barangan-barangan seperti nasi bungkus, nasi ayam, teh tarik atau pun nescafe, susu, tetapi malangnya ada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan. Dengan itu baru-baru ini kita telah mengumumkan bahawa ada pameran harga tentang barang-barang yang dijual ataupun diberikan oleh peniaga-peniaga ini dengan izin, *they must list all the price of item that they selling*.

Lepas itu kita akan melihat kalau sekiranya kita dapati bahawa ia tidak selaras dan kerap berlaku, peniaga ini kita akan ambil tindakan walaupun bukan di bidang undang-undang kementerian saya, tetapi saya telah meminta kerjasama daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membatalkan lesen perniagaan mereka ini yang mengambil keuntungan sewenang-wenangnya. Ini sebahagian daripada langkah-langkah yang saya ingat tegas, yang perlu kerajaan ambil dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, walaupun sedap didengar tetapi pada hakikat bolehkah ia dilaksanakan kerana dalam *free market* dikatakan ini bukan harga barangan tetap. Jual kopi dan teh bukan barangan harga tetap. Bolehkah ditarik balik lesennya dan adakah ini boleh berlaku? Bagaimana dengan restoran yang besar, yang menjual dengan harga yang mahal dan juga pemaju yang menjual rumah dengan harga yang mahal. Bolehkah standard harga yang sama dilakukan? Saya rasa ini adalah tidak realistik, walaupun saya sangat sokong cadangan macam ini tetapi pada realistiknya bolehkah ia dilaksanakan? Dan adakah ia adil kepada penjual di gerai kopi? Dia kata, "Saya hanya naik harga 10 sen", mungkin bukan semata-mata kerana minyak tetapi *cost operation*nya. Saya rasa mestilah ada langkah yang lebih menyeluruh dilakukan bukan semata-mata dalam *enforcement* sahaja. Jadi saya hendaklah pendapat Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Memang saya akui perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dijayakan 100%. Contohnya seperti Yang Berhormat sebutkan. Kalau gerai jual satu gelas teh tarik 70 sen, sementara di Hotel Oriental kemungkinan RM3, maka kita perlu melihat secara realistik. Tidakkah boleh saya samakan harga teh tarik atau harga nescafe kerana kemungkinan ada orang yang bagi *service* secara baik dan *air-condition* yang diberikan.

Kita juga selaku kerajaan harus melihat tindakan bertempat. Tidakkah kita harus *standardize* harga ikan tenggiri di Semporna lebih murah daripada harga tenggiri di Bangsar. Di Semporna RM15 di sini dekat RM90, jadi kita kena seimbangkan. Bila kita bertindak kita tangkap mengikut keadaan di mana tempat yang akan berlaku. Contohnya bila kita menetapkan harga yang saya akan umumkan tidak semua tempat akan serata harganya. Di negeri ini harganya mungkin 90 sen, sementara di tempat lain mungkin harganya RM1. Di Sabah dan di Labuan mungkin agak murah di Semenanjung. Ini perlu kita lihat tetapi apa yang penting seperti yang saya katakan ialah perlunya kita selaku pengguna *empower ourselves*, dengan izin memperkasakan diri kita. Kalau sekiranya sudah kita minta supaya peniaga mempamerkan harga ini, kalau pengguna tahu ada di tempat lain lebih murah maka belilah yang murah, jangan pergi ke Hotel Oriental hendak minum teh tarik sedangkan kita tahu di sana mahal. Ada tempat-tempat tertentu di mana yang kita boleh beli seperti di *supermarket*.

Kita ada Kempen Jimat Cermat dan kita galakkan kepada mereka menjual barangan dengan harga yang murah, dan barangan yang mereka jual adalah murah, kerana mereka berupaya untuk membeli barangan ini secara *large scale*, dengan izin, dengan kuantiti yang begitu besar. Maka dengan itu mereka boleh menawarkan harga yang murah kepada pengguna-pengguna kita, dan ini yang saya katakan perlunya pengguna bertindak secara bijak sekali untuk membantu menjayakan program yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan ini.

5. Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed Putera Jamalullail [Arau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan selain dari kaedah penimbunan dan pembakaran apakah kaedah lain untuk menyelesaikan masalah sisa buangan munisipal memandangkan kita membuang purata sampah sebanyak 1 kg ke 1.5 kg setiap hari bagi setiap orang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lalu saya ada jawab satu soalan atas tajuk yang sama daripada Ahli Yang Berhormat yang sama, tetapi bunyi berlainan sedikit dan jawapan pun mungkin sama tetapi bunyi berlainan sedikit. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin ke atas pengurusan sisa pepejal dan kita menghormati pengetahuan dan pengalaman Ahli Yang Berhormat di dalam bidang ini dan Kementerian sentiasa terbuka untuk menerima pandangan daripada Ahli Yang Berhormat tentang mana-mana teknologi baru yang boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kaedah penimbunan dan pembakaran yang digunakan untuk menyelesaikan masalah sisa buangan munisipal, pelaksanaan konsep 3R

iaitu mengurangkan penghasilan sisa pepejal (*reduce*) mengguna semula sisa pepejal (*reuse*) dan mengitar semula sisa pepejal (*recycle*) dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan seterusnya mengurangkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar.

Selain daripada itu, terdapat juga kaedah rawatan perantaraan iaitu *intermediate treatment* yang boleh digunakan sebelum sisa buangan *municipal* ini dilupuskan di tapak-tapak pelupusan. Salah satu kaedah rawatan perantaraan atau *intermediate treatment* ialah *composing*. *Composing* secara prinsip dan teknikalnya boleh dibangunkan. Walau bagaimanapun, *composing* secara skala besar masih belum dilaksanakan di negara kita ini. Ada juga usaha-usaha membangunkan *composing* secara kecil-kecilan tetapi hasil dan kejayaan adalah berbeza-beza. Antara masalahnya ialah *consistency quality compost* yang dihasilkan disebabkan oleh kepelbagaian kandungan sisa buangan *municipal* yang ada menjejaskan kualiti kompos yang dihasilkan itu dan menyukarkan proses pemasaran dan menjadikannya tidak kos efektif.

Di samping itu, terdapat juga kaedah material *recovery facility* di mana sampah melalui proses pengasingan bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Ini secara sendirinya mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tapak-tapak pelupusan. Selain itu terdapat juga kaedah *refuse-derived fuel* di mana sisa buangan *municipal* melalui proses pengasingan *combustible* dan *non-combustible material*. Proses ini mengasingkan *inured material* bagi mengurangkan kandungan lembapan iaitu *moisture content* dan seterusnya bahan-bahan dimampatkan dan dijadikan *pellet refuse-derived fuel* yang boleh digunakan sebagai bahan api untuk pelbagai kegunaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai kaedah yang digunakan ini mempunyai hubung kait kepada *economy of scale*. Sebarang pelaksanaannya perlu diperhalusi dari segi kos pembangunan dan kos operasi kaedah-kaedah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita pernah nampak iklan di mana seorang ibu pegang anak, di belakangnya sampah begitu tinggi. Saya percaya Yang Berhormat sendiri tidak mahu ada satu rumah semacam itu jugalah. Saya hendak kata di sini, kita buat sampah ataupun sisa ini daripada domestik, satu kilogram tiap-tiap hari sekurang-kurangnya. Maknanya tiap-tiap hari sisa pepejal domestik ini sebanyak 25 ribu tan sehari. Soalan saya senang sahaja. Selain daripada pembakaran dan timbus, apa lagi cara? [Ketawa] Tidak payah lagi kita pergi melilau semua. Jadi adakah...

Tuan Yang di-Pertua: Melilau itu apa, Yang Berhormat?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Melilau maknanya pergi merata dunia. [Disampuk] [Ketawa] Bukan pakai peluru berpandu itu. Jadi adakah kementerian dengan misalnya, SIRIM, sudah buat satu kajian selain daripada dua kaedah ini? Kaedah apa lagi yang kita boleh buat? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang menjalankan satu kajian yang mendalam dengan beberapa agensi termasuk agensi daripada Jepun iaitu JAIICA untuk mengeluarkan satu *national plan*, tindakan untuk pengurusan sisa pepejal. Memang kajian ini sedang berlaku. Tetapi jawapan saya tadi tentang apa yang kita buat pada masa sekarang, selain daripada penimbunan dan pembakaran, pada masa sekarang di Kajang ada satu projek perintis oleh pihak swasta untuk mengeluarkan apa yang saya cakap tadi iaitu *refuse-derived fuel* iaitu di mana sisa-sisa pepejal ini selepas diasingkan akan digunakan untuk mengeluarkan bahan api yang boleh digunakan sebagai bahan api untuk pembakaran dalam pelbagai jenis proses.

Kita menunggu seberapa banyak kesan daripada *progress* proses ini, kalau selepas digunakan, kita berpendapat bahawa ia berkesan, mungkin ia boleh digunakan di tempat-tempat yang lain. Untuk teknologi-teknologi yang baru memang ada banyak orang mencadangkan tetapi kita mesti faham teknologi-teknologi mesti kos efektif dari segi kegunaannya. Kalau begitu, mungkin kerajaan sudi untuk menerima pandangan dan cadangan itu. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya salah satu daripada cara untuk kita melupuskan sampah-sampah ini ialah melalui

penggunaan mesin *incinerator*. Tetapi penggunaan mesin *incinerator* ini dikatakan tidak begitu popular di dalam negara kita ini walaupun di tempat-tempat lain di seluruh dunia termasuk di Singapura telah digunakan, ianya dikatakan berkaitan dengan masalah kesihatan yang tidak baik, hasil daripada penggunaan ini. Oleh kerana saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun seorang doktor, saya minta sedikit penerangan dan pendapat daripada Yang Berhormat tentang dari segi kesihatan penggunaan mesin *incinerator* ini. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, memang betul secara kasar, bahan-bahan kebakaran yang keluar daripada *incinerator* boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan. Tetapi teknologi-teknologi yang baru telah berjaya untuk mengawal hal ini dan bahan-bahan keluaran daripada *incinerator* pada masa ini menggunakan teknologi-teknologi yang canggih dan moden yang telah digunakan di negara-negara lain seperti di Jepun di mana *incinerator* boleh didapati di kawasan perumahan juga kerana teknologi sudah sampai ke satu tahap di mana kita boleh kaji apa yang keluar daripada *incinerator* itu dan menunjukkan bahawa benda-benda yang keluar itu ialah mengikut apa yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. So dari segi itu, saya ingat dari segi ancaman kesihatan itu, kita tidak payahlah bimbang. Terima kasih.

6. Dato' Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berikutan kenaikan kadar tol tidak dapat dielak, berapakah jumlah ganti rugi yang dibayar oleh kerajaan kepada pihak pemegang-pemegang konsesi bagi tahun 2004.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Segambut. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2004, kerajaan telah menjelaskan bayaran pampasan sebanyak RM189.3 juta secara tunai kepada enam syarikat pemegang konsesi lebuhraya akibat daripada tidak memenuhi obligasinya mengenai penetapan struktur kadar tol sebagaimana dalam perjanjian konsesi.

Syarikat-syarikat pemegang konsesi lebuhraya berkeajaan adalah seperti berikut:

Lebuhraya	Jumlah Pampasan Dibayar
Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)	RM67.1 juta
Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga)	RM52.9 juta
Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	RM50 juta
Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)	RM10.7 juta
Lebuhraya Hubungan Tengah Utara-Selatan (ELITE)	RM8.5 juta
Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak	RM0.1 juta
Jumlah Keseluruhan	RM189.3 juta

Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kenaikan kadar tol dan juga jumlah ganti rugi seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, ganti rugi bagi LDP ialah RM67 juta setahun. Itu adalah satu jumlah yang besar. Kadang-kadang saya pun terpaksa guna LDP sebab dekat dengan kawasan saya.

Saya hendak minta, bolehkah atau tidak kerajaan ambil kira pihak EPF dan Khazanah ambil alih atau beli *concessionaire* ini sebab kalau pada masa hadapan kalau kadar tol naik, semua parti dan warganegara boleh dapat manfaat. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat sama ada kerajaan pada masa kini bersedia untuk mengambil alih lebuhraya-lebuhraya yang bertol ini dan sebagaimana beberapa jawapan yang telah pun diberi melalui Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa buat masa ini dan ketika ini tidak ada cadangan untuk mengambil alih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang sedia maklum iaitu unjuran jumlah kutipan tol ialah lebih kurang 5% atau 6% setahun, sedangkan unjuran kutipan yang sebenar ialah lebih kurang 10% setahun, bermakna berlaku kenaikan. Tetapi pihak PLUS masih menuntut kepada kerajaan sekiranya harga tol tidak dinaikkan dalam bentuk pampasan.

Seolah-olah berlaku ketidakadilan di mana apabila PLUS untung, kerajaan masih terpaksa membayar pampasan, sedangkan *collection* ataupun kutipan tol tadi dua kali ganda daripada unjuran yang sebenar sebagaimana yang disebut dalam perjanjian konsesi tersebut. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menggubal semula perjanjian konsesi tersebut berasaskan kepada keadilan yang sebenar. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Timbalan... Err, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ledang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ledang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ingat dia dekat sini. Pasal selalu kita dalam BBC bila bercakap dari sebelah sana. *[Ketawa]*

Yang Berhormat membangkitkan terhadap perkara yang berhubung kait tentang lebuhraya yang terutama, PLUS Highway yang menghubungkan antara utara dengan selatan yang jumlah sejauh lebih kurang 1,200 kilometer, dan sebagaimana Yang Berhormat tersedia maklum bahawa sama ada soal PLUS telah pun mengaut keuntungan yang berlebihan dan sama ada ianya terpaksa mengurangkan kadar tol yang ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, asas pertimbangan utama sejak kadar tol yang telah pun ditetapkan dan penjadualan semakin semulanya berasaskan kepada beberapa perkara dan faktor-faktor yang telah pun ditetapkan dan perjanjian konsesi adalah menjadi asas dokumen yang utama sebelum sebarang keputusan yang hendak dibuat.

Namun jikalau mengikut jangkaan yang telah pun ditetapkan, pada hari ini kadar tol yang ditetapkan adalah jauh lebih tinggi daripada seharusnya apa yang telah pun kita kenakan. Walau dalam apa keadaan sekalipun, sebagaimana yang telah pun diumumkan kerajaan bahawa untuk ketika ini atas kenaikan bahan-bahan utama yang melibatkan kos pengangkutan akan menjadi tinggi, tidak ada sebarang cadangan untuk menaikkan kadar tol dan ini terpulang kepada penjadualan yang telah pun ditetapkan dan jikalau seingat saya kajian semula ini akan dibuat pada tahun 2007. Saya percaya dan yakin bahawa segala butiran berhubung kait tentang *traffic volume* dan juga peningkatan trafik ini akan diambil kira.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada hari ini dan ketika ini sebagaimana yang telah dijanjikan kepada rakyat bahawa pihak PLUS telah pun memulakan pelaburan hampir RM900 juta untuk menaik taraf jalan-jalan lebuhraya ini. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah persetubuhan sebelum kahwin (berzina) yang semakin meningkat dalam masyarakat seperti yang dilaporkan dalam satu kajian sekumpulan 12 pensyarah IPTA baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah persetubuhan sebelum kahwin iaitu berzina adalah seperti berikut:

- (i) memantapkan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah kerana ia adalah amat penting untuk membentuk keperibadian golongan muda ini. Kerajaan telah menjalankan program Kelas

Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan yang terbaru ialah J-QAF iaitu Jawi, Quran dan Fardu Ain di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Ini selain daripada pendidikan Islam yang dijalankan oleh jabatan-jabatan, majlis-majlis agama Islam negeri-negeri;

- (ii) Kerajaan melalui pelbagai agensinya seperti JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam negeri-negeri mengadakan program-program ceramah, forum, kursus dan kaunseling kepada golongan remaja, belia dan masyarakat seluruhnya, bagi mendidik dan membimbing mereka ke jalan yang betul;
- (iii) memperbanyak dan memantapkan program-program keagamaan dan penyaluran maklumat di media massa bagi menimbulkan kesedaran dan keinsafan tentang keburukan gejala tersebut;
- (iv) memperkemas prosedur-prosedur yang sedia ada termasuk hal-hal yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pendakwaan;
- (v) meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan dengan menjalinkan kerjasama erat dengan pihak polis dan pihak berkuasa tempatan; dan
- (vi) memberi bantuan kewangan kepada pasangan yang kurang mampu untuk berkahwin seperti mana program perintis yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Sebenarnya tugas dan tanggungjawab mengatasi masalah ini bukan hanya terletak kepada kerajaan semata-mata, sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama semua pihak meliputi institusi keluarga, institusi masyarakat dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang menjawab soalan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian yang dibuat oleh sekumpulan pelajar IPTA lebih kurang enam bulan yang lalu, membuat kajian di bandar dan di luar bandar. Bagi murid-murid sekolah rendah, di luar bandar, 100 orang responden yang diinterview, 67% mengatakan bahawa mereka pernah sama ada melihat ataupun membaca bahan-bahan lucah. Di bandar *findingsnya* ataupun kedapatannya lebih dahsyat iaitu 91% mereka ini, murid-murid sekolah rendah ini juga pernah melihat ataupun menonton VCD lucah ini.

Soalan saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita ini seperti apa yang dikatakan oleh pepatah, "*Tangan yang mencencang, bahu yang memikul*", "*Tangan kanan yang membina, tangan kiri yang meruntuh*". Saya melihat tidak ada satu bentuk, satu perbuatan ataupun satu tindakan yang kolektif. Sebagai contoh saya boleh menerima jawapan tadi tentang apakah peranan yang telah diberikan, penekanan yang telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pendidikan yang menekankan tentang aspek agama dan moral.

Tetapi dalam hal yang lain kita melihat peranan media kita yang ada pada hari ini yang tersasar jauh, janganlah kita hendak sebut dari segi nilai-nilai Islam tetapi dari nilai-nilai Melayu dan nilai-nilai ketimuran sendiri, jauh menyimpang daripada asas pengukuhan pembinaan tamadun Malaysia itu sendiri.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah di peringkat Kabinet melihat perkara ini secara serius dan perlunya ada satu tindakan yang lebih kolektif, yang lebih bersepadu, tidak hanya ditinggalkan, diletakkan pada Kementerian Pelajaran sahaja ataupun diletakkan di bawah jabatan agama yang menjaga, di bawah Jabatan Perdana Menteri sahaja, tetapi kementerian yang lain dibiarkan benda ini berleluasa dan semacam tidak ada tindakan, tidak ada sekatan yang ada pada hari ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya kerajaan menyedari keadaan tersebut dan sebelum ini tugas untuk mengawal dari segi penyiaran ataupun media elektronik ini ialah kepada Kementerian Penerangan, sekarang ini sudah ada swasta, sudah ada ASTRO dan sebagainya. Kerajaan berpendapat bahawa perlu agensi-agensi yang terlibat dengan penyiaran ini memikir bersama, iaitu daripada Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan juga agensi-agensi yang lain duduk berbincang untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa sebenarnya institusi keluarga adalah sangat penting. Saya berpendapat institusi keluarga perlu memainkan peranan yang penting walaupun suasana telah berubah. Kalau kita tengok di Barat dari segi kebebasannya jauh lebih bebas dari negara kita, tetapi masih ada keluarga-keluarga Islam yang duduk di Barat itu mampu untuk mempertahankan anak-anak mereka daripada terjebak dengan persekitaran yang serba mencabar di sekeliling mereka.

Jadi, saya masih berpendapat pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan mereka, tetapi institusi keluarga adalah amat penting memainkan peranan mereka, menjaga anak-anak mereka supaya tidak terjebak dengan keadaan seperti Yang Berhormat bangkitkan itu.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, minggu lepas kita ada membaca akhbar di mana seorang Melayu Muslim yang telah ditangkap dalam kes pelacuran. Bukan seorang sahaja. Yang difokuskan seorang di mana dia di *interview*, ditemu bual dan salah satu punca dia terjebak ke dalam pelacuran ialah disebabkan ekonomi, menyara hidup di mana suami tidak bekerja dan ada anak. Dia sanggup untuk insaf dan pergi ke arah yang betul. Jadi, setakat ini apakah tindakan kementerian dalam kes sebegini rupa? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kalau di Wilayah Persekutuan, mungkin juga jabatan-jabatan agama, majlis-majlis agama di negeri-negeri di Malaysia ada pusat pemulihan. Di Wilayah Persekutuan sendiri kita sediakan iaitu Darus Saadah, di Gombak, iaitu suatu tempat yang cukup selesa iaitu untuk pemulihan bagi mangsa-mangsa yang terjebak dalam pelacuran dan juga kejahatan sosial yang lain. Mereka ditempatkan di situ dan diberi latihan-latihan asas supaya mereka mampu untuk berdikari. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah mekanisme yang boleh diguna pakai oleh petani selain daripada pembakaran jerami secara terbuka yang turut memburukkan keadaan jerebu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pembakaran jerami padi secara terbuka terdapat beberapa kaedah yang boleh diguna pakai oleh petani bagi menghapuskan tunggul-tunggul jerami ianya boleh dihancurkan dan digaulkan dengan tanah semasa proses pembajakan tanah sawah bagi penyediaan tanah untuk musim penanam berikutnya.

Kaedah ini tidak melibatkan sebarang aktiviti pembakaran dan didapati boleh menambah kesuburan tanah apabila jerami-jerami tersebut reput dalam tanah dan menjadi kompos. Bagi jerami padi yang telah dipotong pula ianya boleh dikumpulkan untuk kegunaan tertentu dan dijual kepada pihak-pihak yang menggunakannya seperti syarikat-syarikat yang membuat makanan ternakan dan tikar jerami atau dengan izin, *straw mat* bagi mengawal hakisan tanah. Selain itu jerami juga boleh digunakan untuk membuat baja kompos dan juga yang menggunakan teknologi cacing. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab pada pagi ini. Setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006
Bacaan Kali Yang Kedua
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." **[5 Oktober 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya mina Yang Berhormat bagi Labuan untuk menyambung ucapan.

11.08 pagi

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menyambung perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan kelmarin bahawa perancangan pembangunan dan lain-lain nampak begitu cantik di atas kertas. Soalannya ialah bolehkah ia dilaksanakan mengikut perancangan dan disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Apakah mungkin kerenah birokrasi yang wujud dalam sistem pentadbiran kerajaan yang menjadi punca pelbagai kelewatan dapat dikurangkan, jika sekiranya tidak dapat dihapuskan.

Dan, yang paling penting ialah kenapa seruan demi seruan yang dibuat oleh pucuk pimpinan, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kerenah birokrasi di kementerian-kementerian, di jabatan-jabatan masih gagal direalisasikan? Saya ulangi bahawa kerenah birokrasi masih berlarutan di jabatan-jabatan dan juga kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, jelas dan nyata pucuk pimpinan melalui kerajaan yang ada pada hari ini berhasrat untuk memperbaiki taraf hidup pelbagai lapisan masyarakat terutamanya kaum Melayu dan bumiputera yang mana masih lagi jauh tertinggal di belakang berbanding dengan kaum-kaum lain seperti contohnya. Jika dilihat Bajet 2006 kerajaan bercadang mewujudkan peluang-peluang kerja untuk warga kontraktor kelas F, yang kita semua sedia maklum 100% kontraktor-kontraktor kelas F ini adalah bumiputera, yang mana melalui program penyelenggaraan dan projek-projek kecil luar bandar. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan untuk projek-projek tersebut jabatan-jabatan dan agensi-agensi pelaksana melantik, saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, melantik kontraktor kelas F untuk melakukan kerja-kerja tersebut.

Soalannya, kita sedar dasar kewangan kerajaan hari ini telah menetapkan untuk kerja-kerja kecil dari *award* atau pemberian terus, ianya tidak boleh melebihi RM20 ribu. Jika lebih walau RM1 pun maka ia harus dibuat melalui proses sebut harga. Kita sedia maklum jika kontraktor-kontraktor kecil ini terpaksa bersaing untuk mendapatkan kerja

dalam konteks sebut harga, mereka ini sudah lama kelaparan, sudah macam piranhalah kepada saya. Di Labuan saya ada 220 kontraktor kelas F yang memang sudah lapar, kebulur. Kalau ada sahaja projek kelas F memang bertubi-tubi, berlumba-lumba, macam ikan piranha, hendak dapat kerja.

Yang menjadi masalah ialah akan berlaku perang harga. Objektif kontraktor kelas F ini janji dapat, untung berapa pun tidak kira. Yang akan menjadi malang ialah bila untung tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, bila dia rugi dan tidak boleh siapkan kerja, sudah timbul masalah kepada jabatan dan agensi pelaksana dan dia sendiri sebagai kontraktor kerana gagal melaksanakan kerja, sudah tentu disenaraihitamkan.

Oleh yang demikian, jika sampai perkara ini berlaku maka rancangan kerajaan yang memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk kedua-dua program tersebut dengan harapan mampu mewujudkan projek-projek kecil lebih daripada 9,000 seperti yang pernah diwujudkan sebelum ini, mungkin tidak akan tercapai.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada kerajaan supaya syiling untuk kontraktor kecil kelas F ini, yang prosedur kewangan yang ada sekarang....dari *award* RM20 ribu ke bawah dinaikkan kepada RM50 ribu ke bawah mengambil kira keadaan sekarang, di mana bahan-bahan binaan ataupun *raw material* binaan sudah meningkat harganya, sudah naik.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Silakan, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Isu kontraktor F seperti mana yang kita sedia maklum sekarang ini dalam negara kita, ada lebih daripada 40 ribu kontraktor F. Masalah sekarang ialah dari segi kuantiti. Kalau Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan untuk menaikkan syiling sesuatu kontrak itu kepada sesuatu *figure* yang lebih besar, tetapi kuantiti kontraktor itu masih dalam keadaan yang sama.

Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian-kementerian tertentu bahawa kontraktor-kontraktor F ini, sepatutnya kita daftar, *register* dengan kriteria-kriteria lebih *stringent*, lebih ketat supaya kualiti kontraktor, terutama kontraktor F ini, kita dapat tingkatkan supaya perang harga dan sebagainya tidak berlaku. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya bersetuju sebenarnya, saya tidak tahu di tempat lain. Saya memberi contoh di Perbadanan Labuan contohnya. Kita mempunyai dasar dalaman sendiri di mana daripada 200 kontraktor yang berdaftar, kita telah tapis mana-mana kontraktor yang tidak mampu melaksanakan tugas dengan baik, tidak melakukan kerja mengikut kualiti atau *spec* yang ditetapkan, maka mereka ini tidak diberi peluang untuk kali yang kedua. JKR juga berbuat perkara yang sama. Cuma saya ingin menjawab soal 40,000 kontraktor kelas 'F' yang ada di seluruh negara bukan semuanya aktif.

Masalah dengan PKK ini ialah dalam memproses permohonan, ia tidak melihat dengan terperinci peribadi pemohon. Apa yang berlaku, saya *reject* di Perbadanan Labuan - ada kategori kontraktor kelas 'F'. Yang pertama *full time* kontraktor kelas 'F' yang makan pagi petang, yang memang kerja dia membuat kontrak kecil-kecilan, yang satu lagi kesilapan PKK ini ialah ada *part time*. Ada setengah itu kakitangan kerajaan. Ada setengah itu kakitangan syarikat swasta. Inilah masalah dia.

Jika ini berlaku maka yang menjadi mangsa ialah kontraktor kelas 'F' yang *full time*. Dalam konteks ini di Labuan, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah *slesh*, saya sudah memang membuat keputusan saya memang tidak bagi. Kalau dapat pun yang ini *may be very very last*. Yang saya bagi *top priority* ialah yang *full time* kontraktor kelas 'F'.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Sebenarnya tidak tahu macam mana tetapi hubungan saya dengan Puchong agak sama. Apabila kita telah digegarkan, kita mempunyai 46,000 kontraktor kelas 'F' di mana *ration*nya dengan rakyat di dalam negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara maju di dunia seperti di Jepun iaitu 1:3,000 tetapi kita pula 1:400. Ini suatu keadaan benar-benar menggegar kita.

Yang Berhormat bagi Labuan, kalau kita kaji dengan terperinci, kita dapat lihat bahawa kontraktor kelas 'F' ini kita boleh *categorize*kan dia kepada empat. Yang Berhormat telah buat kajian Yang Berhormat sendiri dan saya setuju sangatlah. Ada di antara pemilik-pemilik ataupun tauke-tauke kelas 'F' ini juga merupakan pegawai-pegawai kerajaan yang membuat keputusan terhadap kerja-kerja yang dianugerahkan, itu amat saya setuju. Tetapi yang nyata Yang Berhormat di sini, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa CIDB dan juga PKK kena buat kerja keras iaitu untuk mengklasifikasikan mereka kepada yang asli (*genuine*) buat kerja cari makan mereka untuk kehidupan mereka.

Yang pertama, ada kontraktor kelas 'F' yang memang tidak aktif langsung, *normal*, ada lesen sahaja tetapi disimpan lepas itu jual. Yang kedua, kontraktor kelas 'F' yang telah maju dan sekarang ini melaksanakan kerja-kerja klasifikasi yang lebih besar tetapi masih lagi menyimpan lesen kelas 'F'nya kerana dia kata inilah 'sentimental', simpan. Yang ketiga, yang Ali Baba, yang mempunyai lesen kelas 'F' tetapi diserahkan kepada Baba ataupun Samy untuk buat kerja. Dia duduk juga makan komisen – '*makan kamsen*' orang kampung saya kata dan yang keempat, yang benar-benar, yang *genuine* cari makan hendak buat kerja.

Kalau kita minta, Yang Berhormat bagi Labuan, kita minta PKK dan CIDB buat satu kajian (kerja siang malam sedikitlah) bagi *justice* kepada mereka yang benar-benar hendak hidup ini yang dalam kumpulan keempat tadi. Saya rasa kita mungkin dapat kembali *ratio* 1:25,000 atau 1:30,000 dan saya yakin kontraktor ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita. Yang Berhormat setujuakah dengan saya. Terima kasih Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sangat setuju, saya tersangat setuju dengan pendapat sahabat-sahabat saya. Tetapi itulah, saya ingat CIDB dan PKK ambillah iktibar dari masalah ini kerana warga kontraktor kelas 'F' ini sehingga mencecah 42,000 ini adalah saya ingat atas beberapa kesilapan. Saya tidak perlu cakaplah sebab ramai yang tahu bahawa untuk dapat lesen kelas 'F' ini, kadang-kadang pemohon sendiri pun tidak payah naik. Ada agen kalau sudah kenal rapat dengan PKK dan CIDB, urus selesai. Inilah punca kenapa berlambaknya kontraktor kelas 'F'.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Ya, silakan sahabat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat serta Yang Berhormat bagi Puchong dan juga Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya sudah pun sebut perkara yang sama tetapi pasal kelas 'F' ini sudah diulas dengan panjang. Tetapi saya hendak pergi lebih lagi, bukan sahaja kelas 'F' Tuan Yang di-Pertua, tetapi semua kelas. Bila Yang Berhormat sebut pasal PKK ini, saya terpaksa bangun sebab saya diberitahu di kalangan pegawai-pegawai PKK ini pun ada yang kelas 'A' dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa PKK ini perlu diberi perhatian yang serius.

Saya ada kes saya sendiri di mana seorang sahabat saya di Sabah, dia sudah ada taraf bumiputera ini sudah 10 tahun – kelas 'A' kontraktor taraf bumiputera. Tetapi bila dia hendak sambung pada tahun ini tiba-tiba dia diberitahu bahawasanya dia tidak bertaraf

bumiputera dan dia minta tolong saya sebab saya kenal dia. Saya tulis surat dan hantar pegawai dan seperti Yang Berhormat telah katakan tadi, dia ada agen rupanya. Kalau pergi melalui orang tertentu dia dapat cepat. Kalau pergi melalui orang yang tidak tertentu dan adalah dia punya '*baksis*' bahasa Arab kata, '*baksis*' Melayu kata apa tidak tahulah – pelincir – memudahkan permohonan.

Saya terpaksa mengadu kepada menteri, saya terpaksa mengadu kepada menteri dan menteri datang pagi tadi dan alhamdulillah menteri telah mengambil tindakan dan saya diberitahu bahawa pada masa sekarang ini PKK di *revamp* dan minggu lepas syarikat ini dapat. Berapa kali, apakah perkara-perkara macam ini akan terus berlaku. Bila ada masalah kita terpaksa mengadu kepada menteri. Bila ada masalah, mengadu kepada menteri.

Tidaklah sistem negara kita ini kita letakkan? Latihan yang cukup kepada pegawai-pegawai sama ada PKK kah atau jabatan-jabatan lain, ada INTAN, ada kursus, duit belanja kursus dalam peruntukan Yang Berhormat, belanja untuk mempertingkatkan keupayaan sedikit punya besar. Kursus pula bukan dekat-dekat - yang Labuan datang ke Kuala Lumpur, yang Johor pergi Langkawi, yang Kelantan datang Kuala Lumpur, yang Johor pergi ke Pulau Redang, Terengganu - kursus untuk memantapkan gerakan kerajaan, kursus untuk memantapkan *delivery system*, kursus itu menjadikan kita pegawai yang lebih baik. Kedudukan kerajaannya yang rakyat sayang. Tetapi semakin lama semakin ada masalah. PKK is one of the identified bahagian atau pejabat yang mempunyai masalah yang besar.

Saya tidak mahu sebut benda yang lebih daripada itu. Masalahnya sangat besar dan rakyat marah sebab kontraktor ini mewakili rakyat. Bila rakyat pergi tengok jumpa pegawai atau jumpa *desk officer*, ada banyak masalah. Tiba-tiba dapat awak bukan bumiputera. Bila *check* sahamnya bumiputera, pemegang sahamnya bumiputera, pekerja bumiputera, dia sekadar ada dua orang pekerja bukan bumiputera itu pun *expatriate* yang dibayar maka dia bukan bumiputera. Maknanya dia tidak teliti dan bukan seorang teraniaya, ramai yang teraniaya sedemikian. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya bercakap atas topik kelas 'F' ini sudah tiga kali belanjawan kerana saya rasa kerajaan masih tidak melakukan sesuatu yang mencukupi untuk membantu kontraktor kelas 'F' ini. Jika dilihat kadang-kadang apa yang dibuat oleh kerajaan, atas kertas seperti apa yang saya katakan cantik. Apabila sampai kepada pelaksanaan, di situlah masalahnya. Objektif yang diinginkan tidak tercapai.

Ini satu bahagian daripada kerenah birokrasi yang saya rasa perlu kerajaan tengok seperti yang sahabat saya cakapkan tadi, agen-agen ini. Saya mintalah BPR bukalah mata. Jangan bila melibatkan orang-orang politik, pemimpin masyarakat baru potong lembu sudah BPR masuk. Baru sembelih ayam sudah BPR masuk. Bila melibatkan penjawat awam, kakitangan kerajaan bukan main lambat. Ini yang kita desak.

Saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini, saya kata kita takut kerana di kepala kita, di belakang kita, di kanan, di kiri ada BPR. Saya kata BPR ini siapa memantau dia? Inilah di antara perkara yang saya ingat perlu juga kerajaan mahu telus, juga kerajaan mahu bersih maka harus ada tindakan-tindakan lanjut.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sila seterusnya berpindah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Labuan. Bila saya mendengar sejak daripada Yang Berhormat bagi Labuan dengan diulas dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Ketereh dan juga Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya terfikir bahawa jumlah kontraktor kelas 'F' dalam Malaysia ini yang begitu banyak 50,000 ya? [Mengajukan pertanyaan kepada Yang Berhormat bagi Ketereh]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Empat puluh ribu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Lebih kurang 40,000. Maknanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju bahawa daripada 40,000 itu sebenarnya silap-silap apabila

senario itu kita fikir cuma 10,000 sahaja yang aktif lebih kurang. Yang lain sama ada tidak mendapat projek ataupun ada satu pakatan yang besar di mana mereka hanya dapat kerja sekiranya mereka duduk dalam rangkaian yang 10,000 tadi. Ada ruang-ruang untuk mereka mendapat kerja di jabatan-jabatan yang berkenaan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Betul, ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, semasa di awal saya menjadi Wakil Rakyat pada tahun 1999. Masa itu di Labuan ada Bahagian Kemajuan Wilayah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya tangkap pegawai berkenaan, dia ini pegawai, sudah pindah ke kementerian. Saya tidak mahu sebutlah. Saya *report* dengan KSN, sekarang KSN, masa beliau KPPA. Dia pegang kontraktor kelas 'F' punya lesen lebih daripada 40. Dia pusing, pusing, pusing dia bagi 5% kepada yang punya lesen, yang punya lesen dapat 5% yang lain itu dia buat, dia urus.

Dapatlah projek kawan itu, tetapi 5% sahaja, tidak lebih 5% dia bagi. Entah macam mana bila saya jadi Wakil Rakyat mungkin dia *expect* saya peduli benda-benda macam ini. Bila ada kontraktor kelas 'F' mengadu, saya *confront* dia, saya bawa orang yang mengadu itu, dia panik. Saya terus tulis surat kepada Tan Sri KSN (Tan Sri KPPA pada masa itu), alhamdulillah *he was taken out*.

Memang wujud benda-benda macam ini. Memang wujud, ini bukannya cerita rekaan. Yang Berhormat bagi Ledang atau siapa cakap itu, mesti asasnya. Saya boleh *confirm* kan hamba Allah itu masih hidup lagi, kementerian mana pun saya boleh tunjuk. Mudah-mudahan dia sudah berubahlah, bertaubatkah, mudah-mudahanlah di bulan Ramadan ini. Kalau tidak, tidak tahu apa dia buat lagi. Pasal saya dengar naik pangkat pula orang-orang yang macam ini. Ini yang peliknya sistem kerajaan ini. Orang yang macam ini, yang lanun macam ini semakin hari semakin naik pangkat. Ini masalah kita.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dalam Bajet 2006 ini bilamana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyentuh tentang di antara sebab kelewatan projek-projek kerajaan ialah disebabkan oleh pengeluaran *sub-warrant* oleh kementerian. Saya hendak berkongsi pengalaman kerana dalam ucapan itu *general, sub-warrant* kementerian ini bermakna semua kementerian. Tetapi saya hendak tegaskan di sini sebenarnya *sub-warrant* ini hanya untuk kepada jabatan di bawah kementerian tetapi badan-badan berkanun contohnya seperti Perbadanan Labuan, kita tidak diberi *warrant*. Kita diberi dalam bentuk cek.

Soalan siapa sebenarnya punca kemelut kelewatan *sub-sub warrant* dikeluarkan. Apakah kementerian berkenaan *respective ministry* atau ada lagi, ada lagi. Saya hendak menjelaskan Tuan Yang di-Pertua.

Pengalaman saya hari ini selaku Pengerusi Perbadanan Labuan, bapa kepada segala masalah punca kelewatan projek-projek kerajaan ini *Treasury*, Kementerian Kewangan. Ini pengalaman saya, banyak taiko dalam Kementerian Kewangan ini, itu baru SUB itu, Setiausaha Bahagian yang lain-lain tidak tahu lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Hendak tanya? Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bulan puasa Yang Berhormat, terima kasih. Saya mengikuti ucapan perbahasan Yang Berhormat, cuma di sini saya hendak tanya, apakah Yang Berhormat telah pun membuat aduan secara sepenuhnya kepada pihak-pihak berkenaan kerana Yang Berhormat sudah ada bukti-bukti yang agak kukuh untuk supaya diambil tindakan kepada mereka yang terlibat. Kita tahu bahawa Timbalan Menteri Luar Bandar pun ada di sini, rajin datang ke Parlimen selalu, kita boleh ajukan perkara-perkara yang ada kaitan dengan beliau mungkin pada Menteri dan Timbalan Menteri yang lain. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Bulan Ramadhan hati mahu baikan? Kalau kita hendak lapor pula nanti ada pula orang hilang punca makan bukan? Kita harap sindir-sindir sayang itu dia insaf. Saya hendak sambung balik, sahabat saya ini potong *steam*. Saya hendak sambung balik yang pasal Kementerian Kewangan ini, tidak ramai orang berani cakap Kementerian Kewangan ini pasal dia di bawah jajaan Perdana Menteri.

Siapa berani kritik ini, anianyalah jawabnya *but I don't mind* kerana saya hendak bagi tahu terang-terang mungkin Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan tidak diberitahu cerita sebenar tetapi saya berpengalaman sebagai Pengerusi Perbadanan yang masih lagi sampai sekarang inilah tidak tahulah besok, mempunyai pengalaman yang cukup parah dengan Kementerian Kewangan ini. Mula-mula bila saya rasa wujud Kementerian Wilayah selamatlah, saya tidak kod lain-lain agensi, *its very unfair for me but let me code perbadanan because I sat on top of it, so saya qualified to tell what's really happening* dalam perbadanan. Sebagai contoh saya bagi Perbadanan Labuan sebagai contoh klasik.

Pada tahun 2005, Tuan Yang di-Pertua, perbadanan telah pun diluluskan peruntukannya sebanyak RM77.2 juta yang mana dibahagikan kepada dua, pembangunan RM50.8 juta, belanja untuk mengurus RM26.4 juta. Normallah kepada kerajaan *modes of payment* dia ini *quarterly*, dibayar secara *quarterly*. Bayangkanlah, ini baru Perbadanan Labuan yang kecil, yang cuma dapat kelulusan RM77.2, bayangkan yang lebih besar daripada saya, ya. Karenah yang sama tetap dihadapi. Hari ini, ini sudah 6 Oktober 2005, Perbadanan Labuan baru dapat untuk pembangunan RM12.8 juta *out of RM50 million*. Macam mana saya hendak membangunkan Labuan ini? Saya akan sentuh lebih, itu untuk pembangunan tidak apalah, tidak tahu apa halnya, tidak apa.

Tuan Eric Enchin Majimbun: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Pengurusan, bajet pengurusan ini untuk bayar gaji, api elektrik dibayar *quarterly*. *First quarter* dia bagi RM6 juta, *second quarter* dia bagi RM10.1 milion, *third quarter* dia *reject*, belanja mengurus *third quarter* dia *reject*. Ini sudah masuk *fourth quarter* dalam proses dan pertimbangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sekejap, macam mana hendak bayar gaji pekerja ini? Ini badan berkanun tahu.

Seorang Ahli: Nanti tidak payah makan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Macam mana? *Third quarter, fourth quarter*, tidak bayar lagi, ini sudah Oktober *don't say about development funds*. Ini bahana yang Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kena tengok betul-betul *Treasury* ini, saya hendak cakap terang-terang. Okay! Saya bagi Yang Berhormat bagi Sepanggar dahulu.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Labuan ini kita berjiran walaupun di *Venice Sepanggar* di *Mainland*, so ada *retreat* di Karambunai. Pada tahun lalu, kita difahamkan bahawa di Sabah pelaksanaannya hanya kita dapat 48% dalam tahun lalu. Setujukah Yang Berhormat bagi Labuan bahawa pelaksanaan itu diberi ataupun waran-waran ini diberi kepada kawasan Wilayah Sabah dan juga di Labuan pada kadar yang lewat, kadar yang hampir-hampir habis tahun baru mereka beri kepada kita. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Itulah yang saya katakan tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kena teliti perkara ini kerana lulus dalam bajet bukan main hebat tetapi betulkah kita terima apa yang diumumkan dalam bajet, satu cerita lagi. Ceritanya inilah di Kementerian Kewangan ini ada dua yang kita kenal pasti, satu bahagian seksyen bajet, yang satu lagi sebelum kita dapat duit bahagian kawalan. Inilah lanun taiko paling besar dalam Kementerian Kewangan, bahagian kawalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Hendak tanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mesti.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Nama, IC, umur? [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Umur cukup [Ketawa] Dia bila bulan Ramadhan orang gemuk bercakap dia angin banyak keluar. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan, adakah Yang Berhormat nampak dari kesimpulannya, berbalik kepada ucapan awal saya semalam iaitu kadang-kadang bajet telah ada tetapi penyampaianya tidak ada.

Kalau kita kata hendak buat jalan disebabkan oleh kerenah birokrasi surat-menyurat dan sebagainya, jalan itu tidak ada. Tetapi dalam buku bajet yang setebal ini semua ada, jadi saya teringat kerajaan masih terhutang dengan pasukan polis. Pasukan polis, mata-mata ini, upah gaji, upah buat uniform, sudah berapa bulan sampai la tidak bayar ini. Dua tahun depa itu hendak bayar, mata-mata, Lans Koperal. Pasal apa jadi macam ini? Kalau tidak cukup pegawai di Kementerian Kewangan bagi lagi, tidak usah kira, bagi jadi kerja. Saya bimbang, takut belanjawan yang diluluskan, yang akan kita luluskan ini tetapi separuh tidak boleh kita buat, jadi hendak buat apa?

Bunyi cantik bukan main, bilion-bilion, pengurus macam ini, belanja macam ini, tahu-tahu rakyat di kampung dok maki kita. Begitu juga dengan *welfare*? Kebajikan Masyarakat! Orang dapat kebajikan masyarakat bagilah tiap-tiap bulan, ini dia mai bulan Januari tahu-tahu lompat Februari dia tolak masuk Mac, Mac pula lompat pergi Mei. Jadi, saya tanya pegawai Kebajikan, dia kata duit mai tidak ikut dia punya *programming* dia.

Jadi, di sini saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Labuan, amat bersetuju. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Labuan? Kita hendak buat apa ini? Kita hendak kena fikir pasal ini macam mana kita hendak buat? Yang Berhormat bagi Labuan hendak mengamukkah, hendak apakah, macam mana, cuba cakap kat saya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Buat macam Ketua Pengarah AADK buat, Pengarah Penang dia buat hal, 7 hari lepas itu kena *transfer*. Pengarah samalah kita buat dekat Kementerian Kewangan, mana-mana taiko-taiko yang keras kepala itu pindah sahajalah. Ini ada satu teori, Tuan Yang di-Pertua, teori ini tentang satu *banker*. *Banker* ini, masa dia jadi *banker* kerja dia mengajar orang berniaga, senang-senang dia *reject loan* kerana dia baca atas *cash flow* dan *working paper*, Oh! dia kata, *my credit analysis* tidak *viable*.

Tetapi orangnya sudah meniaga 30 tahun, memang *viable*. Besok dia berhenti kerja dia buat *business* reban ayam tidak sampai setahun pun dia lingkup. Macam inilah umpamanya juga mereka yang duduk mengawal duit kerajaan ini. Kalau saya tidak silap sebelum ini pun kita punya bajet meletup kerana kecuaiian Kementerian Kewangan juga bukan orang lain.

Seorang Ahli: Korup.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang kita terpaksa bawa balik dua, tiga kali *Supplementary Bill* ke Dewan ini tahun lepas, *all because of their mistakes*.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sahabat bolehlah, saya hendak habis sudah ini.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Labuan kalau kita dengar penjelasan daripada Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini mengenai waran dengan sub-waran ini jelas maknanya agensi Yang Berhormat yang tidak buat kerja. Apabila Dewan yang mulia ini luluskan bajet, waran akan segera dikeluarkan. Kemudian Kementerian Kewangan akan menunggu sub-waran. Dalam kes agensi Yang Berhormat tidak ada waran maknanya dibayar... tetapi secara terperinci kaedah perbelanjaan harus dikeluarkan oleh agensi Yang Berhormat kepada... ini semua birokrasi Yang Berhormat.

Apa pandangan Yang Berhormat kita harus kurangkan birokrasi ini, isu-isu sub-waran ini pada pandangan saya Yang Berhormat kalau Yang Berhormat boleh fikirkan harus kita mansuhkan sama sekali. Kita ada hampir sejuta kakitangan kerajaan. Bila Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan kenapa tidak waran itu dikeluarkan langsung berkenaan dengan apa yang telah kita bahaskan berhari-hari, ada setengah berbulan mengenai terperinci perkara-perkara yang hendak kita luluskan. Kenapa hendak ada sub-

waran lagi? Kenapa harus kementerian dan jabatan atau agensi semalam Yang Berhormat Jasin suruh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tutup sahaja.

Saya percaya kekecewaan Yang Berhormat Jasin kerana banyak yang diperkatakan tetapi tidak dapat dilaksanakan dan saya percaya juga Kementerian Pertanian tidak dapat hendak laksana kerana peruntukan tidak ada. Mungkin tidak sampai. Hanya waran sahaja dikeluarkan dan hari ini Kementerian Kewangan mengatakan tidak ada sub-waran. Ini bererti Kementerian-kementerian lain yang tidak buat kerja. Pegawai-pegawai lain yang tidak buat kerja. Kementerian Kewangan pegawai dia buat kerja. Habis sahaja kita selesaikan bajet ini waran akan keluar seperti kata Menteri Kewangan Kedua tetapi sub-waran yang tidak sampai-sampai dah diberi tempoh pada tahun ini kalau kita luluskan bajet kali ini, bulan Mac semua sub-waran mesti sampai kalau tidak tidak ada projek yang dapat dilaksanakan. Pembayaran tidak akan dapat dibuat kepada kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita hentikanlah soal birokrasi ini dan kita permudahkan kaedah pembayaran peruntukan yang sudah diluluskan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya hendak bagi jawapan kepada sahabat saya ini sedikitlah. Tadi mungkin dia tersasul dia kata agensi saya tidak buat kerja. Begini Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Labuan di bawah Kementerian Wilayah. Bila kita hendak minta peruntukan untuk mengurus, kita kena kemukakan kepada Kementerian Wilayah kerana inilah bapa kita. Yang saya tidak faham, Kementerian Wilayah pula setelah dibajetkan *certain amount of* peruntukan hantar pula lagi permohonan ini kepada Kementerian Kewangan. *This is the layer* Kementerian Kewangan *we have done our part* kita dah *submit* semua. Masalah yang timbul saudara di Kementerian Kewangan terutamanya bahagian kawalan, dia baca *cash flow*, saya bagi contoh untuk badan berkanun, bila dia baca *cash flow* memang ada duit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si cheng]: Yang Berhormat Maran bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Biar saya habiskan sekejap. Memang ada duit, dia baca *cash flow*. Kita pun belajar juga akaun ini dia baca *cash flow* tetapi dia tidak pernah turun hendak tanya *against this cash flow* ada tak komitmen lain? Kita ada *on going project* yang kita dah komited di mana kontraktor bila buat kerja hendak *payment*. Dia punya dasar habiskan dulu duit baru minta. Kita tidak boleh buat macam itu dan saya tidak tahu orang lain. Saya hendak jadikan Perbadanan Labuan sebagai contoh klasik.

Jadi oleh kerana ada duit itu, dia nampak ada duit dia tidak bagi. Dia kata *you must spend first before you* dapat. But kita dah *explain* kita tidak boleh pakai duit ini kerana duit ini dah komited untuk projek ini, projek ini *on going* tinggal hendak siap sahaja lagi sedangkan kita tahu kalau kita bayar juga masalah kita besok kalau kita guna pakai duit ini buatnya dibuat lagu sekarang hendak bayar kita punya duit bukan main lambat gaji tidak ada api elektrik, *street lighting* semua padam, rosak kerajaan. Selepas itu bila dia tengok banyak, dia bagi sedikit. Kalau macam inilah cara dia seperti Yang Berhormat kata tadi takkan pernah selesai apa yang kita bincang dalam belanjawan. Yang saya tidak faham saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan betulkan ini contoh peruntukan Kementerian Wilayah Pertanian *let say* lah RM3 bilion atau RM 1 bilion, bagi terus sahaja. Kenapa mesti bila hendak belanja balik ke Kementerian Kewangan *this is the...* minta maaf saya inilah birokrasi yang merosakkan perjalanan pentadbiran kerajaan. Sila Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Labuan. Saya Yang Berhormat daripada Labuan ada sedikit pengalaman dalam kerja-kerja di luar bandar masuk peruntukan-peruntukan kerajaan. Saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua beberapa agensi pusat ini *central agencies* dengan izin, kita ada empat agensi pusat iaitu EPU (Unit Perancangan Ekonomi), Perbendaharaan, ICU ataupun Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan juga Jabatan Pengangkutan Awam. Saya perhatikan dari suara-suara yang diketengahkan oleh Ahli-ahli Parlimen tadi kita dapati bahawa peranan agensi pusat ini juga kadang-kadang melewati sama ada aliran peruntukan, pelaksanaan projek dan sebagainya. Saya ambil contoh apa yang disebutkan oleh daripada Labuan tadi bahawa pengeluaran wang yang telah diluluskan oleh kerajaan terpaksa melalui berbagai-bagai peringkat.

Kalau di Labuan terpaksa melalui Kementerian Wilayah di mana waran akan dikeluarkan kepada Kementerian Wilayah kemudian sub-waran akan dikeluarkan mungkin kepada ataupun melalui cek dan sebagainya ataupun geran dan satu lagi saya lihat JPA umpamanya di antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan pelbagai projek iaitu dari segi pengisian jawatan saya diminta supaya Yang Berhormat daripada Labuan bertanya kepada pihak kerajaan berapakah sebenarnya kekosongan yang berlaku dalam Jabatan Kerajaan sekarang. Saya ambil contoh sahaja di Maran di Parlimen saya. Di Pejabat Daerah Maran ini kita ada dua kekosongan Penolong Pegawai Daerah dan satu kekosongan Pegawai Daerah yang saya kira merupakan pegawai-pegawai penting yang perlu melaksanakan program-program dan projek pembangunan. Saya ingin mencadangkan saya kira mungkin saya harap Yang Berhormat Labuan bersetuju dengan saya supaya pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius kepada peranan yang lebih cergas yang perlu dimainkan oleh Agensi Pusat ini kerana merekalah sebenarnya merupakan penggerak utama dalam pelaksanaan program-program kerajaan, terma kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya terima pandangan Yang Berhormat Maran. Memang selain daripada *Treasury* ini ada lagi agensi-agensi lain tetapi yang cukup *significant* penyebab dan punca kelewatan ini tidak lain tidak bukan *Treasury*. Di Perbadanan Labuan saya ada pegawai yang sebelum ini pernah berkhidmat di *treasury*. Bila keluar daripada *Treasury* sahaja kita ingat berkhidmat dengan kita senang dan mudah. Dia pun mengeluh dia pun menghadapi masalah yang sama. Jadi saya memohon kepada kerajaan supaya jika kita ingin melihat bajet yang kita laung-laungkan rakyat dengar, penganalisa politik dengar, penganalisa kewangan dengar dan penganalisa ekonomi dengar supaya ia menjadi satu realiti kerana itu akan memantapkan lagi kerajaan kerana birokrasi ini terutamanya Kementerian Kewangan dan juga agensi-agensi lain harus dipantau oleh pucuk pimpinan.

Saya dah kata yang tidak boleh diubah dan dipinda ini Al-Quran sahaja, yang namanya *treasury instruction* dan *treasury circular* yang buat ini orang biasa sahaja yang kadang-kadang tidak turun ke bawah pun - tidak ada. Dia tidak tahu pun apa yang berlaku di bawah tetapi dia hendak aju dengan kita yang mandi lumpur dengan orang di bawah.

Kadang-kadang dia tetapkan projek yang kita sendiri tidak tahu, sama ada benda itu relevan ataupun tidak, bermanfaat atau tidak di kawasan kita tetapi dia sudah rancang dilaksanakan juga. Itulah timbul apa yang dipanggil *white elephant project*, ini yang semua ini berpunca daripada karenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memandangkan ada peningkatan dalam Belanjawan 2006 semua kita tahu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri pun mengakui kelembapan ekonomi, sehinggakan ada orang tanya, apabila bank negara umumkan GDP sekian, sekian, sekian, *middle class business* tanya, apa dia Yang Berhormat? Kita tidak ada apa-apa pun, tidak rasa apa-apa pun. Tetapi kita dengan bangganya mengumumkan peningkatan itu, peningkatan ini tetapi tidak dinikmati secara keseluruhan. Jika dilihat kepada kecenderungan kerajaan, *the welfare of the civil servant is being look after very well* dengan izin, seperti yang diuraikan dalam Bajet 2006. *There is no excuse or what so ever* dengan izin, untuk kakitangan awam ini tidak melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan komited. Jadi inilah yang kita minta supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Setengah jam lagi. ... supaya kerajaan tolong pantau dan pastikan kerenah birokrasi yang menjadi punca kepada kelewatan projek ini sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan bentangkan dan sebut sekali lagi untuk kali kedua dalam Bajet 2006, inilah permintaan saya selaku wakil rakyat, saya tahu *consequences* apabila bercakap dan mengkritik Kementerian kewangan but saya akan hadapi jika sekiranya ada *retaliation* daripada orang-orang yang terbabit, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah khidmat negara. Kita nampak kerajaan juga memperuntukkan sejumlah yang besar untuk tahun 2006, RM600 juta di mana kita bercadang untuk melatih sebanyak 95,000 lagi belia daripada

pelbagai kaum pada tahun 2006 nanti. Pada tahun ini kita ada 65,000 yang akan *graduate* dan tamat fasa pertama Program Latihan Khidmat Negara 2005.

Apa yang membimbangkan saya ialah bilamana saya menghadiri satu majlis Kementerian Pertahanan menubuhkan tentera wataniah di Labuan baru-baru ini. Saya bimbang dengan wang yang begini banyak kita keluarkan, kita akan mendapat hasil yang sebaliknya. Contohnya daripada 65, 000 tahun ini insya-Allah dicampur 95,000 tahun hadapan bermakna pada tahun 2007, kita ada seramai 160, 000 belia dan beliawanis daripada pelbagai kaum yang terlatih dengan pelbagai kemahiran. Jika mereka ini tidak lagi berada di IPTA atau IPTS dan tidak bekerja, apa yang membimbangkan saya ialah jika mereka bertukar menjadi samseng/penjenayah kerana mereka ini terlatih dan cukup membimbangkan lagi bahawa kita bercadang untuk melatih mereka walaupun untuk satu hari menggunakan senjata api. Kita tidak mahu esok hasrat kita untuk mendidik belia dan beliawanis negara menjadi warganegara yang bertanggungjawab bertukar menjadi satu program yang lain. Kita mengeluarkan penjenayah-penjenayah terlatih pula kerana mereka pakar dalam pelbagai bidang yang kita sendiri ajarkan.

Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan ada program latihan lanjutan terutama kepada mereka yang terputus daripada melanjutkan persekolahan di IPTS atau IPTA dan tidak mendapat peluang pekerjaan. Kita ada wataniah, kita ada GPA 3, kita ada polis bantuan, kenapa tidak setelah tamat sebulan sebelum mereka tamat diedarkan borang-borang kepada para pelatih tersebut, mereka berminat untuk menjadi apa, sukarelawan apa, yang beruniform jadi ada kesinambungan. Jika tidak saya perhatikan adik saya sendiri, selepas keluar saya tengok dia sudah balik kepada yang asal sudah jumpa kawan-kawan dia di *cyber cafe*, sudah tidak ada. Mula-mula itu sudah okey juga, berjalan pun macam askar, berdiri pun berdisiplin. Sebulan selepas itu hilang, sudah tidak ada, rambut pun sudah mula merah kuning. Saya kata apa sudah jadi dengan rekrut ini? Sebab tidak ada *follow-up*. Ini esok serupalah macam orang kita orang Islamkan selepas itu tidak ada *follow up*, dia buatlah apa yang dibuat selama ini, Ini yang kita takutkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta kerajaan supaya ...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Di akhir program....sebentar ya, di akhir program Program Latihan Khidmat Negara ini, bulan terakhir edarkan borang untuk mereka menjadi ahli-ahli sukarelawan seperti wataniah, polis bantuan, JPA3, Bomba dan sebagainya di kawasan masing-masing untuk memastikan apa juga yang mereka pelajari, ilmu yang mereka perolehi dapat mereka gunakan untuk kebaikan, silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Labuan. Saya ucapkan syabas dan tahniah kerana keprihatinan Yang Berhormat terhadap anak-anak muda kita. Sebenarnya ini yang kita bimbang, anak-anak muda kita yang tidak ada pengisian sebenarnya akan terjebak dalam pelbagai gejala sosial yang negatif, Yang Berhormat sudah sebutkan tadi. Kita boleh beri berbagai-bagai contoh.

Oleh sebab itulah saya setuju benar dengan pandangan Yang Berhormat supaya ada satu bentuk pengisian yang khusus, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat supaya pelatih Program Latihan Khidmat Negara ini yang telah tamat latihan supaya mereka ini harus menganggotai persatuan-persatuan belia di kawasan masing-masing dengan pengisian tertentu sebab kementerian belia sendiri ataupun Jabatan Belia sendiri mempunyai berbagai-bagai program dan aktiviti umpamanya pelbagai kursus.

Jadi kalau mereka ini yang telah terlatih melalui Program Latihan Khidmat Negara ini dibiarkan, saya sangat setuju kemungkinan mereka boleh memberikan kesan yang tidak baik, begitu juga dengan kementerian Jabatan Sumber Manusia. Sepatutnya ada satu koordinasi supaya mereka ini yang belum bekerja terdaftar ataupun didaftarkan dengan

Kementerian Sumber Manusia ini supaya dapat diatur hidup mereka supaya mereka boleh memberi manfaat kepada negara nanti, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Ya, saya setuju dan saya sependapat supaya kerajaan secepatnya kerana kita masih di fasa pertama mengeluarkan 65,000 pelatih khidmat negara ini, masih belum terlambat supaya kita wujudkan satu badan untuk memastikan mereka ini tidak terhenti di situ sahaja. Kalau tidak nanti kita takut seperti yang saya katakan tadi, akan terjadi sesuatu yang tidak diingini berlaku esok, maka kita akan disalahkan kerana mereka ini dilatih oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta menyentuh tentang ataupun syarikat-syarikat *government link companies* (GLCs) ini. Cuma satu sahajalah kerana ia melibatkan satu jumlah wang yang cukup besar. Baru-baru ini saya terbaca satu artikel yang melibatkan Telekom Malaysia, di mana diarah untuk membayar sebanyak RM740 juta oleh *International Code of Arbitration* kepada Deutsche Telekom AG. Ini berpunca daripada perjanjian di antara Celcom dengan Deutsche Telekom di mana dalam perjanjian tersebut menyatakan jika sekiranya berlaku sebarang pengambilalihan (*accretion*) ataupun penjualan saham (*transfer of share*) kepada orang ketiga (*third party*) Celcom mesti meminta kebenaran bertulis daripada Deutsche Telekom sebelum proses tersebut dilakukan.

Maka bilamana pemilik *share* Celcom terbesar gagal menunaikannya tanggungjawabnya dengan Danaharta maka Telekom *take over*. Telekom diberi pandangan dan nasihat Oleh Pedal Guaman bahawa ia tidak tertakluk untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam *agreement*, di mana akhirnya *International Court of Arbitration* memutuskan *term and condition* dalam *agreement* tersebut *apply*, maka gugurlah hukuman, bayar ganti rugi RM740 juta bersamaan RM4.25 *per share plus* penalti dan sebagainya dituntut oleh Deutsche Telekom.

Soalan saya, tindakan apa yang akan diambil oleh kerajaan di atas nasihat yang salah diberikan oleh panel guaman yang *definitely* sudah *cashing out payment* dia sebagai panel loyar. *Now*, untuk membayar dia *legal fees, professional fees* dan sebagainya, kita pula kenal lagi keluarkan RM740 juta. Saya mahu kerajaan tengok perkara ini, jangan hanya kerana Telekom mempunyai *cash fund* RM7.6 bilion, maka RM740 *million is just a small sum*.

Kalau telah betul-betul Telekom hendak buang duit banyak itu, lagi baik diagihkan kepada kerajaan untuk dibuatkan rumah PPRT ke, projek kampung dan sebagainya, lagi banyak manfaatnya kepada rakyat dan kerajaan mendapat nama. Saya mahu perkara ini kerajaan perhatikan. Ini baru satu, tetapi dia tidak nampak, kerana jika kita baca akaun Telekom ini, dengan *consolidated* akaunnya yang begitu besar, dia tidak begitu nampak, tetapi dari segi ringgit, *dollars and cent*, RM740 *million* jika *eventually* Telekom terpaksa bayar, ia merupakan satu angka yang cukup besar dan saya minta kerajaan lihat perkara ini dan nyatakan apa tindakannya yang akan diambil kepada firma guaman yang memberi nasihat yang salah dan pengurusan yang membuat kesilapan sehinggakan merugikan kerajaan. Silakan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Ada satu lagi *facet* kepada masalah ini ialah *management* yang dahulu yang telah menyimpan *poison pill* untuk merangkap pembeli *management* yang baru ini dan pada masa sekarang ada kekhuatiran *management* yang lama itu mungkin tidak ada hak untuk menyimpan *poison pill* tanpa persetujuan *shareholders* di situ. Apakah nasihat Yang Berhormat kepada Telekom sekarang?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya minta maaf Yang Berhormat bagi Sri Aman. *I'm not a lawyer background*, kalau *economic terms* itu *may be* boleh. Tetapi kepada sayalah dengan begitu punya banyak panel guaman, saya ingat *agreement* yang ditandatangani di antara *former share holder* cukup jelas dan saya rasa undang-undang ini kecuali on *technicality* ia berdasarkan kepada fakta. Jadi fakta-fakta dalam *agreement* tersebut cukup jelas dan nyata. Kepada saya jika sampai kita membayar RM740 juta

daripada wang Telekom, ini merupakan satu *cross negligent* pihak pengurusan yang mentadbir urus Telekom pada waktu tersebut dan kerajaan harus bertindak kerana ini jumlah wang yang cukup banyak. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, tidak perlu bagi jalan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terakhir, saya juga ingin menyentuh tentang APs ini dan masih tersenarai. Tetapi AP tersebut, saya tidak ada, itu satu. Jual pun tidak, boleh check tidak pakai pun. Saya tidak tahu mana AP itu. Itu satu, yang kedua, kita sudah hangat cerita fasal AP ini. Saya mohon mencadang kepada kerajaan Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jika dilihat daripada perbincangan, individu-individu yang terlibat telah membuat berbilion ringgit duit hanya dengan kertas AP yang sepatutnya duit tersebut dimiliki kerajaan. Saya mohon mencadangkan supaya dibuat dengan serta-merta pengeluaran AP terbaru harus dibuat secara tender kepada mereka yang ingin mengimport kereta. Dengan demikian, kerajaan dapat duit, *revenue* kepada kerajaan. Jadi tidak ada timbul lagi soal orang jual AP, kalau dia hendak jual AP, sekarang ini pemegang-pemegang AP dapat AP percuma.

Tetapi jika diperkenalkan sistem tender ini, berlaku di negara-negara lain, maka ia tidak boleh buat lagi jual AP kerana harga kereta akan meningkat-tingkat mahal jadinya. Dengan demikian kerajaan dapat sumber baru daripada AP berbilion banyaknya dan bolehlah digunakan wang ini untuk menjayakan program Yayasan Harta Tanah Bumiputera atau membantu PTPTN yang menjaja ke sana ke mari hendak cari duit hendak teruskan program menaja pembelajaran anak-anak Melayu dan bumiputera yang kadang-kadang hendak masuk IPTS/IPTA pun tidak mampu. Mereka-mereka yang sudah kaya kerana APs ini bukan menolong pun, bukan buat biasiswa untuk bantu orang susah.

Jadi saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhir kepada perbincangan saya, kerajaan harus gunakan ruang ini untuk meningkatkan pendapatan kerajaan, tender semua AP terutama kepada yang dipanggil AP Francais Holder ini.

Ini terutamanya harus di tender serta-merta. Jangan tunggu, kerana makin tunggu makin banyak dia orang buat duit. Cukuplah duit yang dia orang sudah buat sekarang. Jadi dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

12.00 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2006 ini. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2006 bertemakan 'Membina ketahanan menghadapi cabaran' pada 30 September yang lalu. Saya juga gembira kerana isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah selamat kembali pulang ke tanah air untuk Ramadhan dan Berhari Raya di samping suami, anak, menantu dan cucu. Saya juga mengucapkan Ramadhan mubarak kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat menunggu tahun 2006 dengan penuh resah. Kebimbangan mengenai kenaikan terus harga barang keperluan harian, kebimbangan tentang kadar faedah yang kian meningkat serta pertumbuhan sederhana ekonomi dunia menyebabkan rakyat menunggu tahun 2006 dengan penuh gelisah.

Strategi pertama Bajet 2006 sendiri memberi isyarat ketidakpercayaan kerajaan terhadap keberkesanan Belanjawan ini untuk mengembangkan ekonomi negara. Kalau bajet-bajet terdahulu jelas dari segi objektif menambah pertumbuhan, Bajet 2006 sekadar menyebut usaha kerajaan untuk memajukan kegiatan ekonomi tanpa komitmen kepada produktiviti dan penghasilan nilai tambah. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri selepas pembentangan bajet supaya rakyat berjimat cermat, menangguh pembelian televisyen, menangguh pembelian dan ubah suai rumah dan tangguh pergi bercuti, bukan sahaja meresahkan rakyat tetapi menjejaskan keyakinan sektor swasta yang diharapkan dapat menyumbang 60% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2006. Tidak mustahil dagangan di Bursa Malaysia pada Isnin 3 Oktober 2005 cukup lesu dan pasaran saham jatuh 2.2%. Sepatutnya dengan beberapa insentif dan galakan serta pengenalan *group relief*, dengan izin yang dituntut sektor swasta sejak hampir 20 tahun yang lalu, pasaran saham sepatutnya memberi reaksi spontan yang positif.

Kenapa ini tidak berlaku dan di mana silapnya? Saya dapati Belanjawan 2006 telah gagal menjawab kebimbangan utama rakyat iaitu mengenai kenaikan terus harga barang. Menjelang Bajet 2006, pihak media, Persatuan Pengguna malahan kerajaan sendiri mengakui tentang ancaman berterusan kenaikan harga barang yang mencengkam kehidupan rakyat. Rakyat dan peniaga mengharapkan akan ada langkah Belanjawan 2006 yang dapat menangani ancaman berterusan kenaikan harga barang.

Harapan rakyat dan golongan peniaga meleset sama sekali. Langkah yang paling hampir ialah bantuan sara hidup di antara RM50 hingga RM150 kepada kakitangan kerajaan. Lain-lain bantuan untuk golongan tua dan golongan kanak-kanak hanya pemberian manis supaya kerajaan dilihat sebagai penyayang. Kebanyakan bayaran elaun seperti kenaikan bayaran insentif kepada pemusnah bom dan insentif penyelam untuk anggota-anggota polis merupakan amaun yang kecil jumlahnya. Mereka layak mendapat elaun tersebut tetapi golongan terbanyak janganlah dialpakan.

Saya melihat Belanjawan 2006 tidak jujur untuk mengatasi himpitan hidup rakyat. Tiada langkah berkesan untuk meringankan sekali gus kesengsaraan pekerja awam dan swasta. Tiada langkah berkesan untuk mengawal harga barang dari terus melambung naik. Berapa langkah dan layanan cukai hanya enak didengar tetapi sasarannya tidak menyeluruh. Dari segi ini Bajet 2006 memang licik. Tidak ada cadangan bernas daripada kerajaan supaya rakyat keseluruhannya dapat membawa balik, *take home pay* dengan izin yang lebih. Nampaknya beberapa cadangan bernas daripada *Securities Analyst*, Persatuan Pengguna dan NGO's tidak diberi pertimbangan serius oleh kerajaan. Kita tidak mahu strategi Belanjawan 2006 meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat, hanya menjadi ayat-ayat politik kosong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit tumpuan kepada anggaran hasil Bajet 2006 sebanyak RM115.6 bilion, angka ini ialah RM9.7 bilion lebih tinggi daripada anggaran hasil disemak sebanyak RM105.8 bilion bagi tahun 2005. Sejauh manakah angka anggaran ini, hasil ini realistik? Segala petunjuk menandakan cukai pendapatan syarikat 2006 akan berkurangan dengan drastik. Di antara petunjuk tersebut ialah:

- (i) syarikat-syarikat senarai awam telah mula mengurangkan anggaran keuntungan bagi tahun 2006. Ini akan menjejaskan pungutan cukai pendapatan syarikat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- (ii) pengenalan *group relief*, akan mengurangkan lagi hasil cukai pendapatan syarikat. Ini adalah kerana jumlah hasil RM115.6 bilion ini belum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Bajet 2006. Kerugian *group relief* yang boleh ditolak dari keuntungan kumpulan adalah satu jumlah agregat yang besar. Saya memohon agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi anggaran kekurangan cukai pendapatan syarikat tahun 2006 berikutan pengenalan *group relief* ini.

Di antara sumbangan besar kepada hasil ialah faedah dan pulangan pelaburan sebanyak RM24.4 bilion yang mana sebanyak RM16 bilion disumbangkan oleh Petronas. Malangnya sumbangan daripada syarikat *Government Link Companies* dengan izin khususnya Khazanah Nasional tidak disenaraikan. Kenapa sumbangan sebanyak RM5,000 daripada Bank Pertanian Malaysia dicatat sedangkan sumbangan Khazanah tidak dicatatkan secara berasingan. Terdapat satu angka sumbangan yang besar sebanyak

RM5.95 bilion dicatat sebagai pulangan pelbagai pelaburan. Apakah rahsia di sebalik angka RM5.95 bilion ini?

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2006 telah memperkenalkan beberapa insentif dan galakan cukai untuk sektor korporat gergasi. Cadangan *group relief*, galakan taraf perintis, galakan *merger* dan *acquisition*, pindaan Seksyen 132G mengenai *effort shuffling* serta potongan cukai bayaran-bayaran profesional bagi *rail estate investments trust* merupakan galakan yang hanya mampu dimiliki korporat besar. Sangat beruntunglah syarikat-syarikat perunding dan pelaburan yang dijangka terlibat mengendalikan *deal* oleh Khazanah dan Dana Harta.

Pihak kerajaan hendaklah bersifat telus dengan menyatakan berapakah syarikat yang akan menikmati galakan di atas dan apakah syarikat-syarikat tersebut? Pembentukan Bank SME, *Small and Medium Enterprise* dengan modal berbayar RM1 bilion memang ditunggu-tunggu oleh peniaga kecil dan sederhana tetapi syarat peminjam mempunyai pertubuhan kukuh dan lebih daya saing untuk mendapatkan pinjaman mengecewakan peniaga kecil. Sekiranya satu syarikat peminjam mempunyai pertumbuhan kukuh dan lebih daya saing sudah tentu bank swasta sudah membiayai mereka.

Saya berharap Bank SME mempunyai pegawai kredit yang mempunyai pengetahuan luas tentang bidang-bidang perniagaan baru. Sering berlaku permohonan pinjaman ditolak kerana Pegawai Kredit tidak faham selok-belok perniagaan dan industri kerana tidak berdaya mengemukakan kertas cadangan kepada Jawatankuasa Kredit Bank, pegawai berkenaan menolak permohonan mentah-mentah.

Sebagai usaha mewujudkan pusat kecemerlangan, pengurusan rantai bekalan pertanian, Khazanah Nasional akan menubuhkan syarikat pertanian dan makanan nasional dengan modal RM500 juta. Ini merupakan langkah yang bertepatan kerana negara mempunyai potensi pertanian dan industri makanan yang belum dieksploit. Perlu diingatkan banyak usaha telah dibuat pada masa yang lalu tetapi akhirnya menemui kegagalan kerana tiada pengurusan yang cekap dan kegagalan menembusi pasaran. Adalah diharapkan Khazanah Nasional akan melantik mereka yang berpengalaman dan mempunyai minat R&D, pembangunan dan penyelidikan yang tinggi untuk mengurus syarikat-syarikat ini.

Saya juga ingin membangkitkan apakah akan terjadi kepada Syarikat Industri Makanan Malaysia Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan, adakah ia akan digabungkan dengan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional atau kekal berasingan? Saya berharap pengalaman masa lepas tentang pertindihan tugas pelbagai agensi kerajaan tidak akan terulang. Di dalam nada yang sama, apakah akan terjadi kepada pelbagai agensi pertanian seperti FAMA, MARDI, FELDA dan FELCRA?

Selain dari itu pembangunan sektor ICT masih lagi berkisar di sekitar kegiatan pembangunan hartanah. Bajet 2006 membangkitkan persoalan plot *ratio* pembangunan, infrastruktur, pengangkutan awam dan pembinaan rumah. MSC masih jauh dari sasaran membangunkan aplikasi *software* dan perisian. Walau bagaimanapun, kesesakan lalu lintas di Lebuhraya KESAS dan di sekitar Stadium Bukit Jalil semasa Perlawanan Akhir Piala Malaysia antara Selangor dan Perlis pada 1 Oktober 2005 yang lalu perlu menjadi iktibar bagi setiap perancangan kawasan baru. Kesesakan lalu lintas di Putrajaya juga berpunca daripada kegagalan perancangan yang teliti.

Saya mengalu-alukan Program Prosperis siswazah yang menyediakan pinjaman RM50,000 bagi 200 graduan. Adalah diharapkan pinjaman ini diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman bidang pengkhususan sekurang-kurangnya lima tahun. Dibimbangi sekiranya diberi kepada graduan baru yang belum bersedia memikul risiko perniagaan dan mempunyai *priority* yang lain, program yang dicadangkan tidak akan membawa kejayaan yang diharapkan.

Pembangunan modal insan, *human capital* perlu tertumpu kepada melahirkan pengurus-pengurus yang profesional dan cekap. Universiti boleh melahirkan graduan tetapi keupayaan graduan menjadi pengurus yang baik bergantung kepada daya kepimpinan, keupayaan motivasi dan mampu melahirkan hasil kerja yang berkualiti tepat pada masanya.

Adalah diharapkan Akademi Kepimpinan Pengurus dan Pengarah akan memenuhi harapan ini.

Saya juga mencadangkan supaya akademi mempunyai hubungan yang rapat dengan *Malaysian Institute of Management* yang sudah berpuluh tahun melahirkan kelulusan pengurusan. Pihak kerajaan juga mestilah memberi perhatian di dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan latihan yang intensif ke atas pekerja-pekerja yang pada pandangan saya telah diabaikan dalam bajet kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara Projek Bakun terus berhadapan dengan pelbagai masalah, orang asal yang tinggal di Batang Ai dan Batam terus dihipit kehidupan mereka. Berbagai laporan diterima tentang nasib mereka. Mereka tidak ada bekalan elektrik sedangkan mereka dipindahkan untuk memberi ruang kepada Bakun untuk menjana elektrik sehingga 2400 mega watt untuk dibekalkan bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Sabah dan Brunei.

Statistik kerajaan sendiri menunjukkan cuma setengah daripada perkampungan pedalaman Sarawak mendapat bekalan air bersih. Begitu juga kesihatan dan pendidikan mereka terabai. Projek Bakun yang telah bertukar tangan di antara Syarikat Ekran, TNB dan Syarikat Sarawak Hidro yang sudah tertangguh selama tiga tahun terus menjadi ancaman alam sekitar kepada penduduk yang dipindahkan. Saya berharap satu pakar gerak khas, *task force* digerakkan untuk menyiapkan Projek Bakun dan penduduk sekitarnya dinaik taraf kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh wabak denggi yang melanda negara kita hari ini. Menteri Kesihatan beberapa kali menyatakan bahawa kementerian hanya akan mengisytiharkan denggi sebagai wabak apabila ia mencapai 1000 kes seminggu. Pada rakyat biasa, pengisytiharan berikut mungkin tidak memberi sebarang makna kerana apa yang penting ialah kementerian gagal mendedahkan maklumat denggi ini pada waktu yang sepatutnya. Pada bulan Januari ini juga walaupun denggi telah mencapai 1000 kes seminggu, namun kementerian tidak mahu menggunakan perkataan wabak kerana tidak mahu memberikan publisiti kepada isu ini atas alasan ditakuti akan memberi kesan negatif kepada industri pelancongan. Malah pada bulan Februari kementerian juga telah diselar oleh Suhakam kerana membatalkan perjumpaan dengan mereka untuk berbincang tentang wabak denggi kerana pada masa itu pihak hospital dan juga pihak Suhakam tidak dapat menerima sebarang maklumat tentang denggi kerana pihak hospital diberitahu bahawa mereka menerima *gag order*, dengan izin, tidak memberi sebarang fakta dan butiran mengenai denggi pada ketika itu kerana negara sedang menerima tetamu daripada perjumpaan NAM.

Apa yang dikesalkan ialah dalam keadaan ramai jiwa yang terkorban, pihak kerajaan masih gagal menangani situasi kritikal ini. Apakah kita tidak belajar daripada wabak nipah dan JE dahulu? Kita berasa amat kecewa bajet pada kali ini... Saya ada satu lagi tentang denggi ini bila saya mengatakan bahawa Selangor akan diisytiharkan sebagai negara maju tetapi Selangor adalah negeri yang mencatatkan jangkitan denggi yang paling tinggi, jawapannya ialah Singapura juga negara maju tetapi mempunyai denggi. Tetapi bagaimana menanganinya, itulah yang kita persoalkan. *Attitude*, sikap kerana di Singapura, Perdana Menteri sendiri pergi mencari tempat-tempat, melihat *drains* dan longkang-longkang. Ini yang saya katakan jangan ada *cover up*, cara mana menangani satu masalah yang persoalannya adalah hidup dan mati.

Kita juga merasa kecewa bajet kali ini tidak menyentuh mengenai perusahaan atau industri automobil. Perdebatan hangat mengenai isu AP telah menarik perhatian masyarakat bahawa industri automobil negara telah dicemari dengan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Malangnya pihak kerajaan masih tidak mengendahkan pandangan dan keresahan masyarakat tentang isu ini. Kita percaya industri automobil tidak harus menerima terus subsidi di dalam industri ini kerana kegagalan industri tersebut untuk bersaing secara kompetitif. Sokongan kewangan bagi pengeluaran automobil ini boleh digunakan terhadap kepentingan negara. Justeru kita mencadangkan pemberian AP dimansuhkan dan langkah-langkah menarik balik perlindungan kepada industri kereta nasional dipercepatkan. Pembayar cukai tidak harus dikenakan dua kali ganda bebanan itu iaitu memberi subsidi pengeluaran industri dan juga kena terpaksa membeli kereta yang berharga tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mengakui bahawa masalah utama di dalam ekonomi negara adalah diakibatkan oleh amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Penyalahgunaan kuasa inilah telah menjadikan berbilion ringgit dibazirkan. Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah serius untuk mengatasi masalah ini. Kita seharusnya yang membuat transformasi. Kita mendesak agar kerajaan menyediakan langkah-langkah untuk mengukuhkan *corporate governance*, dengan izin, dengan meningkatkan *transparency*. Sektor korporat dan kerajaan terutamanya *government link companies* hendaklah tertakluk kepada penilaian umum. Ia memerlukan perubahan dalam legislatif, dengan izin, dan institusi yang bebas. Semua institusi yang berkenaan dengan ekonomi dan kewangan seperti Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti hendaklah diberikan kuasa yang cukup serta mampu bertindak secara profesional.

Usaha untuk mempertingkatkan pelaburan perlu mendapatkan sokongan sektor-sektor lain. Ketelusan di dalam segenap aspek di dalam masyarakat dan pentadbiran adalah pra syarat untuk memulihkan ekonomi negara. Langkah-langkah perlu diambil bagi mewujudkan kebebasan di dalam badan kehakiman, kebebasan media dan kebebasan mendapat maklumat. Tindakan kerajaan mengongkong media amat merimaskan. Ia melambangkan keengganan kerajaan menerima kritikan dan sekali gus kerajaan menolak tindak balas daripada masyarakat. Tengok sahaja apa yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini sendiri. Pihak kerajaan, pihak Ahli-ahli Parlimen menyuarakan sedikit, bukan banyak tetapi telah diambil tindakan. Ambil sahaja contoh Timbalan Menteri yang telah tidak dapat masuk ke Dewan selama enam bulan kerana menyuarakan sesuatu yang saya kira perlu kerajaan mengambil perhatian. Ini menunjukkan bahawa ruang demokrasi kita terhad dan terbatas dan mungkin sempit sekali.

Kita juga menggesa kerajaan supaya memahami bahawa hubungan harmoni antara kaum sangat mustahak. Untuk mendapat keyakinan pelabur luar dan dalam negara, kita memerlukan lebih dari potongan cukai mahupun pemberian bonus. Negara ini telah merdeka selama lebih 48 tahun, malangnya rakyatnya masih belum boleh menikmati pertumbuhan ekonomi secara adil. Salah guna kuasa dan salah laku pentadbiran di dalam Dasar Ekonomi Baru telah mengakibatkan amalan rasuah dan pembaziran ekonomi. Matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membantu golongan miskin tanpa mengira kaum telah gagal untuk menaikkan status ekonomi golongan berpendapatan rendah.

Masyarakat orang Asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak masih kekal berada di luar kepompong pembangunan utama ekonomi. Ini juga diperiakan oleh satu laporan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*) di mana kita diberi taklimat baru-baru ini. Meskipun telah beberapa kali Dasar Ekonomi Baru ini disambung, orang-orang Melayu yang berpendapatan rendah masih gagal bersaing di dalam ekonomi secara berdikari dengan izin, bukan ekonomi luar, ekonomi dalam negara sendiri. Dalam Dasar Ekonomi Baru hanya memperkayakan golongan elit yang mempunyai pertalian dengan kerajaan. Mereka mengumpulkan kekayaan menerusi kuasa politik. Golongan ini mempunyai jutaan syer dan keuntungan menerusi skim keistimewaan bumiputera, namun kebanyakan masyarakat bumiputera masih kekal miskin.

Lebih malang lagi, pada masa yang sama penyalahgunaan kuasa di dalam DEB ini telah mewujudkan silap faham dan ketegangan antara kaum. Pihak kerajaan wajib menilai semula kesilapan di dalam Dasar Ekonomi Baru ini dan tidak mengulanginya di dalam Pelan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, sikap angkuh dan provokatif sebilangan pemimpin di dalam kerajaan juga telah menjadikan usaha mewujudkan keharmonian di antara kaum dan integrasi nasional tercemar. Bukan sahaja mereka gagal mengakui bahawa salah laku tadbir dan korupsi adalah faktor utama berlakunya ketidaksamaan status ekonomi, ada di antara pihak-pihak dalam kerajaan, terutamanya sayap PEMUDA telah menyemarakkan ketegangan kaum.

Penggunaan bahasa berapi-rapi dan tindakan yang liar dan ganas sudah tidak sesuai lagi di dalam politik abad ke-21 ini. Seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama mestilah menunjukkan komitmen yang tinggi di dalam membina negara dan bangsa kita. Kita mesti menerima antara satu sama lain dan mempunyai sikap saling bantu-membantu sekiranya kita mahukan sebuah negara dan bangsa yang maju. Hanya

dengan cara ini sahaja, kita dapat mengatasi sebarang bentuk tekanan dan permasalahan di dalam era globalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tawaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Ahli-ahli Dewan mengemukakan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP) di Jabatan Perdana Menteri, senarai projek infrastruktur asas yang diperlukan di setiap kawasan Parlimen sebelum akhir bulan November ini. Setiap rakyat yang membayar cukai wajar diberi layanan yang sama, tidak kira di kawasan mana mereka tinggal. Rakyat di kawasan tersebut telah memilih Ahli-ahli Parlimen bagi mewakili mereka di dalam Dewan ini. Sebagai mewakili rakyat Permatang Pauh, saya akan kemukakan dua projek berikut kepada UPP.

Yang pertama, menambah peruntukan projek penebatan banjir di Seberang Perai Tengah agar kawasan yang diliputi lebih luas sehingga ke sempadan Tasek Gelugor, ia dekat dengan Mengkuang Mat Suluh.

Yang kedua, membina jejantas di *Highway Butterworth-Kulim Express Way* untuk kemudahan petani melintas jalan raya di kawasan Tol Seberang Jaya. Adalah diharapkan keperluan penduduk Permatang Pauh yang berjiran dengan Kepala Batas, tolonglah jiran. Ini adalah satu amalan yang baik, terutama di bulan puasa yang karim ini, akan diberikan pertimbangan sewajarnya. Selain daripada itu, adalah amat bijak jika Yang Amat Berhormat turut memberikan peruntukan sebanyak RM500,000 kepada Parlimen Permatang Pauh sebagaimana yang diberikan kepada Parlimen-Parlimen yang lain, yang berada di bawah pemerintahan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggulungan Belanjawan 2006 mengenal pasti kenaikan berterusan harga barang...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Permatang Pauh, Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ada menyebut, merayu kepada pihak Perdana Menteri supaya meluluskan peruntukan RM500,000 untuk projek-projek dalam Permatang Pauh. Adakah Yang Berhormat sedar kalau RM500,000 dibagi kepada Yang Berhormat, maka Ketua Bahagian yang selama ini telah monopoli peruntukan-peruntukan ataupun projek-projek yang diberi oleh kerajaan, akan merasai sesuatu yang tidak senang hati atau tidak dapat mempengaruhi rakyat dan pengundi-pengundi di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Saya sedar tetapi dalam bulan yang mulia ini saya tahu bahawa setiap insan kita hendak membangunkan negara, bukan hendak memasukkan dalam saku poket sahaja seorang, kot. Inilah yang kita katakan kita hendak membanteras rasuah, mestilah mula daripada kecil-kecilnya sampai sebesar-besarnya. Janganlah seperti mana yang diceritakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri apabila berada di Sungai Buloh. Seorang yang mencuri sepasang *jeans* dikenakan enam bulan penjara. Yang mengambil berbilion-bilion, berjuta-juta ringgit terlepas dan namun dinaikkan pangkat. Ini janganlah kita jadikan satu amalan. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya teruskan.

Jadi, Bajet 2006 mengenal pasti kenaikan berterusan harga barang dan inflasi sebagai ancaman kepada rakyat pada tahun hadapan. Walaupun pada awal September 2005, kerajaan memberi jaminan bahawa tidak akan ada kenaikan harga minyak dan diesel sehingga hujung tahun dan tidak akan ada kenaikan tol sehingga Disember 2006. Rakyat terus bimbang kerana tiada jaminan harga minyak tidak naik menjelang Januari 2006. Walaupun Bajet 2006 mengenal pasti ancaman inflasi, ia gagal memperkenalkan langkah menangani *cost push inflation* secara berkesan, dengan izin.

Kesimpulannya, bagi tahun 2006, inflasi akan terus mencengkam. Sektor korporat akan melaporkan keuntungan yang berkurangan dan kadar faedah akan meningkat. Jika, syarikat gagal menikmati insentif yang diberi dan sistem penyampaian perkhidmatan awam terus di takuk lama, sasaran hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak RM115.6 bilion tidak

akan tercapai. Jika peruntukan perbelanjaan tidak digunakan sepenuhnya, sasaran pertumbuhan 5.5% akan meleset.

Kegagalan mencapai sasaran hasil akan menyebabkan hutang bertambah dan unjuran defisit 3.5 akan dilampaui. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

12.38 tgh.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2006.

Kita dapati bahawa negara kita Malaysia telah mengalami ataupun telah melalui proses kitaran ekonomi daripada tahun 1970 hingga tahun 1985, kita telah melalui kitaran ekonomi pertanian dan seterusnya diikuti dengan pembuatan pada tahun 1985 hingga 1995 dan seterusnya diikuti dalam bidang ICT, bio-teknologi, nano teknologi daripada tahun 1995 hingga sekarang. Ini bukan merupakan satu polisi yang kita katakan *trial and error*.

Kita pada suatu ketika dahulu adalah merupakan pengeluar dan juga pengeksport getah dan timah yang terbesar di dunia. Tetapi, berdasarkan kepada Bank Negara Malaysia, kita dapati bahawa kadar inflasi kita akan bertambah, akan meningkat daripada tahun 2002, kadar inflasi kita ialah 1.4%, ia telah naik kepada 1.8% pada tahun 2004 dan dalam penggal kedua, dalam *second quarter* 2005, kadar inflasi telah meningkat kepada 3%. Salah satu faktor yang memainkan peranan dalam pertumbuhan ekonomi ialah *Foreign Direct Investment* (FDI).

Kita dapati bahawa pada tahun lepas, *Foreign Direct Investment* telah naik sebanyak RM8.7 bilion, terutamanya dalam bidang *oil and gas* dan RM4.5 bilion berdasarkan daripada pelaburan-pelaburan portfolio. Kita sekarang ini sebenarnya telah bersaing dengan negara-negara jiran, terutamanya dalam hendak menarik perhatian pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam negara kita. Jika kekurangan *Foreign Direct Investment*, ini akan menunjukkan bahawa kita akan mendapati bahawa kejatuhan ataupun pengurangan pertumbuhan ekonomi dalam tahun-tahun yang mendatang.

Kita sebenarnya sudah hilang *touch* ataupun pegangan kita dalam apa yang kita dahului pada masa dahulu. Saya ambil contoh, sekarang ini dalam segi *financial hub*, kita nampaknya ke belakang. Kalau dahulunya, kita ke belakang berbanding dengan Singapura dan juga Hong Kong. Kita juga terkebelakang dalam segi bidang ICT, yang mana Korea merupakan salah satu negara yang mempunyai *the biggest Internet game provider* dengan izin, yang mana juga negara Korea telah menjalankan ataupun telah dapat membina sistem perhubungan 3G yang menyeluruh ke seluruh negara. Kita juga ketinggalan ke belakang daripada India.

Kalau dahulu kita merupakan satu negara di Asia yang memulakan perancangan ICT dengan menubuhkan Multimedia Super Corridor (MSC), sekarang ini kita agak-agak terkebelakang berbanding dengan negara India. Kita ambil contoh juga, "*hotmail*" sebenarnya telah dihasilkan oleh seorang India dari negara India.

Berdasarkan kepada anggaran Bajet 2005, kerajaan telah mencadangkan ataupun mengunjurkan prospek pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan pada kadar 5.5%. Soalan saya, adakah kita dapat memastikan kadar pertumbuhan ekonomi 5.5% tadi akan tercapai berdasarkan dengan pengalaman-pengalaman yang kita ada, berdasarkan kepada pergerakan ekonomi yang ada sekarang.

Bagi tahun 2006 juga bahawa kita dapati defisit fizikal akan dikurangkan daripada 3.8% kepada 3.5% dan kerajaan memberikan penumpuan yang khusus dalam pembangunan demi mengekalkan kemantapan pertumbuhan ekonomi. Kita dapat membuat unjuran bahawa sektor pembinaan dijangka akan naik kepada 3% yang mana pada tahun-tahun sebelumnya, tahun 2004 dan 2005 kita mendapati bahawa bidang pembinaan (*construction*) ini negatif. Tahun lepas kita negatif 1.1, yang kritikalnya adakah

kita boleh mencapai pertumbuhan 3% dalam sektor pembinaan, kerana saya risau kalau kita tidak dapat mencapai 3% tersebut kita mungkin tidak akan dapat mencapai pertumbuhan negara kasar 5.5% tersebut.

Kebanyakan pertumbuhan dalam bidang pembinaan melibatkan sektor-sektor swasta, (*private sector*) dan langkah kerajaan ialah mengutamakan dalam bidang-bidang pembinaan yang melibatkan Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Luar Bandar. Cuma adakah langkah kerajaan dalam memastikan pembangunan infrastruktur, pembangunan pembinaan tadi, pembinaan tersebut dapat menghasilkan atau menandakan pertambahan ekonomi kita, bukan hanya kita mengeluarkan tetapi dia juga boleh menghasilkan satu perkara atau imbuhan balik bagi kita dapat menggerakkan ekonomi kita sebab setiap perancangan sama ada dalam bidang pertanian, dalam bidang *services*, dalam bidang pembuatan ia memerlukan duit dan duit ini untuk menggerakkan dan di manakah hasil duit yang kita akan dapat supaya pergerakan itu dapat kita jalankan

Salah satu perkara yang utama yang ada dalam bajet kita ialah *Islamic Financial Hub*. Saya hendak memetik kata-kata yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu *Conference IDB* yang telah diadakan pada Julai 2005, iaitu kita akan menjadikan Malaysia sebagai '*Hub*' dalam bidang sektor kewangan Islam dan akan menghubungkan ekonomi serantau. Dalam aspirasi itu, Bank Negara sebenarnya telah mengeluarkan empat lesen kepada bank-bank tempatan dan tiga lesen kepada bank-bank asing.

Kewangan Islam ini sebenarnya telah di *initiate* atau dimulakan oleh negara kita tapi nampaknya kita juga ke belakang. Kalau kita bandingkan negara-negara seperti Bahrain, negara Arab Saudi, Singapura, hatta Britain juga telah menjalankan perbankan Islam ini. Kewangan Islam ini telah berkembang dengan pesat dan dalam aset dunia Islam dia memainkan peranan antara USD200 hingga USD400 bilion dan satu bon Bank Islam iaitu dinamakan Sukuk Insurans yang telah diadakan dalam bidang *Financial Islamic Banking*, pada tahun 2005 akan dijangka mencecah kepada USD10 bilion bermakna dalam pertumbuhan sekarang ini meningkat ialah dalam lingkungan USD2 bilion. Daripada nilai Sukuk Insurans atau daripada nilai *Islamic bond* itu tadi, Malaysia sebenarnya telah menguasai 84% daripada jumlah tersebut. Saya cuma berharap kalau kita lambat atau pun terkebelakang atau pun kita masih leka, saya takut nanti kita akan juga akan ketinggalan sebagaimana sektor-sektor yang lain.

Kenapa apabila kita bincangkan berkenaan dengan Bank Islam atau pun *Financial Islamic Banking* tadi Singapura lebih ke depan berbanding negara kita. Ini kerana kerajaan Singapura sebenarnya telah melakukan satu dasar atau polisi iaitu membuka peluang yang lebih kepada bank-bank luar negara. Sebenarnya di negara Singapura dalam segi *banking* atau secara keseluruhan, di negara Singapura hanya mempunyai empat bank tempatan dan dikuasai oleh tiga puluh tiga bank luaran. Jadi dalam proses ini juga saya harap kerajaan dapat bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kita tidak akan terkebelakang.

Dalam *financial institution* atau pun institusi kewangan Islam yang ada di negara kita, saya ingin mengambil dua contoh dalam permasalahan yang timbul. Yang pertama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Belum bagi jalan?

Dr, Junaidy bin Abdul Wahab: Yang pertama iaitu bank-bank tersebut tidak diberi keistimewaan tertentu dan mereka sebenarnya lebih kurang sama dengan bank-bank *commercial* yang sedia ada, kerana bank-bank *commercial* yang sedia ada, di hujung tahun mereka membayar *income tax* tetapi selaku sebagai bank yang melibatkan institusi kewangan Islam, mereka terpaksa membayar dua kali iaitu membayar *income tax* dan juga membayar zakat. Jadi mereka ini juga diberikan satu bebanan (*burden*) yang lebih. Ini ialah kepada institusi bank itu sendiri, bukan kepada pendeposit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya hendak celah pasal bila Yang Berhormat sebut terkebelakang walau pun dalam setengah-setengah cara kita menjadi pencetus seperti

yang disebutkan iaitu *Multimedia Super Corridor*. Hatta kalau hendak ikutkan, kitalah negara pertama yang menghantar kereta ke negara China, kalau mengikut kata Menteri tempoh hari. Bila sampainya, kita ketinggalan ke belakang. Dalam bahasa paling mudah Yang Berhormat Batu Pahat orang Melayu kata "hangat-hangat tahi ayam".

Mungkin dari segi pacuan kepimpinan atau pun *leadership drive* itu kita ada, pemimpin kita boleh nampak peluang (*opportunity*) di luar sana, kemudian matlamat dan *vision very clear*, memang jelas pada sayalah. Masalahnya ini ialah sistem, mekanisme macam mana kita hendak melaksanakan, hendak memastikan apa yang telah digagaskan oleh pemimpin tadi tetap jelas wawasannya kepada pelaksana-pelaksana sistem atau pun pelaksana-pelaksana dasar. Pengendali sistem (*system operation*) terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan perlu ada *step by step*, langkah-langkah yang jelas untuk memastikan supaya kita akan kekal terkehadapan dalam apa juga arena yang kita ceburi.

Yang Berhormat telah sebut tadi, kluatir-kluatir kita terkebelakang, bolehkah Yang Berhormat beri pesanan apakah langkah-langkah yang perlu diambil, pesanan kepada pihak pelaksana dasar atau pun pengendali sistem ini supaya kita tetap berada seperti mana kita merintis, berada di hadapan dan orang lain tetap menjadikan kita sebagai contoh, tidaklah seperti "hangat-hangat tahi ayam", seperti datuk nenek kita kata dulu. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya itu yang saya cuba sampaikan sebenarnya. Pesanan, kita cuba minta pandangan dan juga hendak kata amanat-amanat itu tidak betul, bukan bagi amanat. Sebenarnya kita mempunyai ramai pakar yang boleh duduk bersama-sama berbincang, sama-sama memikirkan bagaimana kita hendak menggerakkan, memacukan lagi ekonomi negara. Dalam Dewan yang mulia ini kita juga ada contohnya Yang Berhormat bagi Labuan, Timbalan Menteri kita dari Bachok yang pakar-pakar dalam bidang ekonomi, yang dapat kita duduk kumpul bersama dan memikirkan bagaimana kita hendak menggerakkan terutamanya dalam memartabatkan umat Islam sebagai sebuah institusi kewangan yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya sikit sahaja. Kalau boleh Yang Berhormat beri sedikit pandangan hasil daripada tinjauan yang saya lihat sekarang ini dari segi sistem perbankan Islam nampak di akhir-akhir ini bukan tidak berjaya tetapi *move* dia kurang sedikit ialah barangkali tekanan-tekanan ataupun arahan-arahan daripada pihak kerajaan sendiri nampaknya lemah terutama sekali sebahagian besar jabatan-jabatan, badan-badan berkanun seperti pihak berkuasa tempatan, majlis daerah dan bandaran umpamanya. Boleh dikatakan sambutan dingin dari segi untuk mengubah simpanan tetap (*fix deposit*) selama ini berada di bank-bank *conventional* tidak nampak kesungguhan untuk menarik balik dan meletakkan *fix deposit* tersebut di dalam bank-bank perbankan Islam ini.

Barang kali kalau ditanya, kalau Yang Berhormat boleh tanya Menteri kerana *floor* Yang Berhormat masih berada di tahap berapa peratuskah ini yang jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan lain-lain agensi yang bersangkutan dengan kerajaan yang masih kekal dengan kedudukan biasa dan tidak cuba memindahkan akaun mereka itu sama ada *current account* ataupun *fixed deposit* kepada perbankan Islam ini. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya itu juga diambil kiralah dalam segi kita hendak memindah atau tidak itu bergantung juga kepada keadaan. Sebab itu kadang-kadang saya tegur juga berkenaan dengan sistem yang wujud di bank-bank yang mengamalkan sistem kewangan Islam tadi, Bank-bank Islam itu sendiri dalam sistem penyampaian yang telah dibentangkan ataupun dicakapkan dengan panjang lebar, contohnya terpaksa beratur panjang dan sebagainya.

Saya hendak sambung balik bahawa sebenarnya dalam perbankan Islam (*Islamic banking*) tadi ia juga bergantung atau berdasar kepada untung rugi pelaburan. Jadi, pihak Bank Negara telah melaksanakan satu polisi iaitu Insurans Simpanan yang mana maksimum pembayaran balik tiap-tiap satu simpanan sebanyak RM60,000. Jikalau Bank Islam itu sendiri ataupun *financial* institusi keislaman itu sendiri terpaksa membayar balik

pinjaman-pinjaman ataupun *guarantee* bahawa bila sesuatu berlaku mereka terpaksa bayar balik insurans, ini juga meletakkan bahawa bank yang mengamalkan perbankan Islam juga terpaksa juga ikut dengan komersial bank - membeli insurans dan meletak insurans. Adakah ini lari daripada ciri-ciri atau fungsi-fungsi kita hendak tetapkan kepada *Islamic banking* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya juga satu lagi perkara yang saya hendak cakap pada kali ini ialah berkenaan dengan kita hendak menjaga kepentingan orang Islam itu sendiri. Salah satu fungsi ataupun Jabatan yang sedia wujud di negara kita untuk memastikan umat Islam bebas ataupun terlepas daripada masalah-masalah kemiskinan iaitu Tabung Haji. Semalam memang banyak diperkatakan oleh kawan-kawan saya berkenaan dengan Tabung Haji. Matlamat penubuhan Tabung Haji ini sebenarnya amat jelas dan ia termaktub dalam Akta 535 Tabung Haji 1995, Seksyen 4 yang diluluskan di dalam Parlimen. Lembaga Tabung Haji mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (i) menguruskan tabungan;
- (ii) mengurus semua perkara mengenai kebaikan jemaah serta merumuskan dasar-dasar yang berkaitan dengannya;
- (iii) menjalankan aktiviti yang dibenarkan oleh akta ini.

Tujuan penubuhan Tabung Haji adalah untuk menjaga serta membina kekuatan umat Islam di negara ini dan ia juga merupakan benteng yang terakhir kepada pelaburan umat Islam di negara ini. Dana yang terkumpul adalah dana umat Islam dengan itu Tabung Haji untuk umat Islam dan boleh dikatakan timbal balasnya umat Islam juga untuk Tabung Haji. Sebarang usaha untuk melakukan perubahan kepada matlamat seperti yang termaktub pada Akta maka pihak pengurusan hendaklah merujuk kepada Parlimen ataupun *Attorney General* bagi menentukan hasrat dan tujuan Akta tersebut diwujudkan. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang aktiviti serta pelaksanaan yang bertentangan dengan Akta dapat dielakkan. Tabung Haji adalah hak pendeposit umat Islam. Ini jelas dan dijamin oleh undang-undang tersebut. Sebarang hasrat ataupun niat ataupun percubaan dan perbuatan untuk berkongsi hak atau sumber atau kekayaan milik Tabung Haji maka perkara hendaklah dirujuk Parlimen atau *Attorney General* bagi mendapat mandat bagi membuat penambahan atau perubahan kepada klausa-klausa ataupun seksyen kepada akta tersebut atau pengesahan serta perakuan bahawa tujuan tersebut dibolehkan oleh Akta tersebut. Ini merupakan satu yang mandatori atau kemestian dalam undang-undang tersebut.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya bagi sahabat saya Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Oleh kerana saya di belakang, dia tidak nampak tetapi dia nampak saya, maknanya dia amat prihatin dengan perkara yang berlaku di sekeliling termasuk Tabung Haji. Tabung Haji ini Tuan Yang di-Pertua, dia kata hendak menggabungkan anak syarikatnya yang dinamakan *Tabung Haji Plantation* adakah Batu Pahat berpendapat bahawa daripada Akta-akta tadi yang disebutkan walaupun yang hendak disenaraikan ini adalah *Tabung Haji Plantation* anak syarikat Tabung Haji, ia terlepas daripada Akta tersebut. Minta Batu Pahat jelaskan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Itulah yang cakap ini tetapi belum habis lagi. [Ketawa] Cepat sangat hendak potong. Cadangan untuk menyenaraikan *Tabung Haji Plantation* ke Bursa Saham Malaysia ini yang mana Tabung Haji tadi mempunyai beberapa anak syarikat dan salah satu daripada anak-anak syarikat tersebut ialah *TH Plantation Sdn. Bhd.* *TH Plantation* ini telah dikenal pasti untuk disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia pada akhir tahun ini. Cadangan ini adalah untuk mendapatkan sumber kewangan melalui IPO dan juga bagi rancangan pembesaran. Biasanyalah syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menyenaraikan syarikat-syarikat mereka di Bursa Saham adalah untuk

mendapatkan modal bagi membiayai rancangan pembesaran dengan menjualkan syer-syer di dalam IPO tetapi apa yang berlaku ialah Tabung Haji akan menjual atau menawarkan 75.5 juta syer yang sedia ada ataupun 38% syer *TH Plantation* tersebut.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya minta Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Batu Pahat. Ini menunjukkan bahawa Tabung Haji ini sudah melanggar undang-undang tubuhnya. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat, hendak hukumlah Tabung Haji ini? Dan kita tidak tahu yang sebenarnya. Biasanya orang yang hendak pergi ke IPO ini hendak memerlukan modal orang luar, tetapi hari ini kita digembar-gemburkan bahawa Tabung Haji ini *solid*, benarkah? Benarkah ia betul-betul *solid* ataupun hanya gambaran-gambaran begitu sahaja? Saya diberitahu bahawa Batu Pahat telah menyiasat masalah ini dan kita hendak beritahu dalam Dewan Rakyat ini kerana ini kata Yang Berhormat tadi benteng pertahanan, benteng apa itu untuk orang Melayu ni? Benteng terakhir. Jangan besok jadi macam Kota Melaka sudahlah. Jadi apa pendapat Yang Berhormat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Dalam saya hendak menjawab apa Yang Berhormat tadi dalam penggulungan saya. Meskipun jumlah tanah yang dimiliki oleh *Tabung Haji Plantation* adalah kecil seperti kenyataan yang dikeluarkan dalam akhbar oleh CEO *Tabung Haji Plantation* iaitu sebanyak 16,227 hektar dan 3 buah kilang minyak kelapa sawit dan 11 buah estet. Saya cuba hendak tanya adakah jumlah ini terlalu kecil bagi beliau untuk berkongsi dengan bukan Islam. Pokoknya Tabung Haji mampu membiayai rancangan pembesaran. Tabung Haji tidak pernah berhutang dari sumber kewangan luar bagi membiayai aktiviti-aktiviti perladangan tersebut. Tabung Haji sudah mempunyai kekuatan dan mengaut keuntungan daripada hasil kegiatan perladangan pada setiap tahun. Soalan saya lagi, apakah sumber kewangan tersebut tidak mencukupi?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya minta Yang Berhormat Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh saya sambung soalan lepas *lunch*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya sekarang Yang Berhormat. Yang Berhormat seorang hendak pergi *lunch* tetapi kita orang tak mahu pergi. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak bersetuju dengan penyenaraian *Tabung Haji Plantation* di dalam Bursa Saham kerana ini bertentangan dengan tujuan asal penubuhan Tabung Haji. Dari segi aktiviti berbeza dengan tujuan ditubuhkan Tabung Haji. Saya hendak soal lagi ialah kalau kita lihat penglibatan Tabung Haji dan aktiviti-aktiviti Tabung Haji banyak jauh menyimpang daripada tujuan asal penubuhannya. Misalnya Tabung Haji terlibat dari segi perladangan, hartanah dan berbagai-bagai lagi perkara yang melibatkan perkara-perkara yang langsung tidak ada kena mengena dengan tujuan asal penubuhan Tabung Haji untuk membantu jemaah dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya Tabung Haji perlu menilai aktiviti-aktiviti mereka bukan sahaja setakat penyenaraian tetapi segala aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain-lain kerana yang lain-lain pun bertentangan dengan tujuan penubuhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh sambung jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Pahat sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi masa kita berhenti rehat, saya dapat soalan daripada Yang Berhormat Bera berkenaan dengan, adakah tindakan yang dibuat Tabung Haji tadi melanggar akta yang telah termaktub dalam Akta Tabung Haji itu sendiri, jadi bagi saya jawapan ini memang betul. Saya hendak sambung perbahasan berkenaan dengan cadangan untuk menyenaraikan Tabung Haji Plantation kepada pasaran saham.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Tujuan akta jelas bahawa Tabung Haji ditubuhkan sebenarnya bukan untuk dikongsi haknya dengan bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Sabar sekejap ya, penyenaian atau TH Plantation dalam bursa ini adalah satu pelanggaran kepada akta dan hak umat Islam, jadi penyenaian ini saya hendak tanya, adakah sebagai satu usaha untuk mengasingkan TH Plantation ini daripada pemantauan, penyeliaan, kongkongan serta tanggungjawab secara terus Tabung Haji dan kegiatan ini merupakan satu pelanggaran hak pendeposit umat Islam berdasarkan kepada Seksyen 4(1)(b) Akta Tabung Haji 1995, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Batu Pahat, tidakkah Yang Berhormat Batu Pahat bercadang untuk mengesyorkan supaya Tabung Haji balik kepada asal, kerana kita tengok apa saya yang dia *venture* dahulu semua rugi. Dahulu Metro Wangsa? Pun rugi, hah ini lagi jadi kan lebih baik bahawa Tabung Haji balik kepada asal penubuhannya supaya harta orang Melayu, harta orang Islam ini terjaga dengan baik, bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, disambut oleh guruh nampaknya, betul. Saya memang menyokong, saya juga berharap Tabung Haji ini kalau dapat balik semula kepada asal penubuhan dan salah satu kalau betul Tabung Haji hendak berkembang ataupun hendak memperluaskan bidang skop perniagaan tadi. Apa salahnya Tabung Haji membawa modal Tabung Haji berkaitan dengan pengurusan Tabung Haji itu sendiri ke negara-negara luar, apa salahnya kita bawa modal Tabung Haji ke Uzbekistan contohnya...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: .kepada negara China contohnya yang mana umat-umat Islam di negara-negara tersebut dapat menggunakan kaedah-kaedah yang sedia wujud dalam Tabung Haji tadi untuk menunaikan haji di Mekah, silakan Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Apa yang saya dapat lihat apabila Tabung Haji mulakan era untuk disenaraikan di dalam bursa saham, adakah keterlaluan jika saya katakan kalau sindrom yang berlaku kepada syarikat-syarikat, yang tersenarai yang lain berlaku pada Tabung Haji terutamanya di dalam Syer Opsyen Skim.

Di mana untuk "*B-source* dan *L-source*" ini selalunya pihak yang mempunyai kepentingan, iaitu pemegang-pemegang jawatan di dalam anak syarikat itu sendiri, yang mempunyai kepentingan dia tahu yang ini peluang dia dan dia cuba untuk senaraikan anak syarikat ini, dan kemudian mereka akan dapat memiliki saham syarikat ini untuk kepentingan diri mereka sendiri. Kalau ikut kata pepatah Melayu ini mungkin juga, "Menahan lukah di pergentingan" ataupun "Menanggung di air yang keruh", cuba Yang Berhormat Batu Pahat ulas sedikit apa yang saya sebut sebentar tadi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, saya memang risau sebab itulah kita membangkitkan isu ini, saya bukanlah macam pepatah yang Yang Berhormat daripada Tangga Batu nyatakan. Saya takut akan jadi “Harapkan pagar, pagar makan padi”, jadi saya berharaplah pihak pengurusan Tabung Haji ini sebelum hendak melakukan ataupun hendak mengadakan penyenaian ini perlulah menghubungi pendeposit-pendeposit terutamanya orang yang melabur dalam Tabung Haji, yang mempunyai harapan untuk pergi ke naik haji..

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: ...supaya mendapat persetujuan ataupun sekurang-kurangnya membuat kajian mengenai cadangan ini dari segi pandangan serta penerimaan mereka. Yang Berhormat Puchong naik haji jugak? Saya bagi Yang Berhormat Petra Jaya dahululah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, saya terpanggil tadi bila Yang Berhormat Batu Pahat menyebut tentang Tabung Haji sepatutnya lebih menumpukan kepada kegiatan perniagaan di luar sekiranya mereka ingin berkembang, jadi kalau kita lihat salah satu *business* yang dilakukan oleh Tabung Haji ialah mewujudkan Tabung Haji Travel.

Tabung Haji Travel ini sebenarnya telah melaporkan, tujuannya ialah untuk membantu orang mengerjakan haji dan juga umrah. Apa yang saya berkongsi pengalaman ataupun pandangan Yang Berhormat Batu Pahat, Tabung Haji Travel kalau sekiranya Tabung Haji ingin mewujudkan juga *travel agencies*, mereka sepatutnya memberi tumpuan kepada satu untuk mendapat membawa pelancong keluar maknanya negara-negara Islam dan sebagainya. Maknanya mereka akan mencari satu *ground services* dan tempat penginapan, macam di Mekah sahaja membuat umrah. Mereka harus memberi fokus untuk menyediakan perkhidmatan penginapan, pengangkutan, dan makanan.

Tidak perlulah membuat *travel agent* yang hendak bersaing dengan bumiputera yang ada, orang Melayu dan bumiputera yang ada di Malaysia ini untuk membuat *ticketing* misal kata. Macam manalah bumiputera yang kecil ini buat *business* terpaksa bersaing dengan Tabung Haji Travel. Sepatutnya apa yang mereka lakukan ialah membantu bumiputera ini atau Melayu yang kecil-kecil ini menyokong mereka, dengan melantik mereka sebagai agen untuk memasarkan pakej umrah dan haji ataupun kawasan-kawasan yang ada di luar sana, terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya memang sudah betul sudah itu, sekurang-kurangnya Tabung Haji ini tidak membentuk satu persaingan yang tidak sihat di dalam negara kita sendiri sebagaimana yang dicontohkan oleh Yang Berhormat Petra Jaya.

Saya juga kalau berharap kalau Tabung Haji ingin memperkembangkan lagi skop perkhidmatan dan juga perniagaan apa salahnya Tabung Haji menyediakan ataupun membuat cadangan untuk menyediakan hotel, tempat penginapan di Makkah dan Madinah. Apa salahnya Tabung Haji menyediakan ataupun membuat cadangan untuk menyediakan hotel tempat penginapan di Makkah dan Madinah. Apa salahnya juga Tabung Haji juga kalau hendak berkembang lagi belikan pesawat untuk yang dapat digunakan untuk jemaah-jemaah Tabung Haji kalau waktu-waktu yang lain boleh disewakan. Melakukan sesuatu yang menjuruskan dalam kepakaran-kepakaran yang wujud ataupun yang berkaitan dengan pembentukan Tabung Haji tersebut? Silakan Ketereh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Batu Pahat. Saya terpanggil untuk bangun sebut pasal Tabung Haji dan bila Yang Berhormat Batu Pahat sebut fasal ibadat haji di Makkah sebab saya ada keluarga di Makkah, ada kakak saya sendiri jadi rakyat Saudi dan saya selalu ke Saudi Arabiah [Dewan riuh].

Ya betul, kakak saya adalah rakyat Saudi walaupun dia bin Haji Che Mat tetapi dia rakyat Saudi sebab keturunan saya daripada Tanah Makkah keturunan baik-baiklah bulan puasa tidak boleh bohong cakap baik-baik [Ketawa].

Ini Yang Berhormat sebut tadi kita patut Tabung Haji soal bangunan di Makkah adakah Yang terhormat sedar bahawasanya terdapat unsur yang tidak baik berlaku kepada pegawai-pegawai Tabung Haji di Makkah. Saya tahu bila Tabung Haji hendak pergi sewa bangunan, kadang-kadang komisen yang diambil oleh pegawai-pegawai Tabung Haji atau orang yang terlibat dengan Tabung Haji mengenai sewa bangunan ini adalah lebih tinggi.

Seorang Ahli: Rasuah. Rasuah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya tidak hendak sebut rasuahlah walaupun dalam Parlimen, ini bulan puasa kan tetapi dia panggil komisen. Saya sendiri pernah mengalami perkara ini sebab saya Pengerusi Yayasan Kemiskinan Kelantan. Yayasan Kemiskinan Kelantan ada menyewa sebuah bangunan di tepi Masjidil Haram. Kita sewa bangunan dan dijadikan ianya sebuah hotel. Nama hotel itu Hotel Asia Palace atau Asia Palace (*Kosrul Asia*), pernah dapat sewa daripada Tabung Haji tetapi oleh sebab perundingan tidak sesuai. Orang di sana meletakkan kalau hendak sewa boleh tetapi komisennya sebanyak ini maka kita tidak setuju dan saya pernah mengadu perkara ini kepada pihak atasan bahawasanya tolong semak pegawai-pegawai kita di Tabung Haji di Makkah ini. Bukan soal sewa bangunan sahaja tetapi soal makanan Yang Berhormat, makanan begitu juga.

Dia bagi kontrak kepada orang-orang tertentu membuat makanan tetapi ada unsur-unsur tidak elok berlaku menggunakan duit orang hendak pergi haji ini. Ini satu perkara yang patut kita elakkan. Apa komen Yang terhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Ini sudah teruk nampaknya. Kalau tadi saya katakan harapkan pagar, pagar makan padi ini macam ikan haruan - ibu haruan makan anak dia sendiri.

Beberapa Ahli: [Sorak] Wah!

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya memang berharap supaya Tabung Haji ini kalau hendak melabur atau membuat sesuatu dia mesti ada perimbangan di antara keperluan penabungan untuk umat Islam dan orang Melayu dan peluang-peluang yang ada mesti memaksimumkan keuntungan penabungan dan ia perlu diatasi dan juga diawasi dengan teliti.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Hendak juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puchong.

Seorang Ahli: Sudah pergi haji?

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Walaupun saya bukan ahli Tabung Haji tetapi saya hendak... saya tengok proses penyenaian sesebuah *company* itu atau syarikat itu daripada aspek yang lain, ok.

Memang dari segi undang-undang atau akta mungkin penyenaian ini telah melanggar akta Tabung Haji dan sebagainya tetapi kalau kita daripada aspek komersial atau aspek perniagaan. Tujuan penyenaian sesebuah *company* ataupun syarikat itu adalah untuk mendapatkan satu *funding* yang lebih murah daripada pasaran dan ini juga memberikan hasrat untuk meningkat dan menaiki produktiviti ataupun daya saing sesebuah syarikat dan mungkin yang paling penting sekali ialah suatu peluang untuk sesebuah organisasi atau syarikat untuk menambah lagi nilai tambah *value* sesuatu *share holder* ataupun *stake holder* nya. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai penyenaian *TH Plantation* ini?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Itu memang pada asasnya setiap langkah ataupun penyenaian syarikat-syarikat secara umum. Tetapi ada sesetengah syarikat ataupun pertubuhan yang kadang-kadang dia tidak sedar bahawa mereka sudah bertambah besar ataupun dia tidak sedar bahawa mereka ini akan jadi besar ataupun dia tidak *ready* untuk menghadapi pembesaran. Dalam skop Tabung Haji tadi kita berharap sebab asas penubuhannya pembentukan Tabung Haji,

pengurusan Tabung haji ini khusus dalam menguruskan jemaah-jemaah haji. Kita juga tidak mahu Tabung Haji terlibat dalam pelaburan-pelaburan yang berisiko tinggi dan tidak *Islamic*.

Kita sebenarnya perlu ada sistem pengawasan pelaburan yang ketat dan penggajian pengurus-pengurus dana yang profesional yang benar-benar pakar dalam bidang-bidang pelaburan jikalau hendak melabur dan juga kalau pelaburan tadi dibuat cuma untuk menambah kandungan dalam akaun, ini merupakan satu benda yang agak tidak adil kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji dan...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Sebelum Yang Berhormat bagi Batu Pahat masuk jauh lagi, saya berminat dengan apa yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jasin, Ledang, dan Ketereh sebentar tadi yang mana kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah pengurusan dan pentadbiran dalam Tabung Haji ini tidak *Islamic* walaupun pada hakikatnya mereka menguruskan dana yang mungkin berpuncanya dari punca-punca yang *Islamic*.

Jika ini yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua saya amat sedih sekali kerana penyimpanan-penyimpanan, penabung-penabung ini amat percaya kepada Tabung Haji sehinggakan apabila mereka meletakkan pelaburan mereka itu mengharapkan pelaburan mereka itu terpelihara, suci dan sebagainya.

Apabila ini berlaku Tuan yang di-Pertua, tidakkah membayangkan kepada kita bahawa amanah serta tanggungjawab yang diletakkan kepada pengurus, pegawai-pegawai dan juga yang mengaturnya program Tabung Haji ini adalah menampakkan ketidakcekapan dan ketidakupayaan di dalam melaksanakan tugas-tugas serta peranan dan tanggungjawab mereka. Boleh tidak Yang Berhormat bagi Batu Pahat beritahu pada saya jika Tabung haji ini pernah dikategorikan dalam mana-mana indeks antarabangsa sebagai pertubuhan yang menyediakan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan mereka. Boleh tidak berikan kepada saya Tabung Haji pernah tidak didaftarkan sebagai.... tidak kisah nombor 20 kah, nombor 100 kah, atau nombor satu kah, dalam mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan kepada penyimpan ataupun penabung-penabung?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu kalau saya hendak terangkan kepada dia baik saya terangkan dekat luar. Saya cuma hendak panjangkan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu supaya pihak Menteri atau mereka yang bertanggungjawab kepada Tabung haji ini memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Pengoperasian Tabung Haji ini sebenarnya perlu dipertanggungjawabkan juga kepada pegawai-pegawai eksekutif yang betul-betul mahir dan kalau dapat diambil daripada pasaran-pasaran terbuka, bukan diambil kepada kalangan-kalangan mereka yang kita kenal dan pemilihan itu mestilah dibuat mengikut merit dan bukan selainnya.

Secara umumnya pengurusan Tabung Haji perlulah melakukan *revamp* yang menyeluruh pentadbiran ala kerajaan perlu sebenarnya kita kaji semula, komitmen kepada perubahan perlu diterima pakai kepada semua lapisan kerja yang ada dalam Tabung haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pengurusan tertinggi adalah merupakan pemegang-pemegang amanah dan agensi pelaksana ke atas apa yang telah diputuskan dalam Akta Tabung Haji tersebut. Sebelum saya menamatkan perbincangan saya, saya ingin lagi sekali menggulung apa yang telah saya hujahkan iaitu yang pertama berkenaan dengan sama ada kita ini telah bersedia untuk mendapat pencapaian 5.5 peratus bergantung pada bajet yang telah dilaksanakan dan yang kedua...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Putih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Hendak tambah sedikit, hendak sokong yang sedikit tadi, Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Setuju atau tidak oleh sebab Tabung Haji ini ialah merupakan kalau kita nampak ialah satu-satunya tabung yang melambangkan institusi kewangan Islam dan membela jemaah haji. Setuju atau tidak kalau kita masukkan sedikit budaya kerja cemerlang, perspektif Islam. Salah satunya saya sebutkan kerja ke arah mencapai keredaan Allah, itu yang pertama dan berfaedah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Pahat sila.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya tetap setuju. Jadi saya juga ingin dalam rumusan saya yang terakhir dan penghujung ini, saya juga berharap supaya pihak-pihak yang terlibat dalam institusi kewangan Islam mengambil perhatian yang khusus supaya kita tidak ketinggalan. Kita sudah banyak ketinggalan dalam sektor-sektor yang kita mengasaskannya tetapi akhirnya kita mundur ke belakang.

Dan yang ketiga iaitu yang terakhir, saya juga berharap Lembaga Tabung Haji melalui mereka yang terlibat mengambil perhatian yang khusus dan juga mengkaji semula cadangan untuk menyenaraikan Tabung Haji Plantation dalam bursa saham supaya ini akan dapat menjaga kepentingan pendeposit dan juga kepentingan umat Islam di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sekijang.

2.51 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2006 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan yang diadakan pada 30 September yang lalu.

Saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang elaun kepada perkhidmatan awam ataupun perkhidmatan kerajaan. Saya bagi pihak seluruh kakitangan kerajaan di dalam kawasan saya dan juga mungkin agaknya seluruh kakitangan awam yang lain mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberikan perhatian yang cukup besar kepada mereka dengan memberikan bonus tahunan walaupun ia kurang mendapat liputan tetapi oleh sebab ianya diberi tiap-tiap tahun tetapi sebenarnya adalah satu pemberian yang cukup besar kemudian diikuti dengan pemberian Elaun Sara Hidup ataupun *cost of living allowance* dengan singkatannya di panggil sebagai COLA dan kenaikan Elaun Khidmat Awam kepada penjawat awam kumpulan 41, 42 dan 45 kepada RM300 sebulan.

Sesungguhnya pemberian ini sudah tentu bermakna kepada mereka. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang pemberian Elaun Sara Hidup ini ataupun COLA ini yang mana mereka yang tinggal ataupun mendiami *quarters* kerajaan tidak berkecukupan untuk menerima elaun yang disebutkan ini. Ini bermakna ramai di antara kakitangan awam kerajaan ini tidak akan dapat menikmati pemberian yang disebutkan tadi. Mereka ini bukan sahaja tidak dapat menikmati COLA ini, malah mereka juga tidak mendapat Elaun Perumahan yang disediakan oleh kerajaan oleh sebab mereka ini duduk di rumah kerajaan.

Dengan itu mereka sudahlah yang pertama tadi tidak dapat Elaun Perumahan kerana mereka duduk di *quarters*, kemudian ada pula bantuan yang hendak diberi, Elaun Sara Hidup ini atau COLA ini, mereka pun tidak dapat. Maknanya mereka ini terlepas peluang nampaknya dan saya berharap sangat kepada kerajaan yang prihatin kepada kakitangan awam ini supaya mereka yang menduduki *quarters* ini juga diberikan COLA ini kerana memandangkan mereka telah dipotong Elaun Perumahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu saya juga ingin menarik perhatian bahawa COLA yang diberikan ini juga harus diselaraskan dan tidak ada bagi kawasan bandar, kawasan luar bandar atau kawasan bandar besar kerana apa yang dikategorikan iaitu

RM150 bagi kawasan bandar besar, kemudian ada bandar kecil RM100 dan akhirnya RM50 kerana elaun ini adalah merupakan elaun untuk bantuan sara hidup kepada kakitangan kerajaan dan kita perlu tahu bahawa yang tinggal di luar bandar pun adalah membeli barang-barang keperluan yang datangnya daripada bandar juga kerana saya mengambil contoh, misalnya beras, tepung, gula, minyak masak dan sebagainya adalah diedarkan daripada bandar juga.

Kadangkala mereka yang tinggal di luar bandar ini terpaksa pula membeli barangan-barangan tersebut yang lebih tinggi harganya daripada mereka yang tinggal di bandar. Jadi saya minta elaun ini diselaraskan supaya tidak ada kita kenal pasti mereka ini tinggal di bandar atau di luar bandar. Malah bagi saya, kalau betul-betul kita hendak prihatin kepada mereka ini, mereka yang tinggal di luar bandarlah yang sepatutnya kita berikan lebih elaunnya daripada mereka yang tinggal di bandar kerana kita sememangnya menggalakkan kakitangan kerajaan terutamanya mereka yang terdiri daripada guru-guru yang tinggal di luar bandar untuk berkhidmat di kawasan luar bandar kerana mereka menghadapi kadangkala kesengsaraan, kesusahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu saya juga melihat bahawa di dalam bajet yang baru dibentangkan ini kumpulan 41, 42 dan 45 iaitu bagi pensyarah, mereka menerima kenaikan Elaun Khidmat Awam daripada, kalau tidak silap saya RM170 kepada RM300 yang tidak mengira tempoh perkhidmatan mereka. Di sini saya ingin mencadangkan supaya golongan kumpulan sokongan atau perkeranian juga harus diambil kira kerana mereka ini rata-rata menerima Elaun Khidmat Awam sebanyak RM80 dan ke bawah kerana Elaun Khidmat Awam mereka ini, kalau tidak silap saya lebih hampir 20 tahun tidak pernah dikaji.

Jadi kalaulah kumpulan-kumpulan 41, 42 dan 45 ini menerima kenaikan daripada RM170 kepada RM300 tanpa mengira tempoh perkhidmatan mereka, kalau di zaman saya berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dahulu untuk sampai ke RM300 ini memakan masa lebih daripada 10 tahun tetapi maknanya dengan pengumuman yang baru ini, maka mereka telah menerima elaun ini walaupun mereka berkhidmat kurang daripada setahun, maknanya mereka boleh menikmati Elaun Khidmat Awam ini dan dengan sebab itulah saya juga memohon supaya mereka yang duduk di kumpulan sokongan iaitu kumpulan perkeranian ini juga harus diberikan pertimbangan yang sama kerana mereka ini juga telah lama tidak pernah dikaji tentang pemberian Elaun Khidmat Awam.

Perkara yang berikutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penggunaan gas NGV ataupun CNG kerana di negara kita dikenali dengan NGV, *neutral gas vehicle* dan luar negara dikenali sebagai CNG, *compact neutral gas*.

Kita amat berterima kasih kepada kerajaan dalam Bajet 2006 telah memberikan pengecualian duti import dan cukai jualan kepada *chassis engine* mono gas serta *conversion kit* dan juga geran sebanyak RM50 ribu bagi setiap bas mono gas yang diperolehi sehingga tempoh 2008. Manakala di sebut juga stesen pembekalan gas runcit yang kini berjumlah 51 buah akan digandakan menjelang 2007. Saya berpendapat dan daripada tinjauan yang saya buat daripada kalangan rakyat, mereka rata-rata menyokong langkah kerajaan untuk menggunakan gas sebagai bahan tenaga alternatif bagi kenderaan untuk kegunaan sendiri dan juga untuk kegunaan awam. Mereka sendiri sebenarnya berminat untuk menggunakannya tetapi malang bagi kita semua kerana walaupun kerajaan telah memberikan berbagai-bagai insentif termasuk yang terdahulu bahawa telah diberikan pengecualian ataupun potongan cukai sebanyak 50% kepada kenderaan yang menggunakan gas, tetapi perkembangannya amat lembap.

Masalah yang dikenal pasti ialah kita sebenarnya menghadapi kekurangan yang amat sangat stesen pembekalan runcit gas ini di seluruh negara. Kalau ada pun di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru sahaja. Dalam kuantiti yang sangat terhad dan kenderaan yang menggunakannya terpaksa berbaris berjam-jam untuk mendapat bekalan ini. Ini tentunya membuang masa dan tenaga untuk menggunakan gas tadi. Pihak Petronas, sama ada Petronas dagang ataupun Petronas NGV yang diberi mandat dan kepercayaan untuk membekalkannya tidak menampakkan kesungguhan kerana dikatakan untuk melabur satu stesen gas runcit memerlukan belanja yang melebihi RM3 juta untuk satu stesen. Agaknya mereka lebih suka melaburkan wang mereka di sektor yang lain yang boleh memberikan pulangan yang berlipat ganda. Oleh itu, saya juga ingin

mencadangkan kita jangan sahaja menunggu Petronas untuk melabur dalam bidang ini, kita juga harus mencari alternatif pelabur-pelabur lain yang berminat untuk melabur di bidang ini.

Ini seperti agensi-agensi yang terdapat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, misalnya ataupun singkatannya MeCD. Kita ada koperasi, misalnya di bawah kementerian ini, kita ada MARA di bawah kementerian ini, kita ada bank pembangunan dan yang terbaru SME Bank dan bermacam-macam lagi yang mungkin juga boleh diberikan kepercayaan untuk sama-sama membekalkan gas runcit ini kepada pengguna-pengguna di dalam negara kita. Ataupun mungkin juga pembekalan gas ini secara runcit boleh kita francaiskan kepada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang bangun. Boleh?

Tuan Baharum bin Mohamed: Silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya hendak tanya, oleh kerana segala galakan telah pun diberi oleh kerajaan, di mana semua pihak harus menyambut cadangan yang baik ini tetapi apa pula agaknya rancangan daripada LPKP sendiri untuk menggalakkan kenderaan pedagang-pedagang dalam negara Malaysia ini mengambil segala kesempatan di atas galakan-galakan yang telah diberikan oleh kerajaan di dalam menggunakan NGV ataupun mono gas dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ledang, biarlah saya *declare* di sini bahawa saya juga selaku Pengerusi kepada LPKP ini. *[Ketawa]* Jadi oleh kerana dia bertanya tentang LPKP ini, jadi saya rasa kalau saya jawab, takut nanti, sama ada boleh atau tidak menjawab? *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Baharum bin Mohamed: Boleh yang! Tuan Yang di-Pertua kata boleh. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ledang dan Ahli Dewan ini bahawa kita di LPKP sememangnya kita menggalakkan kenderaan awam kita menggunakan gas ini iaitu gas NGV ataupun C&G ini untuk diguna pakai di kenderaan awam. Buat pada masa ini, saya rasa pengguna yang paling banyak sekali menggunakan gas ini ialah teksi iaitu yang lesen ataupun perमितnya di bawah LPKP. Untuk kenderaan-kenderaan awam yang lain seperti bas, lori dan sebagainya, ia tidak lagi begitu menampakkan kerana seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa kita sebenarnya kekurangan stesen runcit. saya

Saya bagi contoh, misalnya kalau kita menggunakan gas untuk bas itu sendiri. Kalau bas ekspres dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur, mungkin di Johor Bahru dia boleh mendapat perkhidmatan gas ini, tetapi di tengah jalan kalau berlaku kekurangan maka penumpang-penumpang akan bermasalah di situ sebab tidak ada stesen gas di dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur tadi. Jadi, itu saya rasa terjawab, sahabat saya dari ...

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ada lagi? Silakan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan saya. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa oleh kerana kekurangan stesen-stesen gas ini, teksi terpaksa bertunggu berjam-jam untuk mengisi gas? Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa lebih stesen ini patut dibina untuk kemudahan kepada semua kenderaan yang menggunakan gas NGV ini. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa kita sememangnya mengalami kekurangan stesen runcit ini. Kalau apa pun insentifnya kita beri tetapi benda yang hendak kita gunakan tidak ada, tidak guna juga, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya tadi

menyarankan supaya - kita selama ini bergantung kepada pihak Petronas yang membekalkan gas runcit ini. Tetapi oleh kerana pihak Petronas mungkin untuk melabur di stesen runcit ini yang pernah dibagi tahu dalam Dewan ini, melebihi RM3 juta untuk satu stesen runcit. Jadi, mungkin mereka tidak berminat untuk melabur dalam bidang ini kerana, mungkin pulangnya atau *returnnya* lambat berbanding dengan pelaburan di tempat lain. Sebab itu saya kata tadi kita kena buka kepada pihak-pihak lain yang lebih berminat untuk sama-sama melabur dalam bidang ini ataupun yang berminat untuk berusaha dalam bidang ini supaya lebih banyak lagi stesen runcit ini dibina di seluruh negara kita dan dengan itu pengguna-pengguna di mana-mana pun dalam negara kita akan dapat menikmati faedah ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ada lagi? Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya berpendapat bahawa sekarang kita berada dalam satu peringkat peralihan dan dalam paras delima di mana yang hendak melabur dalam industri NGV ini bimbang, tidak ada pelanggan yang akan menggunakan NGV secara meluas dengan amaun yang banyak. Pihak pelanggan pula, umpamanya kita yang memakai kenderaan ini, yang biasa menggunakan petrol, bimbang pula kalau kita ubah enjin kita kepada sistem NGV, tidak ada bekalan yang cukup. Maknanya, kita dalam proses yang dalam delima ataupun *transaction*, perubahan dalam peralihan.

Tetapi ada satu cadangan lain Yang Berhormat Sekijang, iaitu kita mungkin boleh galakkan orang ramai terutama teksi dan sebagainya ini menggunakan sistem *dual fuel*, maknanya pada satu masa, dalam sebuah kenderaan pada satu masa boleh menggunakan petrol, dan pada satu masa yang lain kenderaan yang sama boleh menggunakan NGV, maknanya kalau terjumpa stesen gas, isilah gas NGV, kalau tak jumpa biasalah petrol. Dalam proses *transaction*, dalam proses peralihan supaya pada masa akan datang apabila telah ramai pengguna NGV, maka banyaklah stesen NGV runcit ini dapat diadakan. Dan pada masa itulah mungkin kita akan dapat membangunkan NGV ini.

Jadi persoalan saya sekarang, adakah Sekijang setuju supaya rakyat diberikan kesedaran dan kefahaman bahawa dalam proses peralihan ini kita galakkan dengan berbagai-bagai intensif dan sebagainya, mereka menggunakan sistem *dual fuel*, maknanya boleh menggunakan NGV dan petrol dalam satu kenderaan pada satu-satu masa. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Ledang. Yalah, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, walaupun kita ada *dual* sistem yang satu kita boleh menggunakan petrol dan satu menggunakan gas, tapi kalau stesen itu tak ada kita nak isi gas itu, kita hanya menggunakan petrol sahaja, tak guna juga kita beli *chip* atau alat *conversation* yang ada pada kita punya kenderaan itu sebab ia tidak boleh digunakan, kalau nak digunakan yang ada pun 51, cuba bayangkan kenderaan yang ada dalam negara kita berapa banyak?

Jadi, saya rasa kalau stesen runcit ini ada di mana-mana, saya rasa Ahli-ahli Dewan ini pun ramai yang nak menggunakannya, saya ingat termasuk diri saya sendiri. Tapi oleh sebab masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, maknanya tidak ada banyak stesen yang runcit ini, maka kita menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan, sebab itu saya katakan tadi bahawa yang penting adalah untuk kita menambahkan stesen runcit ini. Saya sambung balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Baharum bin Mohamed: Mungkin juga pembekalan untuk gas stesen runcit ini boleh kita francaiskan. Yang mana mungkin kepada kumpulan-kumpulan yang berminat ataupun individu-individu tertentu, dengan cara itu kita dapat mewujudkan usahawan-usahawan baru yang boleh kita bangunkan terutama mungkin daripada

kalangan-kalangan siswazah-siswazah yang menganggur, yang mungkin boleh di *finance* melalui bank-bank ataupun institusi-institusi yang saya sebutkan awal tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa untuk mendapatkan lesen mengedar gas ini juga menjadi satu masalah. Jadi kalau lesen atau hak mengedar yang menjadi masalah kepada kita untuk menggunakan gas ini, maka saya mencadangkan supaya ia perlu diletakkan di bawah satu kementerian yang betul-betul boleh menjaganya. Kerana pada masa ini kawalannya dibuat di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang saya fikir kebetulan Unit Perancang Ekonomi hanya sebagai badan penyelarasan yang Petronas terletak di bawahnya, tapi untuk betul-betul satu badan yang mengelolakan untuk penggunaan gas ini tidak ada lagi dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya satu kementerian mengambil alih yang kita pertanggungjawabkan supaya penggunaan gas asli ini diletakkan di bawah mereka dan dengan cara itu ianya dapat diperkembangkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak masalah kita untuk mengembangkannya, kita dapat selesaikan.

Berikutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kereta nasional kita. Kita sememangnya berbangga apabila kita mempunyai kereta nasional sendiri. Kita telah pun berkempen menggalakkan rakyat dan pemimpin-pemimpin negara ini menggunakannya. Alhamdulillah sambutannya amat menggalakkan daripada pemimpin-pemimpin negara daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta tetamu-tetamu negara kita, kita sediakan kereta nasional kita berjenama Proton Perdana Eksekutif. Termasuklah saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun menggunakan kereta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Baharum bin Mohamed: Tapi saya nak bertanya kepada kementerian yang bersangkutan, sejauh manakah tahap keselamatan kereta jenis ini kerana apabila saya bertanya kepada pihak Proton, kenapa banyak sangat rungutan daripada mereka yang memakainya kerana kestabilan pemanduannya kurang lancar, dan selalu menghadapi permasalahan, maka mereka memberitahu saya bahawa jenama tersebut bukan dari keluaran Proton. Yang dikeluarkan oleh Proton ialah Proton Perdana tanpa Eksekutif. Yang Eksekutif ini diubahsuai oleh sebuah anak syarikat EON yang agaknya dipotong dan disambung semula. Dan kalau dalam bahasa kasarnya maknanya kereta potonglah, dan kalau kereta potong ini biasanya pihak PUSPAKOM ataupun JPJ tidak meluluskan. Kerana dikhuatiri tidak selamat untuk digunakan. Tetapi bagi saya, saya tidak mahu melihat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan VIP-VIP yang lain, serta tetamu-tetamu negara kita yang menggunakan kenderaan ini yang kita kelaskan dalam kereta potong ini, kita letakkan mereka ini dalam risiko yang begitu tinggi tentang tahap keselamatannya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ledang Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun bimbang juga termasuk kereta Tuan Yang di-Pertua, kereta potong.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tetapi soal sekarang, bagaimana JPJ ataupun PUSPAKOM dan sebagainya meluluskan? Seolah-olah ada *double standard*, bila kenderaan kerajaan standardnya C, D, E boleh lulus. Bila kenderaan perdagangan swasta ini yang mempunyai oleh persendirian kategorinya mungkin A+ dan sebagainya seolah-olah berlaku *double standard* pemeriksaan kenderaan, kenderaan kerajaan dengan kenderaan awam dan seolah-olah juga keselamatan ini boleh diperdagangkan. Apa pandangan Sekijang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Saya tak tahulah *double standard* ke, *triple standard*, tapi bagi saya kereta yang dipotong ini memang kalau ikut dalam negara kita memang tidak selamat sama ada kereta itu baru atau sebagainya, tapi bila dikelaskan

sebagai kereta potong ini ianya tidak selamat, kerana mungkin pada hari ini kita tidak ada satu kejadian yang tidak kita ingini berlaku, sebab itu kita tidak mengambil peduli tentang hal ini tetapi saya selaku Ahli Parlimen yang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sahikkah ia kereta dipotong?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Baharum bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebab kereta yang Proton dikeluarkan dia kata Proton tanpa Eksekutif, makna yang Eksekutif tu dia kata bukan produk daripada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya bukan produk dia, bukan potonglah.

Tuan Baharum bin Mohamed: Maknanya kalau dah bukan produk daripada dia, kereta itu kereta Proton Perdana, kemudian kalau dah dipanjangkan macam mana kalau tidak disambung, kalau tak panjang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Baharum bin Mohamed: Jadi saya nak minta daripada jabatan ataupun kementerian-kementerian yang bersangkutan dapat memberikan penjelasan kepada saya dan kepada Ahli-ahli Dewan terutamanya kepada mereka yang menggunakan kereta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Belakang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya nampak kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Sekijang pun risau fasal dua-dua pakai kereta Proton V6 Eksekutif. Yang Berhormat bagi Sekijang, adakah Yang Berhormat ingin cadangkan kepada pihak kerajaan supaya menasihatkan Proton untuk mempunyai satu hak (*right*) untuk mengawal apa juga bentuk perubahan ataupun sambungan ataupun pengubahsuaian kepada hak cipta Proton itu tadi. Ini juga boleh dikira sebagai kalau betul ianya berlaku diubah oleh satu lapisan di bawah, ini juga boleh berlaku dipanggil *intellectual property valuation* di mana Proton sepatutnya mempunyai kawalan kepada apa juga pengubahsuaian yang berlaku kepada produk asal mereka. Apa Yang Berhormat ingin cadangkan kepada pihak kerajaan sebegitu rupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada mengatakan saya juga ada menggunakan Proton Eksekutif bersama dengan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak menggunakan Proton Eksekutif ini - hendak *declare* dahulu. Kemudian tentang hak cipta ini saya rasa saya tidak perlu mengulas dalam Dewan ini kerana kita memang tahu itu terpulanglah kepada pihak Proton dan pihak-pihak bersangkutan untuk membuat apa juga tindakan dan sebagainya untuk membetulkan keadaan ini. Jadi saya rasa saya tidak mahu mengulas saya minta maafiah Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Jadi saya hendak beralih kepada perkara berikut iaitu saya ingin menyentuh tentang sektor hartanah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya pun bercadang hendak membeli kereta Proton Eksekutif itu jadi sekarang saya hendak bertanyalah, risau juga ini tadi bila dengar kata kereta potong dan sebagainya, jadi waswas hendak *order* ke tidak. Adakah *warranty* terhadap kereta tersebut? Sejauh mana *warranty* terhadap kereta tersebut? Kita minta

pihak yang bertanggungjawab menjawablah kalau kereta itu ada *warranty* ataupun tidak, kalau tidak ada *warranty* macam mana?

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Lipis. Tentang *warranty* ini saya tidak tahulah, tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Lipis pun berminat untuk membeli kereta ini. Saya tidak tahu hendak buat *loan* daripada Parlimen ini kah atau sebagainya. Jadi tentang *warantynya* saya percaya...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Nampaknya tidak jadilah kalau begitu.
[Ketawa]

Tuan Baharum bin Mohamed: Saya percaya apa yang saya katakan tadi hanyalah kemusykilan yang ingin saya kemukakan kepada pihak-pihak yang terbabit di dalam menguruskan tentang pengeluaran kereta Proton Eksekutif ini kerana mungkin pada masa ini sesuatu perkara belum berlaku lagi tetapi mungkin pada masa akan datang baru kita hendak bercakap fasal itu jadi mungkin sudah terlambat. Jadi itu yang sebenarnya yang hendak saya kemukakan, bukan saya hendak merendahkan atau sebagainya. Tidak ada niat saya sebegitu cuma saya ingin tahu keselamatannya kerana ianya digunakan oleh pemimpin atasan kita sampailah kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang menggunakannya. Kalau berlaku sesuatu yang tidak baik rakyat akan menuduh kita tidak peka tentang perkara ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Ledang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Banyak kali sudah Ledang ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih. Saya mungkin hendak bantu sedikit sahajalah sahabat saya Yang Berhormat bagi Sekijang dengan sokongan dia. Sebab Tuan Yang di-Pertua tadi bertanya tentang sama ada saiz atau tidak. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Sekijang, pihak BMBBC telah pun mengadakan perbincangan taklimat dengan pihak Proton dan pihak Proton mengatakan bahawa selama ini memang EON melalui anak syarikatnya membeli kenderaan Perdana biasa itulah nombor enjin dia, itulah nombor *chassisnya*. Kemudian sampai di kilang kepunyaan EON dipanjangkan dengan teknik mereka sendiri. Malahan pihak Proton sendiri telah pun memberi tawaran kepada pihak EON untuk memberikan khidmat nasihat dan sebagainya tetapi tidak mendapat *respond* daripada mereka. Sekarang ini apabila kami mengajukan soalan yang berikutnya pihak proton mengatakan bahawa setakat ini sahajalah kami hentikan jualan kereta kami kepada EON bagi tujuan tersebut. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sekijang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Baharum bin Mohamed: Saya rasa saya tidak perlu jawablah Tuan Yang di-Pertua, sebab dia sudah jawab sendiri. Saya hendak beralih kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri yang akan jawab kemudian.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri mungkin menjawab.

Tuan Baharum bin Mohamed: Menteri menjawab, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju. Saya hendak beralih kepada sektor hartanah. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ingin menubuhkan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan tujuan untuk meningkatkan hak milik tanah bumiputera di kawasan strategik dan di kawasan-kawasan komersial. Pada masa ini saya melihat perkara yang sama juga telah pun dilakukan oleh MARA ataupun Majlis Amanah Rakyat tetapi mungkin bajet daripada jabatan atau agensi berkenaan adalah terhad. Sebenarnya MARA ini telah pun mempunyai pengalaman di

dalam pembelian hartanah ini. Apa yang hendak saya katakan di sini ialah tentang peruntukan sebanyak RM2 bilion yang diperuntukkan untuk Yayasan Amanah Hartanah ini. Saya pun risau Tuan Yang di-Pertua, kerana daripada semalam saya mendengar GLC kita yang diambil alih oleh CEO baru dan bertukar CEO dan sebagainya. Semuanya akan saya kata yang lama sapu dahulu yang ini buat baru yang ada jual balik hendak dapatkan keuntungan dan sebagainya.

Jadi saya takut yang ini juga ditubuhkan keadaan berlaku benda yang sama jadi yang RM2 bilion ini mungkin akan tinggal setengah bilion sahaja lagi sebab kerana pusingan dan pertukaran CEO dan sebagainya. Jadi apa salahnya kalau peruntukan RM2 bilion ini kita serahkan kepada MARA kerana dia pun sudah ada pengalaman untuk menguruskan hartanah ini dan kita dapat menjimatkan dari segi jawatan-jawatan pengurusan. Dia juga ada pengalaman dan benda-benda yang lain yang RM2 bilion ini terus sahaja boleh dibeli untuk dibeli kepada hartanah berikut tidak ada lagi termasuk dalam pengurusan dan sebagainya, maknanya kita tidak ada tolak yang lain makna *solid* dengan izin RM2 bilion ini kita belikan kepada hartanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang FELDA yang mana saya selaku Ahli Parlimen kawasan Sekijang dalam kawasan saya mempunyai lima kawasan skim FELDA ini yang mana daripada lima ini dua skim ini telah pun berumur lebih daripada 30 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Yang mana dua skim ini baru-baru ini kita telah pun memberi kepada generasi kedua atau generasi ketiga mereka tentang tapak-tapak rumah untuk diagihkan kepada mereka ini. Tujuannya ialah supaya generasi ini dapat memiliki rumah sendiri dan tinggal di kawasan FELDA tersebut.

Keduanya generasi ini juga dapat menghidupkan aktiviti masyarakat di FELDA tersebut. Ketiganya sekiranya penempatan atau tindakan segera tidak diambil, maka kawasan FELDA ini akan lenyap kerana tidak ada lagi penghuni yang akan tinggal kerana generasi-generasi yang lama ini telah lebih daripada 70 tahun, ada yang sudah 80 tahun ke atas dan generasi-generasi baru tidak ada untuk menggantikan mereka, maka lama-kelamaan FELDA ini akan tinggal dan kita pula terpaksa untuk membuat satu skim baru untuk menebang hutan di kawasan FELDA yang telah kita buat pada hari ini.

Dan yang keempat Tuan Yang di-Pertua, di sekolah-sekolah rendah ataupun sekolah-sekolah menengah di dalam kawasan tersebut akan ditutup kerana generasi lama ini sudah tidak produktif lagi. Jadi, bila tidak produktif, maka anak-anak yang hendak masuk ke sekolah rendah atau ke sekolah menengah sudah tidak ada lagi. Jadi, bila sudah tidak ada, sekolah ini pun akan ditutup nanti. Dengan sebab itu kita bagi tapak perumahan ini kepada generasi kedua ini untuk mereka terus tinggal di FELDA tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tetapi apa yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini ialah tentang bila tapak sudah beri tetapi rumah tidak boleh hendak didirikan. Jadi saya minta juga peruntukan yang diperuntukkan untuk pembinaan rumah kepada rakyat diberikan juga kepada kawasan FELDA ini sama ada melalui FELDA ataupun melalui badan-badan yang lain seperti Syarikat Perumahan Negara dan sebagainya supaya mereka dapat mendirikan rumah yang selesa di dalam kawasan FELDA ini. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Tuan Baharum bin Mohamed: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya hendak minta ke belakang sedikit. Tadi Yang Berhormat bagi Sekijang membangkitkan soal penubuhan Yayasan Amanah Harta Tanah Bumiputera. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menubuhkan yayasan ini bagi maksud melindungi harta tanah bumiputera. Kebimbangan kita ialah daripada pengalaman yang lalu, dahulunya kerajaan telah menubuhkan UDA tetapi akhirnya UDA ini secara puratanya gagal melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga harta tanah bumiputera khususnya di kawasan bandar ini.

Jadi Yang Berhormat bagi Sekijang, bagaimana masalah ini dapat diatasi kerana pelaksanaan, cadangannya baik tetapi isu pemantauan, kita perhatikan setiap agensi yang ditubuhkan ada kekurangan dari segi memantau arah tuju dan juga pelaksanaan program-program yang ditetapkan itu. Memang ada agensi yang bertanggungjawab misalnya Ketua Audit Negara sendiri bertanggungjawab memantau. Tetapi laporan-laporan itu biasanya setelah beberapa tahun baru diketahui perkara-perkara yang bercanggah. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Sekijang untuk memastikan setiap penubuhan agensi itu dapat berjalan berlandaskan kepada matlamat yang sebenarnya dan tidak ada penyelewengan ataupun tidak ada salah guna dari segi pelaksanaannya. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit. Saya ingat saya sudah tertinggal tadi. Dia pun *reverse* balik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang pemantauan ini, itulah sebab tadi saya pun rasa risau juga kerana RM2 bilion ini kalau tinggal setengah bilion pun boleh tahan juga. Tetapi kalau habis terus, saya tidak tahulah lagi. Jadi kita dalam Dewan ini berbincang benda yang sama. Sebab itu saya katakan tadi tentang pemantauan ini kadang-kadang amat sukar untuk kita lakukan.

Tetapi dengan agensi-agensi yang ada pengalaman sebagaimana yang disebutkan tadi UDA, UDA pun telah diswastakan. Tetapi setakat hari ini saya percaya MARA yang telah diberikan mandat sebagai peneraju untuk bumiputera pada hari ini tidak pernah pun saya ingat dia ada penyelewengan tentang dia punya harta dan sebagainya, melainkan anak syarikat saya tidak tahulah. Kepada MARA itu sendiri, kepada agensi itu sendiri yang saya maksudkan.

Jadi kalau untuk pemantauan ini, memang kita amat mudah untuk memantau kalau ianya di bawah agensi kerajaan itu sendiri. Tetapi kalau di bawah GLC dan sebagainya, kita pun rasa macam-macam orang yang cerdik pun ada, yang terlampau cerdik pun ada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itu sebab tadi saya memberi cadangan supaya diletakkan di bawah satu agensi yang kita percaya dan kita *trust* dan kemudian kita pantau daripada situ sebab pengalaman ini sudah ada, *track* dia sudah ada. Sebab pada hari ini, dia pun telah memberi beberapa harta-harta komersial yang disewakan balik pada bumiputera yang mana yang ini saya rasa merupakan satu *track record* yang bagus untuk kita mengambil kira. Tetapi kalau kita tubuhkan satu baru, yang tidak ada pengalaman, yang tidak ada itu, kita tidak tahu nanti, cacamarba dia jadi dan akhirnya tidak ada apa yang tinggal kepada kita. Itu yang boleh saya terangkan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah bagi jalan lagi. Yang Berhormat gulung.

Tuan Baharum bin Mohamed: Gulung Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak gulung dan saya sudah tidak beri jalan kepada orang lain lagi. Cuma, akhirnya saya hendak menyentuh sedikit tentang kita di Parlimen ini iaitu apabila adanya sesuatu majlis yang diadakan di luar sana itu, saya lihat bahawa kita kekurangan tempat letak kereta, *parking* kereta. Pada masa ini, Ahli Parlimen pun sudah bertambah. Saya ingat pun sudah 219 orang dan pegawai-pegawai kerajaan pun kalau dahulu mungkin pegawai kanan tidak ada. Sekarang pegawai kanan pun sudah ramai yang datang ke Parlimen ini untuk sama-sama bekerjasama dengan Parlimen ini.

Jadi, apabila ada sesuatu majlis di luar itu, kita tidak ada tempat letak *parking*, tempat letak kereta. Jadi bertaburan kereta di sana, ke mari dan kadangkala hampir mencetuskan kemalangan akibat daripada merebut tempat *parking* ini. Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Bajet 2006 ini, saya ingat kita perlu perbesarkan lagilah tempat letak kereta ini supaya bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga tetamu-tetamu kita yang datang dengan bas pun ada tempat letak kereta yang sesuai untuk mereka ini. Bukanlah diletakkan di tepi jalan dan sebagainya dan saya percaya ada pada masa yang lalu digunakan *tow trak* untuk tarik daripada menghalang jalan dan sebagainya. Jadi saya mintalah kepada kerajaan untuk kita lihat tentang perkara ini.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah tentang jalan kampung. Saya amat berterima kasih dan Yang Berhormat Menteri pun ada pada hari ini dan Timbalan Menteri pun saya ingat dia tadi ada. Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan peruntukan jalan kampung pada yang lepas, iaitu yang dibuat pada tahun ini sebanyak setengah juta bagi kawasan saya yang dikategorikan sebagai separuh bandar.

Jadi saya ini kadang-kadang bila *part* hendak bagi peruntukan ini dikategorikan separuh bandar, dapat sikit. Tetapi bila *part* hendak bagi macam elaun Cola ini tempat saya tidak termasuk dalam 26 km. pun dikatakan luar bandar. Jadi saya pun tidak tahu di mana kedudukan kawasan saya ini, kawasan luar bandarkah, kawasan bandar. Tetapi yang nyata adalah kawasan luar bandar yang banyak, yang mana pengundi-pengundi ataupun penduduk dalam kawasan saya seramai 62,000 orang, saya rasa hampir 75% tinggal di luar bandar.

Jadi mereka ini memerlukan jalan kampung. Kadang-kadang kita in sebagai wakil rakyat, apabila balik terutama bulan puasa ini, mereka suruh juga kita masuk ke kampung-kampung dan dia sampai dekat sana dia akan tanya. Tadi dia kata kereta Yang Berhormat sudah basuhkah belum? Mereka hendak tolong basuhkan kereta. Jadi yang ini pun satu sindiran kepada kita. Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri janganlah kata wilayah di Johor itu semuanya kawasan yang maju kerana kalau ikut wilayah macam itu tempat saya tertinggal, kerana mungkin kalau di Ledang itu saya tidak tahulah.

Kalau di Johor Bahru itu mungkin kawasan bandar tetapi di sebelah saya di Segamat Utara ini, kawasan saya Sekijang ini dalam daerah Segamat, yang sempadan dengan Pahang, sempadan dengan Negeri Sembilan, sempadan dengan Melaka sikit. Jadi kawasan ini memang kawasan yang tertinggal. Kalau ada di daerah lain, kawasan lain yang sebelah itu, ia ada Johor Tenggara dan sebagainya. Saya tidak ada apa. Yang ada FELDA sahaja. Jadi kalau tidak juga diberikan peluang untuk sama-sama menikmati jalan-jalan kampung dan kemudahan-kemudahan *amenities* yang lain ini saya rasa memang tertinggalah kawasan saya selama ini kerana saya selaku wakil rakyat yang datang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed: ...daripada kawasan ini ingin menyuarakan supaya ianya dapat diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi saya dengan ini menyokong Bajet 2006. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lanang.

3.35 ptg.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disayangi kerana telah membentangkan belanjawan yang bersifat prihatin dan penyayang untuk manfaat rakyat jelata. Orang ramai termasuk sektor perniagaan berkeyakinan tinggi terhadap kestabilan ekonomi yang berterusan di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa isu di Dewan yang mulia ini. Pertama, menaik taraf Lapangan Terbang Sibu. Tuan Yang di-Pertua, Sibu merupakan pintu masuk utama ke kawasan pertengahan di negeri Sarawak. Dengan itu, Lapangan Terbang Sibu adalah salah satu daripada lapangan terbang utama di negeri Sarawak yang memberi perkhidmatan pengangkutan udara kepada seramai enam ratus ribu orang penduduk, kawasan pertengahan negeri Sarawak yang termasuk bahagian Sibu, bahagian Sarikei, bahagian Mukah dan bahagian Kapit. Kini Lapangan Terbang Sibu telah menjadi salah sebuah lapangan terbang yang paling sibuk dalam negara ini. Oleh kerana ini, ia telah mencatat 914,000 ketibaan pada tahun lepas dan dijangka akan meningkat sebanyak 1.25 juta orang penumpang pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Lapangan Terbang Sibu masih belum mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang setaraf dengan lapangan terbang utama yang lain di

negeri Sarawak iaitu di Kuching, Miri dan Bintulu. Namun saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Malaysia kerana telah mengumumkan kelulusan peruntukan kerajaan sejumlah lima puluh juta ringgit untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sibu semasa beliau membuat lawatan ke Sibu pada 9 April, 2005 yang lalu. Dengan siapnya projek ini, seluruh bangunan lapangan terbang akan dipasang pendingin udara dengan ruang berlepas dan ruang ketibaan yang lebih luas bagi menampung keperluan yang semakin meningkat. Rakyat di Sibu berharap janji tersebut akan ditunaikan serta dilaksanakan dengan segera pada awal tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Perlaksanaan projek naik taraf ini, Sibu bukan saja akan menerima manfaat daripada aktiviti udara yang meningkat, maka ia akan mempergiatkan industri pelancongan di Sibu. Dalam konteks ini, Sibu amat bertuah kerana ia adalah tempat asal kedua-dua Menteri Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Leo Michael Toyad dan Menteri Pembangunan Bandar dan Pelancongan Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh. Dijangka industri pelancongan di Sibu akan bertumbuh dengan lebih pesat lagi dengan usaha gigih kedua-dua pemimpin ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua ialah isu permit kereta import. Tuan Yang di-Pertua, isu permit kereta import atau yang lebih dikenali sebagai isu AP, telah menjadi isu yang begitu hangat diperbincangkan sehingga ia telah menjadi *headline* dengan izin, di surat-surat khabar tempatan berminggu-minggu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang perlu dijelaskan di sebalik pemberian AP itu dan juga langkah-langkah mengatasi kontroversi yang perlu difikirkan dengan berpanjangan dan mendalam. Alasan kononnya pemberian AP itu untuk menggalakkan persatuan automobil di kalangan bumiputera tidak dicapai dan harus dikaji semula. Pemberian AP haruslah dibuat melalui satu sistem yang lebih telus terbuka. Kononnya sekeping AP boleh dijual sebanyak dua puluh ribu hingga tiga puluh ribu ringgit di pasaran. Jikalau AP boleh mendatangkan pendapatan yang begitu lumayan, kenapa harus kita beri peluang ini kepada individu ataupun syarikat swasta? Sewajarnya AP tidak memakai satu sistem dengan izin, *open bidding* atau tender terbuka yang akan mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada kerajaan. Dalam konteks ini, sistem seumpama sistem sijil kelayakan pemilihan kereta atau *certificate of impediment* yang diamalkan di negara jiran kita Singapura harus dipandang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita sering menerima aduan atau kritikan bahawa banyak kereta berjenama asing yang diimport di dalam Malaysia dengan pengisytiharan harga yang jauh lebih rendah daripada nilai pasaran sebenar. Perkara sebegini telah melibatkan kerugian yang besar kepada negara kita dari segi kutipan cukai import. Memang tepat masanya, sebuah jawatankuasa kabinet khas diwujudkan demi mengkaji sistem AP dan juga Dasar Automobil Nasional. Selain daripada ketelusan, kita harus juga meningkatkan hal-hal kreativiti dan profesionalisme dalam mempertingkatkan industri automobil Malaysia. Ini adalah penting memandangkan tahap persaingan global yang semakin sengit. Kami berharap dengan pembaharuan sistem AP dan Dasar Automobil Nasional, industri automobil negara dapat berkembang dengan lebih maju dan profesional. Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan menganggap kontroversi isu AP kali ini sebagai satu pengajaran. Bagi polisi kerajaan yang telah diputuskan dan dilaksanakan harus dikaji semula. Sebarang kelemahan yang dikenal pasti harus diatasi dengan segera sebelum ianya timbul sebagai satu isu kontroversi yang terus akan menjejaskan imej kerajaan dan negara.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penerbangan Malaysia. Alangkah sedihnya apabila kita mengetahui bahawa Sistem Penerbangan Malaysia telah mengalami kerugian sejumlah RM274 juta bagi *quarter* pertama berakhir pada 30 Jun 2005, berbanding dengan keuntungan sebanyak RM22 juta bagi *quarter* yang sama bagi tahun lepas. Kerugian seumpama ini adalah di luar jangkaan orang ramai, walau pun kos minyak telah naik dengan persaingan industri yang semakin sengit.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan adakah perbezaan di antara pendapatan tahun lepas dengan tahun ini disebabkan oleh penurunan dalam jumlah penumpang MAS.

Tuan Yang di-Pertua, MAS harus membuat kajian mendalam terhadap struktur sistem dan operasinya dengan segera. Kejayaan dan pengalaman Air Asia di bawah

pimpinan Yang Berbahagia Dato' Tony Fernandes harus diterima dengan ... Kejayaannya adalah berasaskan mengenal pasti dan memenuhi hasrat para penumpang untuk tambang kos rendah. Tambahan pula Air Asia mempunyai pasukan pengurusan yang efisien di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Dato' Tony.

Sektor-sektor di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak merupakan sektor yang menguntungkan bagi penerbangan Air Asia tetapi kerugian pula bagi Sistem Penerbangan MAS walaupun ia mengenalkan tambang yang lebih mahal dengan kebanyakan kes sehingga satu pertiga lebih mahal daripada Air Asia. Mengapa harus kerugian ini berlaku?

Isu pemilihan Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO MAS hangat pula diperbincangkan. Demi manfaat masa, beliau harus dipilih dari warganegara Malaysia yang berkebolehan tanpa mengira keturunan dan latar belakang beliau. MAS haruslah melakukan suatu *turn around* dengan izin yang radikal. Ini adalah penting sekali memandangkan peningkatan kos minyak dan keselamatan dan juga ketidakpastian ekonomi dunia.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial kutu rayau. Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membentangkan suatu belanjawan yang berorientasikan rakyat. Sementara kita menikmati pelbagai kemudahan seperti subsidi dan elaun yang diberi oleh pihak berkuasa, kita tidak harus mengabaikan golongan yang berkeliaran di kawasan bandar. Masalah kutu rayau adalah lambang kewujudan *ops kutu rayau* sering dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama pihak polis. Namun masalah ini masih berleluasa di kebanyakan bandar di negara kita.

Setakat ini usaha kerajaan untuk membanteras mereka kurang berjaya. Ini terus berlaku di bandar Sibul. Ini adalah kerana kutu rayau yang dibanteras ini akan dilepaskan semula selepas tempoh yang tertentu kalau mereka tidak berperangai ganas ataupun kurang siaman.

Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan agar kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan atau Jabatan Kebajikan dapat mengambil tindakan terhadap masalah ini sebagai satu usaha dalam mengatasi kemiskinan bandar. Kerajaan harus merancang dan mengikhtiarkan kemudahan khas untuk memberi bimbingan dan kajian kepada golongan yang masih berfikir waras, berupaya tetapi tidak bersemangat ataupun tidak berkemahiran untuk berusaha diri sendiri.

Usaha ini dapat menunjukkan keprihatinan kita dan juga memberi peluang kepada golongan kutu rayau agar berdikari dalam masyarakat. Di samping itu imej bandar akan turut diperbaiki tanpa kutu rayau yang sering berkumpul atau berkeliaran di pusat bandar. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak.

3.55 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengemukakan satu bajet yang telah mengambil kira berbagai-bagai aspek lapisan golongan rakyat terutama kita lihat bajet kali ini begitu mesra terutama terhadap golongan orang-orang miskin, golongan orang kurang upaya, pegawai-pegawai kerajaan, pasukan keselamatan dan lain-lain lagi. Selain daripada pendekatan untuk memajukan ekonomi, untuk menyediakan persekitaran mesra perniagaan juga membangunkan modal insan dan juga untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Seperti mana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa polisi yang baik yang dibuat oleh kerajaan haruslah juga selari dengan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa baru-baru ini sebuah agensi yang berpusat di Geneva iaitu Institut Pembangunan Pengurusan telah memberikan kedudukan di tangga ke 26 kepada Malaysia dari segi kecekapan perkhidmatan awam berbanding dengan tangga yang ke 16 tahun sebelumnya. Ini mendatangkan persoalan

kepada kita apakah mutu perkhidmatan awam kita telah menurun ataupun mutu perkhidmatan awam di negara-negara lain telah meningkat. Walau bagaimanapun, saya selalu berpegang kepada satu kata-kata orang Inggeris yang mengatakan bahawa *being good is not enough when the better is around*.

Maknanya kalau kita merasakan diri kita sudah baik tidak cukup kalau ada orang ada negara-negara yang sudah lebih baik. Kalau kita lihat Singapura contohnya dan kalau kita lihat lima negara yang teratas yang pertama ialah Hong Kong, yang kedua ialah Singapura, yang ketiga ialah Finland, yang keempat ialah Denmark dan yang kelima ialah Australia. Jiran kita Singapura duduk di tempat yang agak atas iaitu di tempat yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara kita harus perhatikan dengan serius seperti mana yang saya katakan tadi polisi yang baik harus selari dengan perkhidmatan awam yang baik. Pada masa ini apa yang kita perlukan adalah petugas-petugas awam, kakitangan awam yang harus memiliki daya analisis yang tinggi. Kita menghadapi zaman yang sungguh kompetitif.

Yang kedua, kita memerlukan perkhidmatan awam yang juga ada kreativiti dalam menghasilkan dalam sesuatu polisi. Kita memerlukan kakitangan awam yang berketerampilan, kakitangan awam yang mempunyai kebolehan komunikasi yang baik sama ada dalam bahasa Malaysia ataupun dalam bahasa Inggeris, ini penting. Selain daripada itu kita juga tidak kita sangsikan memerlukan kakitangan awam yang mempunyai integriti yang tinggi. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam satu dua hari ini dalam perbahasan yang telah kita lakukan ini didapati banyak keluhan-keluhan dari berbagai-bagai pihak terutama daripada Ahli-ahli Parlimen yang berbahas tentang kecekapan perkhidmatan awam dan perkara-perkara yang harus diperbaiki.

Apa pun yang kita dapati ialah kepincangan dalam perkhidmatan awam yang pada saya yang membawa kepada kepincangan ini ialah yang pertama tentang soal disiplin. Soal disiplin ini kita tahu memang sukar sekali untuk mengambil tindakan kepada kakitangan-kakitangan awam yang telah melakukan kesalahan. Bukan sahaja tindakan ataupun hukuman yang diberikan itu adalah hukuman yang ringan tetapi tidak dapat memberi pengajaran yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Contohnya baru-baru ini kita baca dalam surat khabar, adanya kakitangan awam yang tidak prihatin, yang tidak turun walaupun Timbalan Menteri turun ke sesuatu program tersebut dan hukuman yang diberikan hanyalah mengalihkan atau memindahkannya daripada tempat bekerja tersebut ke tempat bekerja yang lain.

Jadi kalau kita lihat ini sebenarnya bukannya satu hukuman yang boleh menyelesaikan masalah yang kita lihat ia hanya boleh mengalihkan masalah ke tempat lain. Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua inilah satu perkara yang harus kita lihat. Kalau misal katanya *General Order* ataupun Buku Perintah Am Kerajaan yang menjadi penghalang, mengapa tidak kita ubah sahaja mana yang perlu dipinda, mana yang perlu digugurkan supaya tindakan disiplin boleh diambil dengan lebih keras, tindakan disiplin boleh diambil dengan lebih cepat. Jadi saya rasa perkara ini harus pihak kerajaan lihat dengan lebih serius,

Yang kedua kita lihat ialah kekurangan kakitangan. Kadang-kadang kita lihat sesetengah jabatan kerajaan tertentu itu mengalami kekurangan kakitangan yang begitu kritikal tetapi di sesetengah jabatan kerajaan pula mempunyai lebihan kakitangan. Contohnya kita dapati bahawa dalam sesuatu tugas atau tanggungjawab itu sampai ada duplikasi, ada beberapa individu atau beberapa orang yang melakukan. Jadi saya rasa perancangan yang baik harus ada mobilisasi yang cekap di peringkat perancangan jabatan kerajaan ini supaya perkara-perkara ini tidak berlaku. Kalau misal katanya kita lihat perkara-perkara itu menyentuh kepentingan rakyat, perkara-perkara itu ataupun jabatan itu sungguh kritikal perlu kakitangan yang banyak kita swastakan dan swasta ini harus ada pemantauan.

Contohnya saya bagi yang sedang berlaku ini adalah contohnya, misal kata kakitangan yang bertugas di Unit Vektor Jabatan Kesihatan contohnya. Oleh kerana berlakunya wabak denggi contohnya, wabak denggi yang begitu berleluasa sekarang ini, kalau tidak cukup kakitangan yang bertugas untuk melakukan semburan asap, untuk

melakukan *search and destroy operation*, dengan izin, mengapa tidak kita swastakan perkara-perkara ini bila berlaku keadaan yang kritikal begini. Kerana ini pada saya boleh menyelamatkan nyawa rakyat dan juga boleh menampakkan bahawa kerajaan itu efisien.

Selain daripada itu, walaupun kita swastakan perkara-perkara ini haruslah kita pantau supaya ianya tidak dilakukan dengan tidak mengikut peraturan dan mengikut garis panduan. Saya lihat banyak keputusan, kadang-kadang keputusan yang lambat, terlalu banyak birokrasi, banyak kita lihat berlakunya ketidakcekapan, kurang komitmen, bekerja ala kadar. Saya rasa pendisiplinan ini harus berlaku. Ini pada saya adalah satu perkara yang serius kerana rakyat selalu memerhatikan ini. Kadang-kadang kita dapati lepas *punch card* pukul 8 mereka pergi *breakfast*, habis *breakfast* pukul 9 mereka masuk pejabat sekejap. Pukul 10 keluar lagi, *tea break*, pukul 11 mereka masuk. Pada saya ini adalah satu liabiliti kepada kerajaan dan rakyat sentiasa memerhatikan benda ini dan mengukur kecekapan petugas-petugas awam ini sebagai juga merupakan kecekapan kerajaan.

Selain daripada itu ada juga misal kata kakitangan yang harus dilatih lagi kerana ada yang bersikap kasar, tidak bertimbang rasa dan ada juga yang tidak berbudi bahasa. Misal katanya kalau kita lihat ada sesetengah PBT, contohnya penguat kuasa walaupun mereka mempunyai kuasa melaksanakan sesuatu penguatkuasaan itu tetapi tidak dilakukan dengan budi bahasa yang baik dan tidak diberi penerangan yang betul. Ini juga pada saya amat penting.

Selain daripada itu didapati juga banyak juga kakitangan sekarang ini, kakitangan awam yang mempunyai kebolehan komunikasi yang lemah, bukan sahaja apabila mereka membuat *presentation* kita lihat bahasa Malaysianya tidak kuat, bahasa Inggeris mereka juga tidak dapat menerangkan sesuatu itu dengan baik dan sesuatu yang boleh menarik perhatian orang-orang yang mendengar. Ini penting pada saya kerana ini adalah imej, ini adalah satu badan yang mampu menyokong kerajaan, yang mampu menguatkan lagi polisi-polisi yang diputuskan oleh kerajaan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita lihat perkhidmatan awam hendaklah perkasa, boleh perkasa, satunya melalui pembaharuan-pembaharuan yang harus dilakukan, yang kita lihat ialah banyak perkara yang dilakukan ialah rutin, tidak memerlukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gombak. Jadi rasa saya satu daripada punca yang menyebabkan berlaku kelemahan di kalangan pegawai-pegawai awam ialah terlalu lama di satu-satu tempat ataupun kadang-kadang duduk di satu-satu tempat itu tidak naik pangkat. Contohnya dalam PBT, terutamanya PBT, seorang inspektor kesihatan dia masuk kerja katakan umur dia 18, 20 tahun. Dia akan teruskan menjadi inspektor kesihatan sampailah dia pencen, begitu juga dengan yang lain-lain. Ini kerana sistem dalam PBT itu yang tidak membolehkan mereka berpindah ataupun bertukar daripada satu PBT kepada satu PBT yang lain.

Yang keduanya, mereka ini juga tidak berpeluang untuk bertukar kerja, kalau hendak bertukar kerja kena meletakkan jawatan. Jadi menyebabkan kadang-kadang mereka menjadi jemu, hilang motivasi, terutama pula kerana di peringkat atasan ini katakan, Tuan Yang di-Pertua boleh bertukar-tukar kerana Tuan Yang di-Pertua biasanya terdiri daripada pegawai daerah dan sebagainya tetapi pegawai bawahan tidak boleh berpindah dan sebagainya. Ini menyebabkan mereka jadi kurang motivasi, jemu dan sebagainya dan boleh melemahkan sistem penyampaian kerajaan.

Jadi, bersetuju tidak dengan saya kalau kita mintalah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminda undang-undang yang ada di mana tidak membolehkan pegawai-pegawai bertukar daripada satu PBT kepada satu PBT. Kalau tidak boleh dalam Persekutuan pun, sekurang-kurangnya dalam negeri masing-masing. Macam mana?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat yang telah bertanya kepada saya tadi. Kalau pada saya, inilah yang saya katakan tadi kita kena lihat pembaharuan dan juga ada inovasi-inovasi pentadbiran. Kalau kita lihat organisasi pentadbiran sekarang ini begitu vertikal, begitu menegak.

Jadi, mungkin kita adakan bahawa peraturan organisasi yang lebih horizontal yang mana tidak perlu banyak memberikan laporan ataupun tidak banyak bertanggungjawab kepada banyak birokrasi. Jadi kita adakan satu organisasi yang lebih horizontal yang mana ini juga boleh memberi motivasi kepada mereka kerana tidak terlalu banyak bos, dengan lain perkataan, ketua yang mana seseorang pekerja itu harus melaporkan diri. Selain daripada itu saya rasa *empowerment* ataupun kita berikan delegasi, berikan tugas, tanggungjawab kepada seseorang kakitangan itu juga boleh mendatangkan motivasi, boleh mendatangkan kekuatan kepada seseorang pekerja itu mahu memberikan sumbangan-sumbangan terhadap idea dan pandangan mereka.

Itulah seperti mana yang saya katakan tadi, perkhidmatan sekarang ini harus melalui proses pembaharuan dan proses inovasi pentadbiran bukan sahaja melakukan perkara-perkara yang rutin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan kesihatan. Yang pertama, kita semua tahu bahawa sekarang ini berlaku satu ketakutan di dunia ini tentang satu wabak yang kita namakan sebagai wabak Selesema Burung. Wabak ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan semua bahawa kalau berlaku dijangkakan akan membunuh sebanyak 5 juta ke 150 juta rakyat di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu perkara yang kecil dan kita tahu bahawa Indonesia telah mengisytiharkan negara mereka di bawah wabak selesema burung. Jadi wabak selesema burung ini kita tahu bahawa disebabkan oleh virus yang dinamakan sebagai virus H5N1 dan virus ini pernah beredar di negara kita, pernah dijumpai di dalam ayam-ayam yang terdapat di Kelantan.

Tiga fakta yang penting untuk sesuatu wabak besar, tiga fakta untuk satu *pandemic* itu berlaku ialah pertama, timbulnya satu virus yang baru. Yang kedua, berlakunya pemindahan atau transmisi daripada haiwan kepada manusia, transmisi virus. Yang ketiga, berlakunya *efficient transmission human to human*. Jadi, maknanya berlakunya pemindahan virus daripada manusia ke manusia.

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) telah berlaku munculnya satu *strain* virus yang baru yang *very fatal* ataupun yang boleh menyebabkan kematian iaitu H5N1;
- (ii) telah berlaku pemindahan daripada haiwan ke manusia; ini juga telah berlaku, dan
- (iii) apabila berlakunya pemindahan virus daripada manusia ke manusia; telah diterbitkan dalam *New England Jurnal* tahun ini yang menyatakan bahawa telah berlaku selektif *human to human transmission*.

Jadi, bermakna telah berlaku pemindahan virus daripada manusia ke manusia secara terpilih dan *indicator* yang lain untuk berlaku satu-satunya wabak besar mengambil masa di antara 30 tahun ke 39 tahun di antara satu wabak besar ke wabak besar yang lain. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini telah 37 tahun kita daripada wabak besar yang berlaku dalam tahun 1968. Jadi, kita sebenarnya bukan soalan bahawa wabak ini akan berlaku atau tidak, *it's not the question of if*, bukan soalan bila berlaku tetapi soalan wabak ini akan berlaku bila-bila masa, *when is going to occurred?*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa yang ingin saya tanyakan, apakah persediaan Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam menghadapi wabak yang besar ini. Kalau kita membaca jurnal-jurnal atau juga majalah-majalah perubatan kalau kita buka *website* perubatan, didapati bahawa berlaku satu ketakutan. Misal kata negara Jepun, negara Thailand, Amerika Syarikat, Singapura yang telah mula mengumpulkan *stock pilling*,

dengan izin, antivirus yang dinamakan *Tami Flu*. Sekiranya berlakunya wabak yang besar mereka telah bersedia. Selain daripada itu, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat! Tahun 1968 itu berapa serius, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tahun 1968, wabak tahun 1968.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Dalam tahun 1968 yang dikenali juga sebagai *Hong Kong Flu* telah membunuh, *it was a minor flu, a minor pandemic*, telah membunuh 2 juta orang dan kali ini akan timbul *strain* yang baru H5N1 seperti mana yang saya katakan tadi, boleh membunuh di antara 5 juta ke 150 juta orang yang akan datang dalam bentuk pelbagai gelombang. Dalam tahun 1918, telah membunuh 20 ke 40 juta orang melalui *Spanish Flu*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya ingin tanya, sedikit penjelasan, sekiranya berlaku *pandemic endemic* atau epidemik seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak, saya dimaklumkan bahawa negara-negara maju sudah pun mempersiapkan diri mereka untuk menerima hakikat ini oleh sebab *avian flu* dan juga pelbagai ancaman yang telah melanda dalam dekad atau dasawarsa kebelakangan ini.

Saya dimaklumkan bahawa persiapan yang mereka buat itu hanya untuk negara mereka sahaja dan sekiranya ubat-ubat yang ingin dibuat, vaksin-vaksin yang ingin dibuat itu, kalau hendak sampai ke dunia seperti dunia sedang maju seperti dunia macam Malaysia atau dunia yang ketiga akan mengambil sekurang-kurangnya enam hingga setahun untuk dibuat vaksin-vaksin secara besar-besaran dan untuk dibawa ke sini. Dalam tempoh enam bulan itu dianggarkan bahawa kematian itu akan berlaku dengan begitu cepat sehingga tiada masa untuk kita terima vaksin berkenaan, termasuklah *research* sekali, R&D sekali. Semua penduduk-penduduk ini akan mati sebelum ubat itu sampai kepada kita kerana negara-negara yang maju ini akan menjaga kepentingan mereka sendiri sebelum sampaikan ubat-ubat vaksin ini kepada negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, kesemua pengeluaran-pengeluaran vaksin ini letaknya di negara Eropah dan juga di Amerika Syarikat. Selain daripada itu, kapasiti ataupun kekuatan pengeluaran-pengeluaran vaksin ini cuma boleh mengeluarkan 300 juta dos vaksin. Kita tahu bahawa penduduk dunia ada 6 bilion. Jadi, kita boleh bayangkan apabila berlakunya *pandemic* ataupun wabak besar ini kemampuan pengeluaran-pengeluaran ini memang sungguh terbatas, setentunya keutamaan akan diberikan kepada negara mereka dan juga jiran-jiran mereka.

Itu sebab saya katakan tadi salah satu yang saya ingin masuk ini ialah tidak ada perjanjian yang mengatakan sekiranya permintaan *human flu* vaksin di Malaysia ini tinggi, jadi bila berlakunya wabak barulah keutamaan itu juga timbul, diberikan oleh pengeluaran-pengeluaran tersebut. Itu sebabnya di Malaysia, contohnya belum lagi ada program yang memberikan suntikan kepada mereka yang berisiko. Siapakah mereka yang berisiko itu:

- (i) *chicken farmers*, yang menjaga ayam, penternak-penternak ayam;
- (ii) mereka yang bekerja dengan *health care workers*, mereka yang bekerja dengan perubatan, bekerja dengan hospital, dengan rumah sakit kerana mereka....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sikit, boleh?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gombak seorang *specialist* dalam perubatan, seorang yang sanggup menceburkan diri dalam bidang politik. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di kawasan Gombaklah terutamanya terlibat dengan wabak denggi, saya semalam sentuh juga. Apakah selain daripada masalah yang dihadapi sekarang ini mungkin Yang Berhormat bagi Batu Pahat pun boleh bantu, doktor juga dan beberapa rakan yang lain, apakah Yang Berhormat melihat sudah terbit dalam naluri Yang Berhormat untuk memberi perkhidmatan percuma kepada penduduk-penduduk, masyarakat Gombak terutamanya dalam memenangi masalah dari segi sudut pendekatan pendidikan perubatan.

Saya rasa kalau ini dapat dilakukan, saya rasa Yang Berhormat adalah orang pertama yang mampu untuk melakukan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun pernah melakukannya di Sipitang tapi mungkin tidak secara menyeluruh. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Dalam bulan puasa Yang Berhormat kita bercakap sedikit soal pahala. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Yang Berhormat bagi Larut, sebenarnya saya tidak suka menceritakan perkara ini kerana sebenarnya saya telah dan memang ada *mobile team* daripada pasukan Parlimen Gombak, yang mana kita pergi ke rumah-rumah pangsa, kita pergi ke kawasan-kawasan tradisional memberikan rawatan percuma. Selain daripada itu, saya juga mempunyai ambulans sendiri untuk masuk ke kawasan-kawasan tersebut. Dan, sebelum menjadi Ahli Parlimen saya terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan. Saya pernah membuka *charity clinic*, klinik bertemu rakyat selama lebih kurang 15 tahun, yang kita berikan secara percuma kepada rakyat-rakyat bawahan. Selain daripada itu, Gombak juga di antara kawasan Parlimen yang pertama apabila berlakunya wabak dulu kita melancarkan kempen denggi dan ini ada juga dalam liputan akhbar dan sebagainya.

Jadi, itu adalah di antara perkara-perkara yang kita lakukan berterusan dan saya memang prihatin kerana Gombak masih lagi menghadapi masalah-masalah kesihatan. Berbalik kepada tadi, kalau kita lihat baru-baru ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengeluarkan senarai *strains virus* yang harus digunakan sebagai vaksin. Dia ada tiga *strain virus* yang harus digunakan iaitu dia panggil AH1N1, AH3N2, iaitu influenza AH1N1, influenza AH3N2 dan satu lagi B. Salah satu virus B itu dinamakan B.Malaysia kerana virus ini tersebar di Malaysia, dijumpai di Malaysia dalam tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat betapa dekatnya kita dengan keadaan yang berlaku ini dan betapa pentingnya kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius tentang wabak besar influenza ini kalau tidak kita tangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat hendak tolong, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Sila.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Gombak, adakah daripada apa yang telah diterangkan ataupun dibahaskan Yang Berhormat merasakan kementerian masih lagi belum memberikan 100 *per cent* kesungguhan dalam hendak menangani masalah *Avian influenza* ini? Juga saya tidak nafikan bahawa sekarang ini masalah denggi juga memang tinggi? Adakah Yang Berhormat kalau dapat terangkan juga merupakan salah satu punca denggi ini merebak dengan cepat disebabkan oleh kadar *immune virus* tersebut. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Berkenaan dengan persediaan Kementerian Kesihatan terhadap wabak besar influenza ini yang saya dapati ialah sudah ada inisiatif-inisiatif oleh Kementerian Kesihatan di dalam melakukan persediaan. Tetapi yang saya lihat ialah perbincangan demi perbincangan, saya belum lagi dapati bahawa dari segi faktanya berapa banyak anti-virus yang telah dikumpulkan oleh Kementerian Kesihatan di dalam menghadapi wabak besar ini kerana daripada sumber-sumber yang saya dapati bahawa ubat anti-virus yang disimpan dalam bilangan yang cukup kecil yang tidak mampu apabila berlakunya wabak nanti boleh menangani ataupun membantu situasi.

Itulah yang saya rasa dan selain daripada itu seperti mana yang saya katakan tadi golongan-golongan yang berisiko ini. Mengapakah golongan-golongan berisiko yang saya sebutkan tadi harus dan perlu diberikan suntikan? Ini kerana golongan yang berisiko ini mudah terkena influenza dan apabila mereka mudah terkena influenza mereka boleh merupakan menjadi punca sebagai “reservoir” ataupun tempat berlakunya percampuran virus iaitu percampuran virus selesema burung itu H5N1 dengan virus influenza manusia iaitu H3N2, H3N1. Jadi inilah, kerana apabila adanya percampuran virus dalam badan manusia yang berisiko ini juga boleh menghasilkan juga virus yang baru dan juga boleh menyebabkan terjadinya wabak influenza yang besar.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Berbalik kepada cerita yang tadi. Saya memang memuji Yang Berhormat bagi Gombak kerana saya ingin tahu, setakat ini kalau kita bincang sahaja masalah ini ianya hanya akan tinggal sebagai masalah sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Gombak, apakah persiapan yang boleh diambil, cadangan-cadangan konkrit yang boleh diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menangani situasi *pandemic* ini dan saya ingin tahu dengan adanya kekangan dan kekurangan dari segi sektor kesihatan kita, kita kekurangan doktor, kita kekurangan kaki tangan-kaki tangan dalam bidang kesihatan, penuh dengan kekangan.

Dalam keadaan sebegini sekiranya berlaku satu situasi dalam keadaan sebegini, mungkin kita akan dalam keadaan serba-salah dan ini akan membawa kesan yang begitu hebat sekali. Bolehkah kerajaan melihat penerokaan satu usaha sama ataupun mewujudkan satu industri vaksin sebegini di negara India kerana saya dapati bahawa kini negara India sudah menjadi sebuah negara di mana perkhidmatan kesihatan sudah menjadi satu industri yang begitu popular. Kalau dahulunya ramai yang pergi untuk pendidikan sekarang ramai daripada Eropah dan juga dari Amerika Syarikat telah datang ke India untuk rawatan kerana murah dan ia punya kepakaran yang begitu banyak sekali.

Bolehkah kita mewujudkan satu pusat vaksin di negara India untuk *consumption* Malaysia dengan izin, kerana saya dapati ubat-ubat di sana dia boleh bawa daripada *end product* ke *sourcenya* dan dia boleh cipta ubat-ubat dengan kandungan yang sama dengan harga yang begitu murah sekali, contohnya *viagra*, begitu murah sekali tetapi *contentnya* sama, bolehkah cadangan ini diterokai oleh Malaysia ataupun oleh Kementerian Kesihatan secara serius supaya negara kita dapat menerima cabaran ini dengan lebih tersedia, minta penjelasan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya soalan dia ini terlalu banyak, kalau saya hendak jawab soalan beliau sahaja saya tidak dapat membahaskan apa yang ingin saya bahaskan tetapi biarlah saya jawab tentang soal vaksin tadi. Memang kalau kita lihat *World Health Organisation* mengatakan bahawa untuk sesebuah negara itu mengadakan *plant vaccine* dia sendiri iaitu menjadi pengeluar vaksin sekurang-kurangnya negara itu haruslah mempunyai 50 juta penduduk supaya barulah operasi itu dipanggil sebagai *cost effective*.

Selain daripada itu saya memang terlibat secara langsung dengan *research and development* yang berkaitan dengan *effective diseases* dan juga vaksin ini. Didapati bahawa untuk menjadi pengeluar vaksin kita perlukan *human resource* iaitu saintis-saintis yang begitu berpengalaman dan begitu pakar yang mana saya rasa kita tidak mempunyai.

Minta maaf kalau saya mengatakan ini Yang Berhormat Cameron Highlands, India juga tidak mempunyai kepakaran yang begitu tinggi kerana apa yang dilakukan di India adalah membuat vaksin-vaksin yang sudah wujud. Mereka membuat *Hepatitis B vaccine* contohnya, vaksin yang telah ada, mereka membuat *rabis vaccine* contohnya. Itu pun *rabis vaccine* mereka barulah ke peringkat yang meningkat sedikit, dahulu vaksin yang dia buat ialah *nerve tissue vaccine* NTV, yang mana vaksin yang mempunyai kualiti yang kurang baik kerana kalau diberikan suntikan bukan boleh mengubati tetapi memberikan kesan sampingan yang cukup tinggi. Sekarang ini barulah didapati berubah kepada *cellular based vaccine*, baru ada perubahan.

Selain daripada itu yang kita mahu sekarang ini inovasi-inovasi vaksin yang baru contohnya HIV vaccine. Contohnya kita mahukan misalan kata *denggi vaksin*, kita juga mahukan contohnya *combination vaccine* yang baru yang mana melalui satu suntikan kita boleh memberikan banyak antigen di dalam satu masa. Itulah pada saya ini memerlukan satu golongan saintis-saintis yang cukup pakar, saintis-saintis yang boleh terlibat secara langsung. Saya rasa untuk Malaysia walaupun ada usaha-usaha misal kata penubuhan baru-baru ini, seperti mana yang kita lihat dalam belanjawan tambahan telah diluluskan untuk pembelian tanah untuk dilakukan pembinaan *The Institute of Vaccine and Natural Products* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi saya rasa usaha-usaha ini memakan masa yang begitu lama kerana saya lihat kepakaran yang ada di negara kita ini masih jauh dan kurang untuk menjadi pengeluar vaksin kalau dibandingkan dengan negara yang telah maju.

Saya ingin juga menyentuh tentang satu wabak yang sekarang ini baru timbul iaitu wabak kita lihat di Indonesia diserang oleh wabak polio. Kita tahu bahawa polio ini menyebabkan kelumpuhan, kalau dia terkena kepada anggota badan dia boleh menyebabkan kelumpuhan, kalau dia menyerang kepada otot yang memberikan kita bernafas dia boleh juga menyebabkan kematian. Kita lihat Indonesia contohnya telah bebas daripada polio hampir 10 tahun, tiba-tiba dikejutkan dalam bulan April 2005 yang lalu iaitu satu kes polio dan sehingga kini kes telah hampir ke 300 kes polio yang menyebabkan kelumpuhan di Indonesia. Ini adalah satu *disaster*, ini adalah satu perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Oleh sebab itu kita berharap Malaysia yang terlalu hampir dengan Indonesia harus berhati-hati kerana Malaysia telah bebas daripada polio lebih daripada 20 tahun tetapi tidak mustahil kalau tidak ada pemantauan yang baik dan pengawasan kesihatan yang baik, wabak polio ini juga boleh berlaku di Malaysia.

Jadi saya harap berlaku peningkatan dari segi pengawasan, oleh itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan berharap Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa *vaccination coverage* ataupun peratus perlindungan imunisasi yang dicatatkan adalah yang seharusnya yang betul, yang bukannya dibuat-buat. Seperti contohnya macam di Indonesia selalu dikatakan bahawa *immunization coverage*nya melebihi 85%, tetapi apabila berlakunya wabak besar ini didapati bahawa sebenarnya banyak kawasan yang peratus perlindungan imunisasinya jauh kurang daripada itu. Itu sebab ini amat penting.

Yang kedua harus juga kita lihat bahawa vaksin-vaksin yang digunakan itu adakah vaksin-vaksin yang disimpan dalam suhu yang betul? Kerana kalau vaksinnya tidak disimpan dalam suhu yang betul dibawa ke kawasan pedalaman, walaupun dalam catatan kita, kita berikan vaksin tetapi yang sebenarnya vaksin yang diberikan ialah vaksin yang tidak berkesan.

Jadi oleh itu, kementerian harus memikirkan dan melihat perkara ini supaya wabak yang berlaku di Indonesia tidak berlaku di Malaysia dan juga harus memikirkan bahawa adakah penggunaan vaksin yang kita gunakan sekarang adakah pilihan terbaik. Mungkin kalau kita khuatir, vaksin-vaksin yang harus dibawa ke kawasan pedalaman boleh menjadi kurang potensinya oleh kerana penyimpanan dengan suhu yang sepatutnya disimpan itu tidak dilakukan, kita harus memikirkan mencari vaksin yang lebih stabil contohnya yang mana boleh digunakan di kawasan-kawasan luar bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Selain daripada itu, kita juga harus memikirkan bahawa satu pendekatan menggunakan vaksin yang kita panggil *combination* vaksin, melalui satu suntikan kita boleh beri pelbagai antigen kepada penerima ataupun kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya juga ingin menyentuh tentang perkara berkenaan Denggi seperti yang disarankan oleh sahabat saya Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Kita tahu bahawa bil kes berterusan melampau lebih seribu kes satu minggu sekarang, bilangan *hot spot* dan kematian semakin hari semakin bertambah. Hari-hari kita baca surat khabar kematian yang sungguh tragis. Kita tengok bagaimana seorang itu meninggal, seorang itu *breadwinner of the family*, jadi meninggal disebabkan oleh demam denggi ini. Dan rakyat

menjadi takut untuk, kalau kita baca surat khabar, ramai di antara mereka yang tinggal di kawasan wabak takut untuk balik ke rumah mereka kerana takut akan diserang oleh demam denggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang maju, ketakutan begini seharusnya tidak timbul. Ketakutan begini seharusnya tidak berlaku. Kerana dalam kemajuan ini harus juga diselarikan kemajuan menangani penyakit. Kita lihat bahawa mengapakah kempen *Search and Destroy*, dengan izin, ataupun Cari dan Musnah tidak dioptimumkan. Kita tahu bahawa kalau kawasan tersebut adalah kawasan wabak, mengapa tidak dimobilisasikan seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kesihatan, berlaku mobilisasi daripada satu negeri ke satu negeri. Kenapa tidak dioptimumkan ini? Pada saya dalam keadaan wabak ini *Search and Destroy* ini penting. Yang kedua, selain daripada itu untuk memutuskan kitaran penyakit. Selain daripada itu, nyamuk-nyamuk dewasa ini juga harus dibunuh. Pengasapan, semburan asap harus efisien, semburan asap harus dipantau supaya rakyat kita tidak lagi tinggal di dalam ketakutan. Jadi saya percaya perkara-perkara ini ramai pakar dalam Kementerian Kesihatan boleh memikirkan perkara-perkara ini dan saya percaya mereka juga tahu bagaimana mahu melakukan.

Tetapi cuma mengapa ini tidak dapat digerakkan, mesti dilakukan dengan secara segera. Kita tidak mahu hanya setakat amaran mengatakan bahawa wabak denggi akan menjadi lebih teruk dua bulan ke tiga bulan lagi. Ini hanya menimbulkan ketakutan. Yang kita mahu ialah tindakan secara serius, tindakan bersepadu, ada koordinasi, bukan sahaja Jabatan Kesihatan tetapi pelbagai jabatan, ada *task force* di pelbagai peringkat, bukan sahaja di peringkat atas, juga di peringkat bawah. Yang penting ialah kita harus putus kitaran wabak ini dengan seberapa segera. Kita tidak mahu ia terus mengancam nyawa rakyat yang tinggal di kawasan wabak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan satu program yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu program mengurangkan kesan buruk melalui pertukaran jarum dan kondom di kalangan penagih dadah. Tujuannya ialah untuk mengurangkan transmisi HIV. Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kita tahu bahawa ini adalah satu langkah yang kita rasa langkah yang mana kita mahukan HIV/ AIDS tidak menjadi satu masalah yang benar-benar boleh menjadi satu masalah yang sungguh besar di negara kita seperti yang terjadi di banyak-banyak negara Afrika.

Mungkin sasaran yang diberikan kepada penagih-penagih dadah kerana kita tahu bahawa kebanyakan ataupun lebih daripada 70% penghidap HIV ini adalah di kalangan penagih dadah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua saya ingin membawa beberapa persoalan kepada Kementerian Kesihatan terhadap implementasi ataupun terhadap perancangan program ini. Kita tahu bahawa apabila seorang penagih dadah itu dibenarkan datang ke suatu tempat yang telah dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengambil jarum suntikan, untuk menukar jarum suntikan ataupun diberi kondom percuma. Pertamanya, terbit kebimbangan di kalangan penagih-penagih dadah ini yang bahawa mereka ini akan didaftarkan dan akan dikenal pasti sebagai pengguna dadah haram dan mungkin kepada mereka satu hari nanti akan didakwa. Saya pasti terbit ketakutan. Yang kedua walaupun diadakan pusat tersebut akan timbul satu stigma oleh masyarakat. Stigma terhadap pusat tersebut, iaitu sebagai pusat di mana sarang penagih dadah dan juga sarang mereka yang menghidap HIV.

Selain daripada itu banyak daripada kita tengok program ini diasaskan kepada negara-negara lain, yang mana negara-negara lain itu pada saya ialah *adoption of evidence base measure* yang belum lagi dijalankan di negara yang mempunyai *sosio* dan budaya yang sama dengan kita, sistem negara mereka yang sama dengan negara kita. Itu juga pada saya harus kita lihat. Yang saya perhatikan walaupun misal kata program ini kita tahu sebenarnya memang satu tujuan yang murni untuk mengurangkan lagi ramai penghidap HIV, untuk mengurangkan lagi transmisi HIV yang berleluasa harusnya saya lihat yang patutnya diperkasa ialah *community based outreach programme* yang mana kita libatkan lebih banyak NGO kerana mereka ini memang lebih hampir, lebih mudah untuk mendekati golongan-golongan tersebut.

Melalui strategi yang kita katakan sebagai *meet where they are at* daripada strategi kita yang mana kita membawa penagih-penagih dadah itu ataupun penghidap HIV ini ke

tempat ataupun pusat yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Kementerian Kesihatan. Mengapa tidak kalau kita perkasakan NGO-NGO, kita berikan belanjawan yang cukup, kita berikan peruntukan yang cukup dan kita koordinasikan NGO-NGO ini supaya boleh berfungsi lebih sistematik. Mereka sendiri yang mendekati penagih-penagih dadah itu daripada kita biarkan penagih-penagih dadah itu atau penghidap HIV itu datang ke pusat yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan kerana ini seperti mana yang saya katakan tadi, timbulnya ketakutan, timbulnya stigma masyarakat dan pelbagai yang akhirnya kita takut program ini tidak berkesan.

Juga kita takut nanti bahawa hanya bila kita lakukan ini, timbul persepsi di kalangan masyarakat bahawa penggunaan dadah haram adalah diterima masyarakat dan sebahagian daripada kehidupan. Ini adalah *repercussion* ataupun ini adalah perkara yang mungkin berlaku akibat perkara ini. Itulah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat seperti mana yang saya katakan tadi dan satu persoalan yang kita lihat, mengapa Sweden tidak melaku...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: ...dan tidak menjalankan program ini. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya sangat bersetuju supaya hebahan berkaitan dengan penggunaan kondom dan jarum percuma ini harus lebih berhemah. Ketidakberhemahan ini sangat jelas apa yang berlaku sebelum ini, salah seorang daripada Ahli Parlimen Muslim menyatakan bahawa kalau kondom itu percuma, maka dia sendiri pun dia nak yang percuma itu. Tapi sebenarnya yang lebih memeritkan ialah kita sebagai wakil rakyat di luar bandar.

Saya telah pergi ke beberapa majlis kenduri, dalam majlis itu kenyataan yang paling mudah ialah "kerajaan ini, pemimpin kerajaan ini gila", kerana nak menggalakkan, membenarkan ataupun menganjurkan kondom percuma dan jarum percuma. Jadi gambarannya ialah seperti kerajaan ini nak menggalakkan persetubuhan haram ataupun perzinaan. Jadi oleh sebab itu apakah soalnya, soalan saya kepada Yang Berhormat Gombak, bagaimanakah cara penghebahan yang terbaik supaya masyarakat dapat menerimanya? Itu pertama.

Yang keduanya, kita dapati hebahan berkaitan dengan data dan statistik pesakit HIV ini berubah-ubah. Pemimpin sendiri apabila berucap sekejap dia kata ada 60 ribu, sekejap ada 65 ribu, sekejap dia kata ada 70 ribu dan ada pula lagi hebat menyatakan bahawa daripada 70 ribu ini, 50% aktif lagi melakukan hubungan seks. Jadi kerana itu keperluan itu sangat jelas, bayangkan kalau daripada 70 ribu itu, 50% aktif melakukan hubungan seks, maknanya ada 35 ribu, bayangkan. Kalau kondom percuma itu tidak disegerakan, maknanya gambarannya ialah ia akan tersebar dengan begitu hebat. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Gombak berkaitan isu ini?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sabak Bernam. Jadi saya memang setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam yang mengatakan tentang iktibar ataupun persepsi masyarakat tentang program ini. Kerana ini juga satu masalah yang sebenarnya kita harus tangani kerana dapati walaupun dalam senyum mereka nampak bersetuju, tapi kita nampak gerak air muka mereka terdapat 1001 tanda pertanyaan ataupun persoalan kerana dapati bahawa kerajaan terlibat terus dengan pembahagian kondom percuma ataupun pertukaran jarum ini.

Itu sebab saya katakan tadi kerajaan boleh terlibat, kita perlu saya rasa dan saya bersetuju bahawa kita harus lakukan sesuatu kepada penagih dadah yang mempunyai HIV ini, kerana kalau tidak penyakit ini akan sukar dibendung lagi, akan menjadi satu tahap yang sungguh berbahaya untuk negara kita. Tetapi kerajaan pada saya harus terlibat secara *indirect*, secara tidak terus iaitu dengan memperkasakan NGO-NGO yang telah dikenal pasti, berikan latihan-latihan yang sempurna kepada NGO-NGO ini, berikan peruntukan yang cukup kepada NGO-NGO ini, latih mereka dan kita adakan strategi yang

community based or reach program ataupun seperti mana yang saya katakan tadi, kita harus sendiri berjumpa dengan kenal pasti sarang-sarang mereka, penagih dadah dan penghidap HIV ini dan kita sendiri turun berjumpa dengan mereka.

Pada saya inilah lebih berkesan kerana satu lagi soalan yang saya ingin tanya ialah bagaimana kita tahu konsumsi seseorang itu? Berapa jarum yang mereka perlukan, kerana kita tahu bahawa ramai pakar perubatan di sini, sahabat saya daripada Yang Berhormat Kepong juga adalah seorang pakar perubatan. Kita tahu bahawa "heroin" itu ialah satu jenis dadah yang *short acting*, maknanya dia bertindak dalam jangka pendek. Dalam masa satu jam kesannya akan hilang dalam darah, jadi kalau seorang tu seorang penagih yang tegar, dia akan memerlukan banyak suntikan. Dan satu lagi di dalam keadaan ketagihan, di dalam keadaan khayal, kita takut jarum yang seharusnya jarum yang baru, jarum yang tidak ditukar digunakan tetapi digunakan jarum yang sama ada jarum kawannya ataupun mereka berdua. Kerana mereka pada masa itu di dalam keadaan situasi minda yang tidak berapa stabil. Jadi itu yang menjadi kekhuatiran kita terhadap kejayaan ataupun kekesan program ini.

Selain daripada itu, kita juga harus lihat bahawa di Malaysia contohnya kondom ini memang mudah didapati. Dan harganya murah berbanding dengan misal kata di negara Pakistan, negara Pakistan memang sukar, itu sebab program ini, kondom ini diberi secara percuma kerana memang sukar untuk mendapatkan kondom di Pakistan kerana kita terpaksa pergi ke *pharmaceutical outlet* dan sebagainya. Jadi itu pada saya satu lagi perbezaan yang kita boleh bandingkan di antara program yang ingin kita jalankan dengan negara-negara lain.

Dan saya juga merasakan bahawa pusat serenti ini boleh memainkan peranan yang penting, yang mana kalau lebih banyak peruntukan yang diberikan, kalau dilihat kembali modul-modul yang dibuat di pusat serenti ini. Selain daripada itu ada juga misal kata kita namakan sebagai *'continue of care'* iaitu dari *detoxification* dilihat hinggalah sebagai *job placement*, yang mana ini tidak dilakukan saya lihat. Ini juga pada saya boleh terus membawa kepada pencegahan, bukan sahaja boleh mengurangkan kesan buruk tetapi kita dapat cegah wabak ini, kita dapat cegah penyakit ini. Itulah saya harap saya bersetuju bahawa masalah HIV ini adalah satu masalah yang serius, satu masalah yang harus ditangani, tetapi saya harap Kementerian Kesihatan harus memikirkan apakah pendekatan yang terbaik untuk menjaga sensitiviti rakyat, pendekatan yang terbaik agar program ini lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk ini kita lihat bahawa peranan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ha, saya ingat lagi tiga *item*. Saya akan cuba pendekkan ya, kerana perkara yang saya cakap ini kurang dicakapkan oleh orang-orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berikan laluan kepada Yang Berhormat Sabak Bernam.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mesra pesakit, saya setuju dalam konteks pemberian jarum dan kondom percuma itu harus ada institusi yang mesra pesakit. Kerana dalam interaksi saya dengan pesakit-pesakit itu sendiri, mereka menyatakan tidak ada pihak yang nak secara sengaja pergi mendaftarkan diri mendapatkan perkara itu secara percuma. Saya ambil sebagai contoh, sebagai kondom percuma, walaupun mereka jelas sebenarnya dalam kenduri itu tadi, saya nak nyatakan bahawa beberapa pihak yang mengatakan bahawa kerajaan ini gila. Saya jawab begini, bahawa kondom dan jarum percuma ini adalah untuk orang sakit, itu nak mengelakkan bahawa ini bukan untuk sesiapa sahaja boleh mendapatkannya, itu perkara yang pertama. Orang sakit lepas tu kita jelaskanlah tentang data yang diberikan berkaitan dengan pesakit HIV dan seumpamanya.

Tapi apa pandangan Yang Berhormat Gombak, ada saranan secara umum bahawa daripada memberikan kondom itu secara percuma, lebih baik diturunkan harga

kondom itu serendah-rendahnya supaya mereka pun boleh beli dengan lebih mudah. Itu dengan penjelasan mengenai bahaya mereka menjangkitkan sakit kepada yang lain akan menjadi lebih berkesan daripada memberikan secara percuma tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sabak Bernam. Selain daripada saya rasa kita turunkan harga kondom ini kerana salah satu usaha kita menangani penyakit ini, ialah kita letakkan kondom ini mungkin di tempat-tempat yang strategik, saya tengok di negara-negara barat, misal kata mesin kondom ini diletakkan di dalam tandas contohnya. Jadi bila letak, kalau kita sekarang ini dapati misal kata, kalau seseorang itu ingin mendapatkan kondom mungkin mereka harus pergi ke 7 *Eleven* contohnya ataupun ke gedung-gedung farmasi. Mungkin kadang-kadang ada rasa malu dan sebagainya tapi kalau diletakkan mesin-mesin kondom ini, tujuannya seperti mana yang saya kata tadi ialah untuk supaya senang dan mudah untuk golongan-golongan terutama yang HIV positif, penagih dadah ini untuk mendapatkan kondom tersebut.

Jadi satu lagi perkara yang ingin saya cakapkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pengiktirafan oleh pihak kerajaan, pihak Kementerian Kesihatan terhadap pakar-pakar perubatan kesihatan awam. Ingin saya nyatakan di sini bahawa kepakaran perubatan kesihatan awam ini telah banyak menyumbang kepada kesihatan sejagat. Yang pertama, ialah kawalan penyakit berjangkit contohnya, yang kedua telah menurunkan kadar kematian ibu, bayi dan kanak-kanak sehinggakan Malaysia dikatakan mempunyai kadar kematian bayi yang lebih baik dari Amerika Syarikat.

Ini adalah sebenarnya usaha-usaha berbagai-bagai kepakaran di dalam bidang perubatan termasuklah kepakaran perubatan kesihatan awam. Selain daripada itu, golongan ini juga telah dapat meningkatkan taraf kesihatan masyarakat dan pekerja. Dan bukti bidang perubatan kesihatan awam ini lebih menyerlah di dalam menangani wabak Nipah yang baru-baru ini negara menghadapi, wabak SARS lagi sebagai contoh. Dan masyarakat dunia mengiktiraf kekuatan pakar-pakar perubatan kesihatan awam Malaysia baru-baru ini telah dipersetujui penubuhan *International Institute of Global Health of United Nations University* di Malaysia. Ini pada saya satu pengiktirafan yang cukup tinggi oleh badan dunia United Nations terhadap pakar-pakar perubatan kesihatan di Malaysia. Kalau kita lihat dari segi pengiktirafan pula dalam tahun 1993 satu Kertas Putih 2/64 diluluskan oleh Jemaah Menteri dan Parlimen memberi pengiktirafan kepada kepakaran kesihatan awam setaraf dengan kelulusan kepakaran-kepakaran perubatan yang lain. Dan pada 3 April tahun 2000 Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia telah dalam mesyuaratnya yang ke-73 telah meluluskan bahawa kelayakan Ijazah Perubatan Kesihatan Awam ini setaraf dengan Ijazah Sarjana Perubatan yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat keluar di dada-dada akhbar misal kata baru-baru ini mungkin saya boleh tunjukkan di sini iaitu yang menyatakan bahawa 300 pakar-pakar belum terima elaun. Kalau kita lihat sumbangan mereka yang begitu tinggi, sumbangan mereka yang begitu banyak, oleh itu saya menggesalah Kementerian Kesihatan Malaysia, saya menggesa JPA memberi pengiktirafan sepenuhnya kepada pakar perubatan kesihatan awam ini sebagai pakar dengan memberikan keistimewaan-keistimewaan setaraf dengan pakar-pakar perubatan yang lain termasuk dari segi skim perkhidmatan dan pembayaran insentif-insentif pakar. Jadi saya harap tidak ada lagi perkara ini berlaku dan kita harap Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius perkara ini supaya sumbangan pakar-pakar perubatan kesihatan awam ini dapat kita berikan ataupun pulangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kejadian yang berlaku di Selatan Thailand. Kita tahu bahawa Malaysia sebagai Pengerusi OIC, Malaysia sebagai Pengerusi Negara-negara Berkecuali (NAM), Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan telah dilaporkan beberapa kali dan baru-baru ini dilaporkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Thailand, contohnya yang telah mengesahkan bahawa pada 28 April yang baru lalu iaitu peristiwa berdarah di Songkla yang telah mengesahkan 19 pemuda Islam terbunuh di dalam peristiwa tersebut. Dan hasil siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Thailand ini telah mengatakan kematian ini adalah akibat tindakan ganas

pasukan keselamatan. Selain daripada itu, kita juga dapati bahawa dalam tahun lalu 100 orang mati di Tak Bai dan suruhanjaya juga telah mendapati bahawa sebahagian besar kematian ini disebabkan oleh keganasan pasukan keselamatan Thailand. Dan kita tahu bahawa ini dilakukan sendiri oleh Suruhanjaya Hak Asasi Kebangsaan Thailand dan saya harap berlakunya *violation*, berlakunya pencabulan hak-hak asasi manusia ini haruslah dipandang serius oleh organisasi-organisasi terutama organisasi-organisasi yang dipengerusikan oleh Malaysia iaitu OIC, NAM, ASEAN.

Selain daripada itu, saya rasa perkara ini harus juga dibawa kepada peringkat yang lebih atas supaya pencabulan hak asasi manusia ini juga dilihat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kerana kita lihat kalau ini tidak dilakukan, pembunuhan akan berterusan, pencabulan hak-hak asasi akan berterusan berlaku. Jadi ini yang sebenarnya walaupun dasar negara kita adalah dasar yang tidak mahu campur tangan dalam hal ehwal negara asing tetapi dalam hal-hal yang demikian kalau kita biarkan ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan keselamatan negara kita dan juga boleh menjejaskan perancangan strategi negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua sebagai menggulung perbahasan saya yang:-

- (i) saya ingin menyatakan bahawa amat penting perkhidmatan awam dipertingkatkan sesuai dengan tuntutan dan *expectancy* orang awam dan kerajaan yang semakin bertambah dan di dalam dunia yang lebih kompetitif.
- (ii) amat penting persediaan memerangi penyakit-penyakit yang berpotensi muncul dan penyakit-penyakit yang mana sedang terjadinya wabak ini ditangani dengan lebih berkesan.
- (iii) ingin saya nyatakan tadi bahawa pakar-pakar perubatan kesihatan awam hendaklah diberi insentif yang sama dengan pakar-pakar perubatan yang lain.
- (iv) penindasan yang berlaku di Thailand hendaklah diambil perhatian serius oleh OIC, ASEAN, NAM mahupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu.

4.57 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas di dalam sesi perbahasan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia kerana telah membentangkan Belanjawan 2006 dan saya pasti akan dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan beberapa perkara yang saya anggap penting dan harus diperbincang serta dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Saya ingin merakamkan penghargaan serta terima kasih di atas kecemerlangan polis selama ini. Namun demikian, saya ingin menarik perhatian tentang beberapa perkara yang masih perlu diatasi dan diperbaiki terutama mengenai menjalankan tugas dan pengalaman serta pengetahuan anggota polis.

Sebahagian pegawai-pegawai di dalam jawatan siasatan jenayah sangat kurang pengalaman, terutamanya dalam menghadapi kes-kes yang berkenaan dengan kehilangan kenderaan, gengsterisme, kes bunuh dan kes lain-lain. Contohnya, isu gengsterisme dalam

sesuatu kawasan banyak *increase*. Ada sebahagian di kawasan Sarawak boleh ada kes *hazily* bom 12 kali berlaku tetapi nampaknya pasukan polis tidak mengambil tindakan yang serius. Dan rakyat kata polis ini memang sudah kena satu *pay* khas, polis sudah dapat rasuah daripada sebahagian kumpulan. Sepatutnya kita anggota polis di Ibu Pejabat Polis Negara mestilah ada satu sistem untuk monitor kawasan ke kawasan. Kalau *crime* itu sudah *increase* memanglah kita ada satu tindakan yang serius *how to overcome it*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Bintulu tadi mengenai kecekapan atau *efficiency* pihak polis. Bagi saya, saya rasa tidak sahaja kes-kes kongsi gelap atau gengsterisme, apa yang membimbangkan kita adalah jenayah perdagangan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebagai orang yang berpengalaman, yang tahu tentang korporat.

Sebenarnya tidak lama dahulu, berlakunya CEO bagi Syarikat Redtone itu, terus dipanggil oleh polis dekat Johor Bahru untuk kononnya hendak disiasat dan kalau mereka yang faham dengan perniagaan Redtone itu mereka menjual *airtime*, dan orang ini apabila syarikat menghantar wakil ke balai polis, dia kata tak boleh, saya cuma hendak jumpa orang tertentu supaya orang itu boleh ditahan, dan selepas orang itu ditahan terus didakwa di mahkamah untuk 84 tuduhan di empat mahkamah yang berasingan pada satu hari yang sama. Ini satu rekod dalam balai polis atau Mahkamah Johor Bahru dan tiga hari selepas itu, kes ini telah dipanggil ke Bukit Aman, nasib baik kita ada pegawai di Bukit Aman yang cekap yang faham dengan seluk belok perniagaan ini dan akhirnya kes ini dibuang, dibatalkan terus. Jadi ini adalah *impact* ataupun kesan dari kes ini, saham tu menjunam mendadak, secara mendadak dan akhirnya keyakinan pelabur asing ini tidak ada terhadap syarikat-syarikat yang disenaraikan di MESDAQ. Jadi saya hendak minta pandangan, apakah tindakan yang harus polis lakukan mengenai perkara macam ini?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Inilah satu contoh ada sebahagian anggota polis, dia tidak cukup pengalaman, tetapi dia menunjukkan dia berkuasa, kalau macam tadi contoh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, dia tidak faham kes dalam korporat, sepatutnya dia bertanya kepada dia punya *superior*, ambil pengetahuan ataupun minta apa tindakan akan diambil. Tetapi ada sebahagian pegawai dia jalankan terus, inilah menjadi satu masalah kepada kita anggota polis. Saya berharaplah anggota polis ini, pegawai-pegawai polis ambil perhatian atas perkara ini.

Tadi saya katakan, mesti ada satu *monitoring system*, tetapi nampaknya sekarang, *monitoring system* tidak ada. Kalau kita biarkan, kes berlaku, kita sudah tulis surat, ada *serious crime* berlaku dalam kawasan, itu pun polis tidak ada jawab, tetapi bila kita pergi ke balai polis, beritahu polis, polis kata ini kes biasa, tak apa. Jadi saya hendak tanya dengan polis ini, macam mana, apa kes baru dikira serius katanya, "Itu adalah kes bunuh", tapi ada orang bagi tahu, *suspect* mana yang buat kerja itu, tetapi polis kata, "Bukti tidak ada, kita tidak boleh tangkap". Kalau bukti tidak ada, tetapi orang telah bagi maklumat kita bolehlah ambil tindakan dulu. Kalau tidak ada bukti sah, kita lepaskan. Jangan sampai semua orang sudah kena bunuh, besok orang keluarkan di surat khabar, tuduh polis macam-macam, polis barulah kelam-kabut, cari jalan macam mana mahu menangkap, *gangster* ke atau siapa yang terlibat dalam kes itu.

Satu contoh lagi, ini rakan di sini, Ahli-ahli Parlimen telah pun menyentuh perkara ini mengenai isu Ahli Parlimen, kad Ahli Parlimen dan lambang. Saya pernah kena satu kali di pendarangan *road block*, polis tahan hendak minta IC atau Kad Pengenalan tetapi hari itu saya terlupa bawa Kad Pengenalan, jadi saya beri kad Ahli Parlimen. Saya beri tahu, saya adalah seorang Ahli Parlimen. Dia kata, dia tidak pernah nampak kad ini dan kad ini serupa, macam palsu. Saya kata, "Depan kereta saya pun ada lambang", tapi dia kata, lambang itu dia tak pandai baca.

Adakah seorang pegawai polis tidak pandai membaca, macam mana boleh jadi anggota polis? Inilah menunjukkan satu kelemahan dalam anggota polis. Saya berharap kita, IGP dalam anggota polis bolehlah ambil perhatian atas perkara ini. Ini juga menunjukkan, besar kemungkinan bahawa latihan yang diperolehi daripada Jurulatih di

Pusat Latihan Polis tidak mencukupi, kurang mempunyai pengetahuan am dan maklumat yang luas dan terkini terutama di dalam bidang penguatkuasaan undang-undang dan juga protokol.

Sepatutnya jurulatih yang memberi latihan sedar khususnya kepada pasukan polis merupakan orang yang profesional dan betul-betul berkeelayakan seperti di dalam Laporan Suruhanjaya Di-Raja - Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Ada kala pegawai-pegawai yang dikenakan tindakan disiplin akan dihantar ke pusat latihan sebagai jurulatih. Kita boleh lihat terdapat anggota yang baru tamat latihan, tak kanlah tidak mempunyai kualiti. Sepatutnya pegawai yang telah dikenakan tindakan disiplin, tidak seharusnya dijadikan jurulatih. Kenapa tidak dibuang saja atau diturunkan pangkat mereka dan mana-mana pegawai yang dikenakan tindakan disiplin, tetapi tidak dibuang ataupun sepatutnya mestilah bekerja di bawah penguatkuasaan. Kerajaan mesti sedar jika ada anggota polis yang dikenakan tindakan disiplin...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Baru-baru ini kita baca surat khabar, bahawa ada 125 kes yang dikatakan kes-kes yang keras ataupun serius, yang mana penjenayah-penjenayahnya dibebaskan tanpa dikenakan apa-apa hukuman kerana masalah-masalah teknikal dan sebagainya dan faktor utamanya ialah mengenai cara dan juga proses penyiasatan pihak PDRM yang tidak sempurna atau tidak serius dan telah menyebabkan mereka telah dibebaskan kerana *technical error* dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bercadang kepada PDRM supaya proses penyiasatan atau *investigation* itu mesti dibuat satu revolusi atau *revamp*, di mana penjenayah-penjenayah itu dapat diadili di muka pengadilan dan seterusnya memberikan hukuman yang berat kepada penjenayah-penjenayah ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya ingat apa cadangan memang baik tetapi saya bagi peluang Timbalan Menteri daripada kementerian itu, nanti jawapan dia akan beri kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga ingin menyentuh tentang tahap kawalan keselamatan di beberapa sempadan di Sarawak dengan negara jiran untuk memudahkan rakyat keluar masuk walaupun tanpa pasport. Saya ingin bertanya kenapa anggota polis, pegawai Imigresen dan pegawai-pegawai lain boleh membenarkan rakyat asing keluar masuk tanpa pasport dengan mudah. Jika perkara ini betul, satu tindakan yang proaktif haruslah diambil. Janganlah sampai keselamatan sudah digoncang barulah kita kelam-kabut mencari satu cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kita mesti mahu ingat pada masa itu rakyat akan menuduh kerajaan ataupun kementerian tidak mengambil langkah proaktif terhadap perkara tersebut.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, ada rakyat mengatakan di Sarawak kalau ada jalan mestilah boleh mendapat senjata api, apa jenis pun boleh, rakyat berkata semua senjata api adalah dari negara jiran. Saya mahu bertanya perkara ini benar atau tidak? Kalau benar, apa tindakan akan diambil. Kenapa saya persoalkan isu ini kerana pernah ada kes tangkapan berkaitan senjata api di kawasan saya dan telah diumumkan daripada pihak penguasa bahawa senjata api tersebut daripada negara jiran. Kalau perkara ini betul saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Amat Menteri Keselamatan Dalam Negeri adakah satu cadangan untuk menggubal undang-undang menjadi lebih lengkap dan apakah tindakan untuk mengatasi ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adakah satu perancangan dan tindakan untuk mengubah mentaliti, *attitude* dan tanggungjawab untuk anggota polis dan pegawai Imigresen dalam menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kenapa kita tidak boleh mengkaji balik semula untuk beberapa jawatan dan agensi kerajaan seperti polis, tentera, doktor, jururawat dan guru dalam skim tangga gaji.. Kita perlu faham anggota polis menggadai nyawa untuk keselamatan dan harta. Kerjaya ini berisiko tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya sedikit, tadi diceritakan mengenai pegawai-pegawai polis. Baru-baru ini *Royal Police Commission* laporannya sudah dikeluarkan dan di situ banyak syor bagaimana perkhidmatan polis dapat dipertingkatkan dan pelbagai syor itu juga menunjukkan kelemahan-kelemahan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi setakat ini tidak ada sebarang tindakan yang konkrit kecuali dalam bajet kita diperkenalkan bahawa perumahan, elaun dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan akan diberi kepada mereka. Tetapi kalau kita pergi ke akar umbi masalah rasuah begitu berleluasa dan ini suatu yang kita tahu tetapi tidak boleh bercakap. Apakah pandangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini yang menjadi satu penyakit yang begitu serius sekali di peringkat akar umbi dan perkara ini perlu dilihat walaupun *Royal Police Commission* sudah keluar, bajet tidak mencerminkan sebarang langkah ke arah memperkasakan perkara ini. Apa komen Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands, itu kawasan yang memang sejuk punya tetapi sekarang dia ada panas sedikit. *[Ketawa]*. Jadi memanglah ini jadi satu masalah. Selalu kita sudah umumkan masalah yang ada di negara kita tetapi kadang-kadang ada sebahagian pegawai kerajaan ada ataupun kementerian tidak begitu bekerjasama. Kadang-kadang Jabatan Perkhidmatan Awam kata dia sudah setuju tetapi Kementerian Kewangan tidak setuju. Kadang-kadang Kementerian Kewangan kata dia pernah terima apa-apa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam seperti cadangan naik gaji ke, bagi kemudahan ke dan lain-lain lagi. Inilah saya berharap pegawai-pegawai kerajaan kita mesti mahu fahamlah. Kadang-kadang kita Ahli Parlimen sini bukan ada personal agenda ataupun selalu suka buat tuduhan kepada pegawai-pegawai. Inilah satu contoh kita pegawai kerajaan tidak ambil perhatian kepada kes-kes berlaku. Selalunya sampai kes sudah serius, keluar dalam surat khabar umum satu dunia dan dalam TV barulah kita lompat sini lompat sana. Inilah kelemahan kita dan saya haraplah boleh berubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Saya berterima kasih kepada kawan dari Bintulu. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Bintulu, kita memang tidak suka membuat apa-apa tuduhan tetapi kadang-kadang kita terpaksa juga. Baru-baru ini sepupu saya perempuan mengadu kepada saya ada satu pemeriksaan. Jadi anggota yang membuat pemeriksaan tanya nama, lepas itu minta tengok kad pengenalan, selepas tengok kad pengenalan minta nombor *handphone*. Selepas minta nombor *handphone* bas itu bergerak selepas 30 batu orang yang minta nombor *handphone* itu mula telefon dengan dia. Telefon, telefon, telefon minta *dating*. Pada hal sepupu saya itu sudah berkahwin dan sudah ada anak. Jadi apa komen Yang Berhormat Bintulu tentang perkara seperti ini yang menyalahgunakan kuasa?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Aman. Memanglah ini kadang-kadang jadi satu masalah kita lelaki ini. *[Ketawa]* Mungkin you punya sepupu masih lagi hebat, masih lagi lawa walaupun sudah ada anak, *[Ketawa]* tetapi kalau polis ini beruniform dalam masa bertugas sudah pakai baju polis janganlah kasi hancur kita punya imej dalam anggota polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak pakai uniform?

Dato' Seri Tiong King Sing: Kalau tidak pakai uniform pandai-pandailah. *[Ketawa]*.

Seorang Ahli: Dia pun manusia.

Dato' Seri Tiong King Sing: Aa, memang betul itu, dia pun manusia juga tetapi jangan salah masuk tempatlah. Kita mesti mahu faham. Kita menjalankan tugas, kita minta nombor telefon semua, ini adalah satu contoh yang tidak baik. Memanglah hal ini berlaku bukan hanya dalam kawasan Sri Aman ataupun di mana-mana, memang banyak tempat saya ada dengar. Kawasan Semenanjung pun ada terutama sekali di waktu malam.

Malam kalau mana-mana polis *stop* nampak itu pemandu bukan lelaki tetapi perempuan yang lawa memang dia kena tahan lama. Macam-macam dia (polis) minta. Itulah saya berharaplah kepada anggota polis ambil perhatian atas perkara ini.

Anggota tentera juga sanggup menggadaikan nyawa untuk keselamatan negara. Doktor dan jururawat bertugas untuk menyelamatkan nyawa kita. Guru-guru pula memainkan peranan penting dalam mendidik generasi muda. Contohnya kita lihat gaji bagi konstabel polis lebih kurang RM690 kumpul elaun semua barulah dapat lebih kurang RM1,100. Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam terlibat dalam isu tersebut, saya mohon jasa baik supaya mengkaji kembali dan memikirkan baik-baik untuk anggota beruniform dan mestilah faham anggota polis menjalankan tugas yang berisiko tinggi tetapi gaji tidak cukup makan dan terlalu rendah jika dibandingkan dengan negara luar.

Memang ada beza yang besar, jika mana-mana anggota polis terutama konstabel polis yang tidak mencukupi bagi perbelanjaan harian untuk keluarga, memanglah dia akan mencari peluang mendapatkan tambahan gaji, tentulah akan melibatkan diri dengan rasuah. Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat menarik dengar cerita dan juga pengalaman Yang Berhormat. Saya hendak tanya, saya memang setuju tentang menaikkan gaji dan juga elaun pegawai polis.

Kalau kita lihat di negara lain seperti UK yang gaji polisnya memang lebih tinggi daripada pegawai kerajaan yang biasa, tetapi di negara-negara maju apabila Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen kita pergi ke New Zealand dan juga Australia kita mendapati di negara-negara sana yang lebih menghormati hak asasi manusia, mereka juga ada satu badan yang bebas untuk mendengar rintihan dan juga aduan daripada publik mengenai salah laku polis. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat Bintulu, bahawa salah satu cadangan Suruhanjaya Polis kita itu adalah untuk menubuhkan satu badan *independent* yang khas untuk mendengar salah laku dan juga aduan daripada publik mengenai polis.

Adakah setuju Yang Berhormat bahawa cadangan ini haruslah diambil serius oleh kerajaan kita, dan kita harus menubuhkan satu badan bebas seperti ini untuk mengawasi tingkah laku polis selain daripada menaikkan gaji dan elaun mereka.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasihlah Yang Berhormat dari Seputeh memanglah dia nampak saya tadi, dia kata bila saya punya pilihan raya negeri? Saya tanya dia, mana dia hendak pergi? Dia kata, "Hendak pergi Bintulu". Saya kata, "Pasal apa?" Dia kata pasal saya ada, terima kasihlah – *I welcome you to Bintulu*. Kita boleh *debate* bersama-samalah di Bintulu sana.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Cabar ya? Cabar?

Dato' Seri Tiong King Sing: Janganlah cabar kita *debate* dahulu. Memanglah Yang Berhormat, itu cadangan yang baik, memang kita dahulu pun sudah disoalkan. Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam janganlah selalu membezakan anggota beruniform dengan penjawat awam yang lain di pejabat, dan juga mesti faham di mana badan beruniform berkhidmat di dalam keadaan *standby* selama 24 jam.

Jika pihak JPA rasa kenaikan ini tidak adil, mungkin mereka tidak rasa kerana bekerja di dalam hawa dingin, jadi saya syorkan supaya mana-mana pegawai di JPA cubalah dan tukar di sini supaya dapat memahami dengan baik dan rasa sendiri. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah pihak kerajaan akan mengambil satu langkah kajian dan pertimbangkan untuk sektor-sektor awam yang saya sebut tadi?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini rakan-rakan Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang bank, isu bank di negara kita tetapi berdasarkan jawapan yang kita terima, nampaknya tidak berapa konkrit dan proaktif ataupun tidak ada satu keputusan yang

serius untuk menyelesaikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat dan ahli perniagaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rakyat amat kecewa dengan kerajaan kerana tidak mengambil perhatian dengan serius di dalam hal ini. Sepatutnya usaha bank-bank ini untuk menyediakan perkhidmatan terbaik selepas penggabungan serta mampu bersaing, tetapi untuk rakyat dan ahli perniagaan. Nampaknya seolah-olah bank-bank hanya berminat untuk memainkan peranan monopoli ekonomi negara sahaja. Kita pun boleh lihat dan nampak sistem sekarang tidak memberi kebaikan serta membantu terutamanya kepada ahli perniagaan kecil dan rakyat biasa. Contohnya mengenai isu-isu *charge*, sekarang buku cek semua sudah dicatat *account payee*. Kalau kita hendak isu cek tunai dikenakan *charge* RM2, kenapa bank tidak boleh disediakan buku cek untuk pemegang ada buku cek tunai dan buku *account payee*.

Kenapa di negara lain boleh ada buku cek tunai dan buku *account payee*? Kenapa negara kita tidak boleh menyediakan dua jenis buku ini dan suka mengambil peluang dikenakan *charge* mudah kepada pelanggan. Contohnya ada satu, ini notis daripada Maybank kita boleh nampak di mesin sana, *Notification on salary contra over the cash deposit machine*.

Dear customer, saya baca sebahagian daripada content dalam surat ini, "We have all feedbacks from the customer that this process have been created alternate jammed at our machine. Alternatively you may wish to consider using the bank other salary transfer facility of our automate payment system for salary transfer.

Shall you wish to perform salary contra transaction through our cheque deposit machine you were be charged RM10 per account. Kalau satu syarikat ada seratus orang pekerja.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kudat bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Adakah Yang Berhormat Bintulu bersetuju dengan saya? Tindakan bank-bank akhir-akhir ini mengenakan berbagai *charge* dan juga membebankan pelanggan-pelanggan adalah berpunca daripada keadaan disebabkan wujudnya penggabungan yang telah memperkecilkan bank-bank hari ini menggabungkan bank-bank sehingga jumlah bank sudah menjadi kecil. Iaitu suatu ketika kita mempunyai lebih kurang 50 institusi kewangan di negara kita, tetapi hari ini hanya tinggal 10 dan penggabungan ini telah mewujudkan satu suasana *oligopoly*. Mungkin pada masa-masa yang akan datang akan wujud lagi penggabungan yang mengecilkan jumlah bank-bank di Malaysia dan ini sudah tentu akan memberikan satu kekuatan kepada mereka untuk menggunakan keputusan-keputusan di dalam persatuan bank-bank Malaysia untuk mengenakan *charge-charge* kepada pelanggan-pelanggan, dan ini adalah merupakan satu tindakan yang saya rasa tidak wajar, jadi apakah pendapat Yang Berhormat Bintulu tentang keadaan ini?

Kalau di negara-negara lain sebenarnya tidak wujud soal penggabungan di Taiwan misalnya masih banyak bank yang wujud khususnya bank-bank *regional* atau bank-bank yang kecil, kerana bank-bank yang kecil ini juga mempunyai *marketnya* yang tersendiri khususnya untuk memberikan perkhidmatan kepada *regional area*. Saya nampak bahawa penggabungan ini dari satu segi telah menimbulkan masalah khususnya kesombongan daripada bank-bank ini untuk mengenakan *charge-charge* dan mereka sebenarnya boleh mengugut Bank Negara untuk meluluskan permintaan mereka, dan ini sudah tentu akan membebankan pelanggan, apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kudat. Memanglah ini mungkin satu kesilapan apa kita sudah dibuat, jadi memang untuk rakyat semua, selepas penggabungan ini semua hanya mereka yang berminat dikenakan *charge-charge* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh sambung minggu depan?

Dato' Seri Tiong King Sing: Belum, ada satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng: Hah? Satu minit? Ok, satu minit lagi boleh.

Dato' Seri Tiong King Sing: Belum, belum.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Ini cakap terus, ini tidak apalah besoklah, bukan hari Isninlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng: Baik, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin 10 Oktober 2005.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.